



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AZRUL ZAIDI BIN JAMALUDDIN
PELAWAK SENIOR

OLEH:

MUHAMMAD AKMAL BIN SHAMSUDDIN 2021102969
MUHAMMAD FARIS AIMAN BIN ZULKARNAIN 2021747407

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – JULY 2022)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AZRUL ZAIDI BIN JAMALUDDIN

PELAKON SENIOR

OLEH:

MUHAMMAD AKMAL BIN SHAMSUDDIN	2021102969
MUHAMMAD FARIS AIMAN BIN ZULKARNAIN	2021747407

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – JULAI 2022)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Pertama sekali, syukur ke hadrat llahi kerana memberi peluang kepada saya untuk melakukan tugas ini dan kami amat bersyukur kerana saya telah berjaya menyiapkan tugas IMR 604 dengan jayanya pada masa yang ditetapkan dan menjadikan segalanya dapat dilaksanakan. Tugas ini tidak dapat disiapkan tanpa sokongan daripada pensyarah saya Puan Nurulannisa Binti Abdullah.

Kedua, tanpa maklumat dan usaha, tugas ini tidak dapat disiapkan. Kami tidak pernah menghadapi sebarang masalah yang tidak dapat diselesaikan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang telah membantu menyiapkan projek ini dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah yang dikasih kerana telah membimbing saya sehingga tamat projek ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami di atas sokongan yang telah mendorong dan memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan tugas saya dan juga kepada rakan-rakan yang sentiasa sudi membantu dan menyokong kami dalam menyiapkan tugas ini.

Sekali lagi, di sini, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu kami dalam menyiapkan tugas ini secara langsung atau tidak langsung. Segala yang baik datang dari Allah SWT dan yang buruk semuanya dari saya.

Terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama pelakon berpengalaman yang berasal daripada Pulau Pinang, Malaysia iaitu Encik Asrul Zaidi Bin Jamaluddin atau juga dikenali sebagai Azrul Zaidi. Temubual ini dijalankan untuk mengetahui serba sedikit maklumat seperti latar belakang, pencapaian dan lain-lain yang boleh dijadikan rujukan untuk masa akan datang. Temubual ini akan dijalankan secara atas talian di kediaman masing-masing. Tarikh temubual tersebut pada 18 Julai 2022. Encik Azrul Zaidi Bin Jamaluddin telah dilahirkan pada 13 Februari 1974 di Butterworth, Pulau Pinang. Beliau telah menerima pendidikan di Stowell School, Pulau Pinang ketika berusia 7 tahun dan menyambung pelajarannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pada awal penglibatan beliau dalam industri muzik, beliau sudah mula bergiat aktif dalam industry ini sejak dibangku persekolahan. Pertanding pertama yang menaikkan lagi nama beliau dalam industri muzik adalah menerusi pertandingan Bintang RTM Kawasan Utara pada tahun 1995. Pada tahun yang sama juga beliau telah menyertai pertandingan Asia Bagus dan menjadi finalis untuk pertandingan itu. Bukan sekadar itu, beliau juga telah menyertai pertandingan lawak anjuran pihak Astro iaitu rancangan Raja Lawak Musim 2. Selain itu, Encik Azrul Zaidi juga terlibat dalam industry lakonan dimana beliau mula mencebur dalam bidang lakonan pada tahun 2006 dengan filem komedi pertamanya iaitu 'Diva Popular' arahan Erma Fatima. Beliau juga turut memainkan peranan dalam filem 'Hantu Nan Sempit' arahan Ahmad Idham dan juga dibintangi pelakon-pelakon lain seperti Khir Rahman, Soffi Jikan, dan Erin Malek. Disamping itu, Encik Azrul Zaidi juga merupakan seorang penyampai radio bagi Suria FM selama beberapa tahun. Kemudian beliau mencbur dalam bidang pengacaraan bersama pihak RTM. Kini Encik Azrul Zaidi masih lagi aktif dalam industri seni.

Kata kunci: artis senior, artis versatil, pelawak, pemyanyi

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	iii - iv
Abstrak.....	v - vi
Isi Kandungan.....	vii - viii
Biodata Tokoh.....	01 - 02
Pengenalan.....	03 - 04
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	05 - 13
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	14 - 18
Bahagian 3: Kerjaya Awal Sebagai Penyanyi.....	19 - 26
Bahagian 4: Kerjaya Utama Sebagai Seorang Pelawak.....	27 - 32
Bahagian 5: Kerjaya Sampingan Sebagai Seorang Pelakon.....	33 - 40
Bahagian 6: Kerjaya Tambahan Sebagai Seorang Pengubah Suara..	41 - 43
Bahagian 7: Anugerah Dan Pencapaian.....	44 - 49
Bahagian 8: Sumbangan.....	50 - 54
Bahagian 9: Pesanan Dan Harapan.....	55 - 101
Lampiran	102
Log Wawancara	103 - 110
Diari Kajian	111 - 112
Senarai Soalan: Sebelum Temubual.....	113 - 121
Senarai Soalan: Selepas Temubual.....	122 - 125
Surat Perjanjian.....	126
Gambar.....	127
Rujukan.....	128

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA: ASRUL ZAIDI BIN JAMALUDDIN

UMUR: 48 TAHUN

TARIKH LAHIR: 13 FEBUARI 1972

PEKERJAAN: PELAWAK, PENYANYI, PELAKON TEATER DAN FILEM,
PENGACARA, DAN PENYAMPAI RADIO

TEMPAT TINGGAL: BUTTERWORTH, PULAU PINANG, MALAYSIA

PENGENALAN

PENGENALAN

Sejarah lisan ialah kajian yang boleh menyimpan data dari masa lalu, walaupun masa dan peristiwa itu telah berlalu. Ia wujud dalam zaman penemuan baharu dan teknologi moden yang berkaitan dengan isu politik, kewangan, perniagaan, kesusasteraan dan kehidupan moden yang semakin kompleks. Kajian sejarah lisan dikatakan menarik kerana pengkaji menemui pelbagai pengalaman baharu, menonton sejarah dari semua pihak, dan pelajari lebih lanjut tentang sifat manusia. Ini adalah bidang pengajian yang sangat luas, meliputi semua segmen masyarakat seperti orang biasa, ketua masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, penulis, perniagaan, dan lain-lain.

Berdasarkan maksud seniman yang dirujuk daripada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, seniman bermaksud orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya itu di depan khalayak ramai. Terdapat pelbagai pekerjaan yang boleh boleh dikaitkan dengan perkataan seniman seperti pelukis, penyair, dan penyanyi. Apabila membicarakan tentang perihal seniman, sudah semestinya para seniman itu sendiri mempunyai hasil karya seni mereka yang tersendiri dimana mereka pakar dalam bidang yang mereka ceburi. Contohnya seni lukis, syair yang digubah sendiri oleh seniman, seloka atau puisi, dan juga muzik hasil pemikiran mereka.

Nyanyian merujuk kepada aktiviti mengeluarkan bunyi daripada kotak suara dengan cara tertentu yang bertujuan menghasilkan nada dan melodi yang merdu di telinga manusia. Ia merupakan salah satu aktiviti manusia yang bertujuan untuk menyenangkan hati seseorang. Nyanyian boleh dilakukan dengan bantuan alat muzik atau hanya dengan secara bertepuk tangan dan sebagainya. Nyanyian memerlukan daya kreativiti manusia dan dianggap sebagai salah satu cabang seni. Mereka yang menyanyi digelar penyanyi.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis senior dalam industry hiburan yang mempunyai banyak pengalaman kerjaya. Bersama-sama kami ialah Encik Asrul Zaidi Bin Jamaluddin yang merupakan pelawak senior yang berpengalaman. Rakaman ini dijalankan pada hari 17 July 2022 melalui platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Akmal Bin Shamsuddin dan Muhammad Faris Aiman Bin Zulkarnain.

Petunjuk:

AZ: Azrul Zaidi

MA: Muhammad Akmal

MFA: Muhammad Faris Aiman

1:30:03 Stop

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MFA : Okay. Emm, kita ke bahagian yang pertama iaitu bahagian latar belakang Encik. Boleh encik perkenalkan diri Encik?

AZ : Baik assalamualaikum, pertama sekali terima kasih kepada yang terlibat apani untuk memanggil saya untuk Bersama-sama dalam projek yang awak semua buatlah. Baik, pertama sekali saya kenalkan diri saya macam seperti yang apani moderator kita bagitahu tadi, nama saya Azrul Zaidi bin Jamaluddin, berusia 48 tahun, saya lahir pada 13 Februari 1974 di Butterworth, Pulau Pinang. saya merupakan anak anak sulong daripada 12 adik beradik. telah berkahwin mempunyai 5 orang anak dan juga saya merupakan pekerja seni sepenuh masa seperti yang telahpun diketahui pelbagai bidang saya ceburi dan alhamdulillah kekal sehingga ke harini dan itu adalah intro permulaan untuk kita punya sesi pada petang ini.

MFA : Okay. Baiklah kita ke soalan yang seterusnya. Bahagian latar belakang juga. Emm boleh Encik bagitahu hobi encik ketika masa lapang?

AZ : Ohh, hobi ketika lapang eh. Okay saya memang kalau hobi eh kalau takde show takde shooting dan takde benda-benda yang melibatkan pekerjaan saya, hobi saya bermain bola sepak bermain bola sepak boleh dikatakan setiap minggu akan ada game lah apatu dekat di KL ni banyak padang padang bola turf jadi ada beberapa team yang saya sertai lah. So setakat ni hobi saya memang bola sepak dan itu jelah hobi yang ada pun untuk menyihatkan tubuh badan [gelak gembira].

MA : Encik bermain boleh sepak tu dengan rakan artis ataupun rakan lain?

AZ Okay ada, ada beberapa team yang saya cakap tadi lah kita ada team artis kita ada yang team bukan artis dan saya juga ada team yang semuanya bekas-bekas pemain negeri terutama daripada Pulau Pinang sebab kita baru tubuhkan satu team iaitu Anak Penang Klang Valley dimana kebanyakannya pemain-pemain dalam Anak Penang Klang Valley ni merupakan bekas-bekas player daripada negeri, bekas-bekas player kelab-kelab yang ada di Malaysia ni dan juga kalau, kalau saya rasa lah kalau saya tak jadi artis mungkin saya adalah pemain bola sepak sebab saya pun pernah masa remaja dulu masa sekolah menengah dulu mewakili di peringka daerah ada join kelab northern telekom di penang dan juga bawah 18 penang tetapi disebabkan masa bawah 18 penang tu pemain untuk negeri tu saya mendapat kecederaan jadi semasa selection untuk the final team tu saya tak dapat nak menyertainya jadi saya di gugurkan. Haaa, jadi itu antara penyebab lah bola sepak merupakan hobi sebab memang minat bola sepak selain daripada hiburan.

- MA : So, memang cita-cita encik dari kecil memang bermain bola lah atau ingin menjadi artis?
- AZ : Okay, kalau bercakap tentang cita-cita, setiap manusia ni mempunyai cita-cita yang berbeza-beza mengikut lumrah kehidupan, kalau masa kecil mungkin awak sendiri pun dua orang masa kecil masa berumur masa di tadika tu kita lebih menjurus kepada cita-cita apa yang kita tengok apa yang kita hadap. Apabila kita meningkat remaja kita dah ada kawan, jadi kadang-kadang cita-cita kita tu dipengaruhi oleh kawan-kawan sekeliling. Apabila kita meningkat ke belia dan seterusnya cita-cita kita terbahagi kepada dua satut mengikut kehendak diri sendiri dan satu lagi mengikut kehendak persekitaran. Jadi kalau nak kata cita-cita eh, saya dulu kecil-kecil zaman saya masa kecil-kecil dulu tidak ada orang panggil ilufra yang dasyat tak macam sekarang ni lah era-era di mrt dan sebagainya grab dan sebagainya. Apa yang menghubungkan kami kalau nak gerak ke satu tempat ke satu tempat pada masa kecil dulu walapun even nak ke sekolah pon naik bas. Jadi apabila dulu kalau kita naik bas dia ada konduktor bas, konduktor bas ni dia akan collect duit daripada kita dan akan bagi tiket kan. Jadi saya, mak saya pernah cerita dekat saya, dulu masa saya kecil-kecil masa saya sekolah rendah dia kata saya cakap saya pernah cakap dekat dia yang cita-cita saya ialah untuk menjadi konduktor bas sebab apa, sebab duit banyak [gelak gembira] Kan. Sebab dia collect duit banyak ni okay la, nak jadi konduktor bas lah, sebab duit banyak [gelak gembira]. Tapi, kalau kalau kata untuk menjadi artis ni saya sebenarnya bermula buat show depan orang ramai ataupun terdedah dengan musik ni sejak daripada kecil sebab family saya memang minat musik sebab zaman-zaman dulu kita agak tehad untuk tv punya saluran tak macam sekarang ni dulu cuma ada RTM 1,RTM 2 tahun 84, tahun 85 baru TV3 masuk

Iepastu kalau kat rumah tu pun waktu siaran tv tu pon dia akan habis awal tidak zaman sekarang 24 jam. Jadi banyak masa sebab tu dulu ukhwah antara keluarga tu rapat sebab banyak masa kita habiskan di rumah, kan selepas 9 ke atas lepas isyak tu semuanya ada di rumah dan kalau di rumah saya tu telah menjadi satu kelaziman ayah saya akan dia minat musik dia juga masa remaja masa muda dulu pon ada jadi memang masa tu dia akan beli piring hitam, dia akan beli piring hitam lepas makan semua dia akan pasang piring hitam tu jadi kami ramai-ramai akan satu family akan duduk di ruang tamu untuk mendegar lagu yang dimainkan daripada piring hitam tu. Jadi disitu lah bermulanya detik untuk saya mula minat musik dan juga mungkin satu kebertulan atau menjadi satu timeline dalam family saya ialah atuk saya datuk saya ia merupakan salah sorang orang kuat pengasas boria di penang jadi mungkin itu antara orang panggil macam darah seni mengalir kat situ kan. Jadi saya emm saya kalau bercakap tentang cita-cita tu apabila saya berusia aaaa sekolah rendah j7 saya rasa dalam umur 10 tahun tu saya dah rasa yang saya ni boleh menyanyi dan menghiburkan orang sebab masa zaman tu saya ingat lagi pada itu mat kilau silap, 1984, 1984 masa tu kumpulan search dia keluarkan first album dia yang bertajuk aaaa cinta buatan Malaysia dan kebertulan masa saya sekolah tu ada hari guru jadi cikgu memang tahu yang saya suka menanyi sebab saya sertai koir kelab musik dan sebahagiannya memang kalau kat sekolah, bermula daripada sekolah rendah tu saya memang apa tu bakat bercakap ni memang telah dicungkil memang dah ada sebab daripada sekolah rendah saya dah wakil pantun sekolah dapat wakil pidato dan Bahasa dan sebaginya apabila ada acara dekat sekolah tu cikgu akan push saya . Jadi itulah pertama kali pada tahun 84 tu saya menyanyi lagu rock dengan memasang kaset di belakang sebab pada

masa tu takde minus one, lagu search tajuk dia cinta buatan Malaysia saya nyanyi ikut lagu tu lah aaa walaupun suara amy dekat belakang tapi saya menyanyi ikut lagu tu. Jadi bermula daripada situ saya rasa saya dah menjurus ke arah hiburan lah aa seni la maksudnya.

MFA : Emm pada awal encik bermula industri seni tu adakah encik menerima tentang ataupun banatahan daripada ahli keluarga?

AZ Okay, aaa pada awal penglibatan saya masa saya sekolah menengah tahun 87 sampai 88, saya bersekolah di sekolah sebuah sekolah agama lah maahad masa zaman tu tahun 87, 88 tu ayah saya cenderung untuk mendalami apani agama la islamik, jadi dia nak anak-anak dia tambah saya anak sulong pulak kan dia nak saya jadi ustaz sebenarnya, [gelak gembira], dia nak jadi ustaz tapi disebabkan pada zaman tu 80 an tu pengaruh rock music rock mula, mula menebal di jiwa saya sebab aaa tanpa di ketahui oleh family terutama bapak saya kan, saya curi-curi belajar main gitar, saya curi-curi pergi jamming dengan kawan-kawan, saya curi-curi masuk pertandingan. Jadi ada suatu ketika tu, saya bawak balik gitar ke rumah untuk practice la untuk main dan saya tak sangka yang ayah saya dia begitu marah eh, begitu marah sebab dia nak saya jadi ustaz tapi saya cenderung kea rah musik, gitar tu dia pecahkan, gitar tu dia pecahkan, jadi dia memang marah la, dia memang taknak la saya ceburi bidang ni masa tu. Saya agak frust masa tu saya agak kecewa sebab saya anak sulong jadi bende tu macam membakar ego saya la sebagai anak sulong kan sebab adik-adik tengok kan jadi orang lelaki biasa la kan jadi dia memberontak la kan "apa nii" kan jadi aaa kejadian tu sebenarnya menguatkan lagi saya punya aaa sifat nak melawan tu nak tunjuk kan dekat ayah saya, okay takpe kan pecahkan gitar takpe, aku akan tunjukan yang bende ni sebenarnya, music ni sebenarnya, boleh

cari makan, musik ni sebenarnya future kan. Jadi aaa bermula daripada kejadian itu saya akan selalu masuk pertandingan yang yang okay yang tahu pasal bende ni yang support saya secara keseluruhan semua adalah arwah nenek saya. Sebab saya masa kecik dulu aaa membesar sebab saya cucu sulong jadi banyak membesar di rumah datuk dan nenek saya sebab rumah kitaorang dekat-dekat jadi kalau balik sekolah saya takkan balik rumah terus, saya akan lepak rumah datuk nenek saya. Jadi datuk dan nenek saya ni dia tahu minat saya dalam bidang music dan dia selalu support saya yang paling saya takleh lupa apabila TV3 masa tu tahun 1995 ataupun 96 macam tu, sinaran passport kegemilangan diadakan dan aaa sebelum sebelum sinaran passport saya dah masuk banyak pertandingan di penang terutamanya di Penang ya dan juga kadang-kadang di kl. Masa saya nak pergi audition sinaran passport kegemilangan tu, saya takda duit. Jadi iklan tu keluar di tv,jadi nenek saya ni tahu saya minat muzik jadi dia tanya tak nak try ke tapi saya tak cakap saya takda duit. Dia cakat taknak try ke pi la try mana tahu kot-kot ada rezeki dapat masuk tv macam tu. Saya cakap nanti la busy la tengah kerja la sampai la esoknya audition saya masih lagi melepek dekat rumah(gelak sinis) sebab takda duit tengah fikir macam mana aku nak pergi kan jadi masa tu dekat penang kan saya duduk dekat seberang dengan duitnya basnya nak naik ferinya dengan nak pergi ke komtarnya sebab masatu pertandingan tu dekat komtar.tiba-tiba nenek saya ni ajak saya keluar di ajak saya keluar teamn dia saya pun keluar teman dia. Kita ambik taxi pergi.rupanya dia pergi pajak gadai, dia gadaikan cincin dia. Duit cincin tu dia bagi dekat saya untuk pergi audition. Dan mungkin restu dan juga rezeki lah kan, bila saya pergi audition tu dalam beribu orang sebab haritu audition passport sinaran ni dia diperbuat daripada state to state negeri to negeri so setiap negara ada wakil dia.

Jadi bila dekat penang tu ada berib orang yang masuk, yang terpilih Cuma dua orang sahaja. Saya dan juga seorang budak perempuan yang mewakili penang. Saya dapat masatu audition. Jadi daripada situlah menguatkan lagi tekad saya untuk saya betul-betul serius dalam bidang seni ni. Bermula dari itu la saya rasa saya memang betul-betul target untuk menjadi somebody dalam bidang industri ni.

MFA : Okay. Faham.

MA : **Okay, masa yang encik cakap yang competition tadi selepas tu masa yang ayah encik ada bagi tentang tak masa tu?**

AZ : Dia tak tahu.

MA : **Jadi yang tahu hanya nenek encik sahajalah?**

AZ : Masa tu dia tak tahu, yang dia tahu saya dapat sinaran dulu ada dua cara ya untuk diaorang bagitahu you dapat audition tu, satu dia akan call dekat rumah. Satu lagi dia akan hantar surat. Masa diaorang call dekat rumah tu, saya takda dekat rumah jadi apabila saya balik, mak saya yang bagitahu. Dia cakap eh tadi ada tv3 call, hah?! Tv3 call? Kenapa ya? Dia kata pasal sinaran passport kegemilangan, dia bagi date pastu saya pun macam antara teruja dengan takut sebenarnya, macam oh eh okay. Pastu dia kata dia bagi date untuk suruh pergi kl ni no.phone suruh call balik tv3 masa tu. Jadi saya call balik tv3 jadi diaorang bagi date apa semua. Settle sampailah masa nak menghnatar stesen bas tu saya ingat saya nak pergi sendiri sebab saya tahu yang bapak saya tak support saya, saya nak pergi sendiri, dah siap-siap apa semua tengok mak bapakm saya tengah tunggu saya dekat luar. Jadi saya pun macam eh kenapa dua ni tunggu dekat luar pulak kan pastu dia cakap jom dia nak hantar dekat bustand dia cakap, saya pun macam okay la takda hal la pergi la lepastu dia pun hantar saya dekat

bustand untuk pergi ke kl la untuk sinaran tu dan memang menjadi rezeki saya semasa sinaran tu pulak saya menjadi juara mingguan sebab masa sinara dia ada carta dia jadi setiap juara mingguan akan masuk carta okay apabila jadi juara mingguan dia akan keluar tv jadi benda tu kecohlah dekat kampung kan, anak kampung pertama yang keluar tv kononya (gelak) jadi masa tu pulak masalah saya adalah apabila saya menjadi juara mingguan sebagai pemenang, saya menang tiga hamper yang besar dan bayangkan saya nak kena balik ke penang naik bas jadi macam mana saya nak abwak tiga hamper yang besar ni untuk balik. Jadi aoa yang saya buat, saya pilih hamper yang saya nak sahaja yang dua lagi saya taknak saya dah sampai dekat pudu raya saya cakap siapa yang nak barang ni ambik, oh ramailah orang datang yang saya nak saya simpan dan lagi satu bila saya jadi juara mingguan masa zaman tu saya menang tv sony 29 inch bapak besar la zaman tu jadi bila menang 29-inci tu kira saya yang paling terry la masa tu. Tv yabg paling besar dalam rumah hah jadi masatu saay dah nampak ayah saya seakan-akan macam dia tak cakap tapi dia boleh macam ada perasaan bangga la kita boleh rasa la walaupun dia tak cakap bila bab sampai daripada kl tu. Orang kampung semua jiran jirans emua macam tengok lah hang semalam tahniah . Ceh bapakla relaks saya sempoi kan .tapi muka dia macam eh anak aku kot 'come on la' tapi dia tak cakap tau, tapi muka bangga la.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

MFA : Dimanakah encik bersekolah rendan dan cerita serba sedikit tentang sekolah tersebut?

AZ : Saya sekolah rendah di salah sebuah sekolah yang kalau korang boleh google dia merupakan salah satu sekolah yang terkenal di seluruh dunia. Dan sekolah saya rendah saya ni juga antara pelajar sekolah rendah saya ni adalah dato seri anwar ibrahim. Kami satu sekolah tapi umur berbeza. Sekolah rendah masatu bukan sekolah rendah tapi sekolah kebangsaan stowell bukti mertajam. Kenapa sekolah tu famous di penang? Kerana sekolah tu dulu sekolah tu takda berintegriti la apa semua tu. Sekolah stowell merupakan salah sebuah sekolah yang terkenal di penang selain daripada penang free school dan highschool bm. Sekolah ini merupakan sekolah yang memang betul-betul dibuat oleh british pada zaman itu. Stoweel itu merupakan salah seorang british punya pemerintah la dan sekolah stowell ni dia terkenal sebab sukan bola dia memang kuat. Dan dia juga mempunyai sejarah yang mana sekolah stowell ini juga pernah didiami oleh askar jepun semasa perang zaman jepun. Sekolah ini juga dikenali di seluruh dunia kerana dikhabarkan ufo pernah landing di sekolah ini. Jadi kalau kamu tidak percaya kamu boleh google ufo di sekolah stowell. Dia akan keluar. Pernah satu ketika waktu saya habis sekolah, saya bekerja secara sambilan dengan timeline publisher sebagai salesman marketing dimana timeline publishing ni pengeluar buku. Merupakan anak syarikat kepada majalah times ni memang terkenal. Masa zaman tu, ada satu pameran buku di maktab perguruan tunku bainun di pulau pinang. Masa itu anwar ibrahim merupakan menteri pendidikan. Dalam timeline publishing punya listing, salah satu pakej yang dia ada adalah history of the world dimana buku itu memang tebal macam

orang kaya-kaya punya buku memang mahal yang dimana harganya seribu lebih. Dalam history of the world tu, ada tercatat sejarah tentang sekolah stowell yang mana saya katakan tadilah pasal ufo turun dekat stowell ada dalam buku tu. Jadi dalam syarikat timeline oublishing yang saya kerja tu saya the only one malay or budak melayu yang kerja dekat situ yang lain semua cina dah india sebab diaorang jual buju yang mahal la jadi kebanyakkan klien diorang ni sekolah-sekolah, pengawai kerajaan jadi saya seoarang sahaja mealyu dekat situ. Jadi saya cakap dekat boss saya, masa tu lah saya cakap boss kalau i boleh jual ini buku pada anwar ibrahim apa you mahu bagi boss saya gelak dia kata betul ke? Dia kata kalau boleh jual buku ni kepada anwar ibrahim, you closed i bagi satu ribu ringgit. Sebab saya dah tahu dah yang anwar ibrahim ni suka membaca dan dalam buku history of the world ada cerita pasal kitaorang. Okay saya dah tahu dah dan pada hari kejadian, anwar ibrahim akan melawat dari booth ke booth sampai la ke booth saya dan bila dia sampai ke booth saya ni saya own cakap assalamualaikum dato seri, "ni jual apa ni" jual buku daripada timeline publishing. Apa buku yang best? Saya cakap kita satu sekolah dato seri dan dato seri balas awak umur berapa macam tu . Memang jauh beza la tapi kita satu sekolah stowell. Oh budak stowell hah ni sekolah saya apa cerita dato seri ingat tak pasal sejarah sekolah stowell yang mana satu, saya ambik bukut usaya bukak bahagian ufo landing in malaysia. Dato seri baca sekolah siapa tu. Sekolah stowell. Sekolah kita. Dia ambil buku dan cakap wow betul ni. Orang dibelakang dia semua setuju ih betul la . Selepas itu dia tanya berapa harga buku ini. Dan saya cakap rm1280 macam tu saya cakap. Bagus buku ni budak stowell . Dia letak buku tu dan dia pergi. Tak close deal la. You tengok you kata boleh jual tapi tak boleh pun. Nak dijadikan cerita dalam a few minutes. Dia

punya pa ke siapa datang dekat saya, dia tanya saya buku tadi tu mana and saya tunjuk buku tu dekat dia. Dia kasi alamat dan tanya saya boleh hantar dekat alamat sini tak hantar dekat kl dan saya pun ambil kad dan alamat rumah dia merupakan alamat rumah anwar ibrahim dan saya pun eh betul ke. Boleh keluarkan invoice ke nanti kita akan bayar terus. Lepas tu boss saya kena tunaikan janji dan saya pun dapat seribu. Okay itu sekolah rendah. Lepas tu bila saya sekolah rendah tahun 1981 sampai 1986 di sekolah kebangsaan stowell di bukit mertajam. 2 tahun saya bersekolah arab di sekolah agama di sekolah agama al-masriyah selama 2 tahun selepas tu jiwa memberontak zaman rock saya pergi jamming saya nak sekolah biasa jadi ayah saya pun tukar masuk masa hujung 1988 masa tingkatan 2 saya masuk ke sekolah menengah brime sampai tahun 1989. 1990 dan 1991 saya masuk sekolah menengah teknik nibong tebal ambil jurusan elektrik lepas tu habis praktikal di kilang sony saya terus involve dalam entertainment. Jadi apa yang saya belajar pasal eletrik terhenti di situ sebab saya dah tidak berminat bermula daripadan situ saya dah involve dalam entertainment bermula daripada habis sekolah.

- MA : Dalam banyak-banyak sekolah yang encik pernah pergi, apakah pengalaman manis yang encik pernah lalui dan tidak pernah dilupakan sampai sekarang?**
- AZ : Semasa sekolah menengah, saya ni nakal dan say ani bukan seorang yang cemerlang dalam akademik tetapi nasib selalu menyebelahi saya sampaikan masa spam sebab saya aktif sukan dan juga aktiviti. Saya wakil bola, sepak takraw, pidato, bahas, pantun saya minat benda-benda yang seni jadi pendek cerita ada suatu mast utu saya terpilih mewakili daerah untuk bertanding dalam perbahasan di usm. Saya terkejut ketikan kerana dipilih dan itu antara kenangan**

yang manis bagi budak yang berusia 15 tahun untuk masuk ke usm university yang besar dimana masa gtu bayangkan di dewan canselor dengan stage yang besar dah awak berbahas di depan ribuan orang buat pertama kalinya bagi saya, itu merupakan kenangan yang saya tak boleh lupakan selain wakil sekolah untuk sukan dan juga wakil perbahasan. Saya ni ada satu sifat ingin tahu dan saya akan research dan study, saya tak berhenti belajar. Maksudnya pada zama saya gilakan muzik dan saya cari cikgu untuk belajar bermain drum, gitar,keyboard, menyanyi dan sebagainya. Saya belajar secara informal. Kemudian saya mula, bila dah sampai ke kl ini cerita bab ilmu, bila saya duduk kl start tahun 1994 bujang. Ada masa lapang saya akan masuk ke kelasyang dianjurkan oleh finas selalu buat kelas-kelas untuk pengarahan, penulisan skrip, lakonan dan saya sertai kelas tersebut selama 3 bulan hingga 6 bulan dan saya jugak ambil short course di akademi seni kebangsaan (ask) bukan aswara, dia ada satu bulding dekat situ yang buat short course untuk sesiapa yang berminat untuk tak nak belajar secara full-time course. saya tak jadi artis lagi masa tu saya terlibat dan terpilih untuk menyertai master class acting for film yang dibuat dengan kerjasama dari finas. Masatu tak silap saya pelakon broadway daripada London, yang mana antara 15 orang yang terpilih, saya sorang bukan artis, yang mana yang lain ada antara nama yang terpilih masa tu sabri yunus, vanidah imran, yang saya ingat la, angeline tan kalau tak silap , dalam 5-6 orang yang ada pelakon yang ada dalam master class, jadi saya antara yang terpilih yang finas pilih dan yuran untuk course ambil master class bernilai 6 ribu lebih tapi tak perlu bayar sebab finas tanggung sebab menjadi satu sifat saya saya ni suka mencari apa yang saya nak jadi saya tak putus-putus untuk cari kelas tertentu untuk teater untuk sebab kita tahu kita ada minat

dalam seni, sampailah saya masuk pertubuhan teater hidayah dimana ahli-ahli adalah dato jalaluddin hassan , abang Mubarak majid dan juga ada beberapa pelakon lama. Pertubuhan teater hidayah merupakan pertubuhan teater hidayah di Selangor yang lama dan otai dan dia punya presiden pada waktu tu adalah kamarul ar. Kamarul ar ni merupakan seorang penulis buku dan juga saya sertai kelas teater dengan ibu faziah nawi. Masa zaman tu, saya tak jadi artis lagi dan dalam tu ada jihan musa dan suaminya, ungku hariz dan juga talyuddin. Kitaorang satu group teater bawah faziah nawi. Jadi pendek cerita kalau dari segi akademik, saya sampai spmv ja tapi kalau dari segi luar akademik saya selalu mengikuti kelas-kelas yang ada terutama kelas seni.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL SEBAGAI PENYANYI

MFA : Boleh encik ceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang penyanyi?

AZ : Saya start menyanyi masa tu pada umur 6 tahun seingat saya start menyanyi. Lagu first yang saya buat adalah semasa konsert semasa tadika lagu Sudirman lagu hoorey-hoorey kemudian pada masa tu di depan rumah saya sebab dulu masatu takda pusat karaoke tak macam zaman sekarang boleh nyanyi dekat smule, dekat we sing zaman dulu takda. Jadi bila kau nak menyanyi, kau kena cari band dan kebetulan di kampung saya masa tu ada band bomba yang mana studio diaorang di depan rumah saya dan diaorang selalu jamming dekat situ dan saya cakap tadi saya membesar dengan muzik dan bapak saya akan beli piring hitam dan saya membesar dengan lagu alleycats. Dengan lagu suahimi meor hassan dan sebagainya. Jadi kebetulan masa band tu praktis, saya sebagai budak yang umur 6/7 tahun ni selalu pergi menghendap tengok diaorang parktis. Saya minat muzik kan saya tengok diaorang praktis. Sehingga la pada suatu Ketika saya tertangkap sebab diaorang Nampak saya ikut tingkap jadi diaorang tangkap dan panggil dan bila diaorang panggil seingat saya diaorang tanya nak nyanyi dan saya pun cakap nak. Diaroang time tu tengah prepare konsert untuk hari raya, untuk buat konsert time tu dekat kampung. Jadi lagu pertama yang saya menyanyi semasa berusia 6/7 tahun ketika itu adalah lagu alleycats. Kemudian bila meningkat ke dewasa lagu search 1984 dan waktu sekolah menengah saya dah ada band sendiri, saya masuk battle band of the band. Kalau dekat penang ada pesta local band yang akan perform dulu dan band saya selalu dapat perform dekat situ. Kemudian saya mula berjinak menyertai pertandingan secara solo bila saya masuk pertandingan secara solo

di penang, bila orang nampak saya ja orang akan gerun sebab bila saya masuk je saya menang dan bila orang lain masuk diaorang masuk tak menang. Bila saya ada ja diaorang mesti kalah. Nak kata suara saya sedap tapi takdela sedap mana pun kan sampailah saya dilarang masuk pertandingan dekat menang, bila saya nak masuk je diaorang tak kasi dan siap offer saya untuk jadi juri. Sampailah pada satu masa tu saya masuk pertandingan luar daripada penang, ada seorang organizer dia dating jumpa saya dan kenalkan diri dia, dia kata nak tak masuk pertandingan dekat alor star? Saya kata boleh nak masuk tapi kena bayar dan dia cakap tak payah bayar. Hang cuma fikir macam mana nak pergi kesana ja yang lain aku akan settlekan. Itulah kali pertama saya masuk pertandingan di luar penang pergi ke alor setar dan saya nombor 3 pada ketika itu. Kemudian, yang melonjakkan nama saya apabila saya masuk bintang rtm kawasan utara yang mana melibatkan penang, kedah dan juga perlis. Jadi setiap region akan bertanding dan semasa pertandingan bintang rtm Kawasan utara, saya jadi naib juara untuk bintang rtm dan nama saya mula spark. Pada zaman tu, sesiapa sahaja yang dipanggil oleh kombo rtm untuk menyanyi sebab dulu di radio ada satu segment kombo artis rtm. Jadi mana-mana penyanyi yang dapat nyanyi dengan kombo rtm tu macam satu achievement la. Saya pun dipanggil untuk perform dengan kombo rtm dan daripada situlah saya diberi kekuatan untuk saya. "Kalau betul-betul minat, buat betul-betul". Jadi mula dari situlah saya start dengan menyanyi. Saya masih di penang dan diaorang buat audition di penang dan saya dapat final Malaysia dan dia akan pilih tiga orang untuk mewakili Malaysia. Waktu final Malaysia dia ada 7 orang finalist dan pada waktu itu saya tidak berapa sihat dan saya tidak dapat perform dengan baik dan saya dapat tempat keempat dan dia pilih adalah tiga terbaik dan saya dapat

nombor 4 jadi saya ni reserved la untuk tiga orang dimanà kalau tiga orang tidak dapat serta sayalah yang akan ganti. Tapi nak dijadikan cerita tiga-tiga orang ini sihat dan saya tidak dapat nak mewakili Malaysia ke peringkat yang kebuh besar la tetapi dia punya semangat yang lebih besar. Jadi dia antara moment yang saya tak boleh lupa la because of satu pengalaman yang lain bagi saya. Kemudian bila, saya di kl saya masuk satu pertandingan nyanyian di medan mara dan masatu saya naib juara dan masatu saya di offer untuk buat album sebab masa tu saya nyanyi lagu awie dan diaorang minat dan bila habis pertandingan diaorang suruh datang office untuk berbincang. Masa tu saya berminat sangat untuk jadi artis dan pergi berbincang dan apa yang membuat saya menolak adalah saya tidak diberiarkan untuk memilih ahli band yang lain. Maksudnya saya sebagai penyanyi tidak boleh memilih guitarist dan drummer saya sendiri sebab band dah ada cuma penyanyi sahaja belum ada pada ketika itu. Jadi saya tak setuju sebab kita kenal diaorang dan rasa tak selesa dan pada masa tu pula deal yang dia berikan adalah sangat tidak best la sebab masa zaman dekat medan mara tu saya sudah ada beberapa kawan artis dan secara tidak langsung saya dapat sedikit ilmu mengenai royalty dan sebagainya jadi bila saya pergi deal tu dan dia punya deal saya tu, setiap album yang terjual saya akan dapat 30 sen tetapi apabila bersempang dengan rakan-rakan yang memang dah jadi artis, penyanyi beberapa kumpulan rock. Sebenarnya royalty untuk penyanyi adalah lebih daripada itu. Jadi saya taknak la sebab tahu macam dan start daripada situ, saya terus maca mini tak boleh dan rasa macam ditindas untuk saya menjadi penyanyi itu saya dah macam jauh sedikit dan itulah ceritanya tetapi minat menyanyi tu still ada dan saya ni pulak, saya suka explore apa yang ada dalam diri saya. Apabila saya dah mula explore untuk jadi dj dekat

shopping complex. Saya mula minat untuk jadi dj pulak dan daripadan situ saya tahu yang saya ada bakat dalam bercakap sebab kalau penyanyi tak perlu bercakap sangat pun kan. Aku boleh jadikan kerjaya sebagai dj di shopping complex ni sebagai sumber pendapatan sebab zama dulu dia takda youtube jadi sebarang hebahan melalui dj yang bertugas. Jadi setiap shopping complex tu kena ada dj sebab zaman tu takda social media untuk blast datang la beramai-ramai, hantar melalui mesej, zaman dulu takda menda macam ini kan. Jadi caranya adalah menggunakan dj untuk kasitahu apa yang mereka jual selain untuk hiburan dan sebagainya. Jadi bermulalah karier saya sebagai dj di shopping complex.

MFA : Seperti yang kita tahu Encik merupakan seorang komposer lagu dan pada tahun bilakah encik mula-mula mencipta lagu?

AZ : Bila kita minat muzik ni, kita cuba nak buat lagu dia sendiri. Sebab bagi dia, bila dia dah tahu cara main muzik, dia jadi lumrah manusia untuk tunjuk yang dia pandai buat tak kiralah lag utu sedap ke tak sedap ke. Seingat saya, saya mula berminat nak buat muzik lagu saya ini dimana masa saya tu zaman kru. Zaman kegemilangan KRU. Masa zaman tu bila zaman rock saya band rock saya dan waktu zaman kru saya ada band hiphop saya sendiri. Itulah yang kumpulan kami menang competition tu.

MA : Itu kiranya achievement untuk kumpulan hiphop encik kan?

AZ : Betul tu, kumpulan hiphop seakan-akan kru. Sebab masa tu apa yang inspired ialah sebab masa tu sama umur. First album diaorang, diaorang produce sendiri dan buat lagu sendiri. Jadi dia macam membakar semangat “aku pun nak buat lagu la”. Itu yang pertama kali saya buat lagu yang bertajuk ‘di sisi’ tapi lagu tu tak pernah direkodkan pun tapi lagu tu dibuat masa tu saya tengah dilamun cinta

dengan seorang perempuan ni. Jadi masa tu bila zaman dulu bila ko minat dekat seseorang tu ko akan kasi dia lagu tau. Jadi saya buat lagu tu untuk si dia dan pada masa saya sedar yangb saya ada bakat dalam membuat lagu dan saya banyak karya yang saya simpan dan ada juga yang saya bagi dekat orang lain. Bila mana kejadian MH370, ramai orang yang cuba menunjukkan solidariti dengan buat something. Lagu ‘seandainya’ tu saya buat setahun sebelum saya just humming pada gitar dan buat lirik dan say amula terfikir saya mempunyai lagi yang sesuai dengan situasi ni yang sesuai untuk expresskan perasaan saya dan saya ambik lagu yang raw dengan gitar dan saya beri kepada guitarist sixth sense. Saya merakamkan lagu itu dan ianya meruapakan lagu kedua saya dimana lagu pertama saya yang saya buat dengan along exist ketika itu Tajuk dia adalah cinta kita. Lagu itu saya buat saja syok syok saja. Sebab semua lagu yang saya buat tu suka suka sahaja. Saya tak aim untuk jual dan sebagainya. Saya buat untuk macam as long macam ada archive dalam diri. Bila orang google je, Azrul akan keluar lagu tu hahaha. Jadi, ada satu harta pusaka saya nanti. So, first single saya buat dengan along exist tajuk dia cinta kita. Dan lagu fast number, lagu tu and second tu yang seandainya. Dan saya tak sangka, bila seandainya tu dibuat, dan saya publish dekat youtube, Astro Awani call, mereka kata boleh ke nak pakai lagu ini untuk latar berita untuk MH370. Saya kata go ahead. Memang saya buat untuk MH370. Memang niat saya adalah untuk memberikan mereka semangat sebab kalau, anda semua pernah dengar lagu itu? Seandainya. Pernah. Ok lagu tu sebenarnya dibuat, kalau diamati pada liriknya itu, adalah, kita ini hidup akan mati. Sesiapa pun kita, yang hidup pasti akan mati. Tak ada orang hidup selama lamanya. Hidup akan mati. Jadi apabila hidup yang hidup akan meratapi kematian orang yang disayangi akan terasa

kehilangan tapi bagaimana cara untuk kita berkomunikasi dengan orang yang kita sayang tanpa kita sedari. Satu je instrument dia iaitu doa. Dan dalam islam sendiri pun, kita diajar untuk mendoakan yang baik baik, mendoakan kesejahteraan roh roh yang ada di sana. Jadi, saya buat lirik khusus untuk itu. Sebab itu tajuk itu seandainya. Seandainya aku tiada. Adakah kau menderita. Mengingati. Kisah yang silam. Kita berdua. Dan seandainya. Saya bayangkan saat dimana kita tak tahu bila kita nak meninggal. Kita berbual sebegini. "Seandainya aku tiada nanti, jangan sedih sedih." Dia macam itu. Lirik itu macam tu. Jadi, apabila lagu itu dikeluarkan oleh Awani, dua tiga kali, saya mendapat banyak respon daripada keluarga mangsa yang mana mereka ucapkan appreciation, terima kasih kerana lagu ini begitu bermakna supaya kita kuat untuk terus sedekahkan doa pada si mati dan sebagainya. Jadi saya macam berbangga juga walaupun lagu itu tidak terkenal seperti lagu yang lain, tetapi ada bahagian lagu itu yang menyentuh perasaan orang orang yang mendengar. Sebab saya bukannya, mahu lagu itu jadi terkenal, saya buat semata mata kepuasan diri saya. Saya menggunakan duit saya sendiri untuk keluarkan lagu itu. Dan in sha Allah saya tidak akan berhenti untuk buat lagu walaupun lagu itu tidak sepopular mana, tetapi itu merupakan kepuasan bagi diri saya.

- MFA** : **Seperti yang kita tahu, encik buat lagu untuk MH370 dengan lirik yang sangat mendalam sampai keluarga boleh beri appreciation untuk encik sendiri. Jadi, dari mana encik dapat inspirasi untuk membuat lirik lirik itu?**
- AZ** : Okay, saya ini dulu, saya ada satu hobi selain daripada bermain bola sepak, saya suka menulis di blog. Kalau anda semua lihat blog saya, dulu kan blog, semua suka menulis di situ. Jadi, hobi saya suka menulis di situ. Tajuk hobi

saya adalah Perihalku. Jadi, saya akan menulis benda benda yang berkisar tentang kehidupan. Saya akan tulis benda benda apa yang saya rasa. Jadi, seperti apa yang kata, benda seni ini, ianya memang dekat dengan jiwa dan perasaan kita, tidak kira seni apa pun. Sebab benda itu adalah lahir daripada dalam minat kita sendiri. Kalau kita tidak minat, kita buat kerana orang, benda itu tak akan kemana. Apabila lirik itu, macam saya, saya tidak tahu orang lain la, kalau saya, cara yang saya guna adalah saya akan, sebab mungkin pengalaman saya ini sebagai pelakon dan sebagainya. Bila kita berlakon, kita kena tahu apa yang kita cakap, apa yang kita lakonkan. Jadi, bila saya menulis lirik MH370, saya bayangkan kalau saya ditempat mangsa, apa yang aku tinggalkan pada keluarga aku ini. Apa yang keluarga aku akan dapat kekuatan daripada kehilangan aku. Sebab itu saya tulis perkataan Seandainya. Seandainya belum tentu benda itu akan terzahir, belum tentu benda itu akan berlaku. Seandainya, awak tidak belajar di universiti ini, awak akan belajar di mana, seandainya. Kalau. Jadi, itu yang antara cara kita nak meluahkan rasa. Sebab kalau anda semua boleh masuk ke blog saya, saya dah lama tidak update di situ, tapi anda boleh tengok. Kalau anda baca apa yang saya tulis, In sha Allah anda tahu siapa Azrul Zaidi yang sebenarnya. Boleh cari di azrulzaidi.blogspot.com. Jadi, secara tidak langsung, pengalaman itu membantu dalam penulisan sebenarnya.

- MA : **Untuk berapa lamakah encik ambil masa untuk encik mencipta lagu seandainya?**
- AZ : Seperti yang saya kata, lagu itu saya buat setahun sebelum MH370. Saya hanya buat dan saya simpan. Saya buat dan saya rakam sendiri di rumah. Bila mana kejadian itu berlaku, saya buka semula fail yang ada lagu saya itu, saya

lihat balik. Saya tengok lagu itu macam, melodi dia macam lirik itu macam kena dengan lagu itu. Sebab lagu itu kalau tidak salah saya la, seingat saya, saya mulakan dengan chorus. Verse dia tak ada lagi. Saya mulakan dengan chorus dia. "Singing". Saya mula dengan itu kalau tidak silap. Baru saya cari verse. Sebab kadang kadang orang tulis itu ada cara masing masing. Kadang kadang tajuk dahulu. Kadang kadang dia verse dulu. Kadang kadang dia menconteng juga. Lepastu dia (tak jelas). Kadang kadang orang ikut melodi. Sebab kalau ikut kan, kalau ikut secara teori dan teknikalnya, nak buat lirik ini kena ikut pada suku kata. Macam kita buat lagu kan, macam (singing). Jadi dia punya suku kata, (singing). Suku kata dia. (Nyanyi). Setengah orang buat lirik berpanduken kepada teori itu. Setengah orang buat lirik, dia akan tulis je lirik. Dia akan banyak method. Dan kadang kadang kita tulis lirik tu sebab pencipta lagu yang beritahu. Dia macam beritahu "Rul, lagu aku ini aku nak kisah dia tentang seorang perempuan nak lelaki ini tetapi lelaki ini tak mahu dia. Dia kena ada cerita." Sebab itu kalau kita mati, lirik dan tulisan, dia banyak benda yang metafora. Banyak yang benda kita fikir, kita kena dengar dua tiga kali baru kita faham. Contohnya, lagu Spider Aladdin, tapi Aladdin tu yang jin. Tapi kalau kita baca betul betul lirik dia, baru kita tahu jalan cerita dia. Itu la dia. Sebab kalau nak kata lama tak lama, lagu itu dibuat setahun sebelum MH370. Lepastu, proses membuat lagu itu tak lama, sebab struktur dah ada, lirik dah ada, saya cuma beri kepada GG 6sense untuk dia indahkan lagi lagu itu. Dan saya nak lagu itu macam lagu andai ku tahu, kumpulan ungu. (Nyanyi). Saya nak lagu itu macam itu. Saya kata kepada GG. Itu yang terjadinya lagu seandainya.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: KERJAYA UTAMA SEBAGAI SEORANG PELAWAK

MFA : Bolehkan encik ceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pelawak?

AZ : Okay. 2008, Raja Lawak dibuat. Sebelum, 2008, 2004 saya DJ di radio Suria Fm. 2004 sehingga 2005, Dj di radio Suria Fm. 2005-2006, saya terlibat dengan Putri Gunung Ledang the Musical Theatre. 2006-2007, saya terlibat dengan P Ramlew The Musical Theatre. 2007-2008 saya telah bergelar pengacara Tv RTM. Saya merupakan pengacara Tv RTM untuk program yang dipanggil 'Kawasan Saya'. Raja lawak yang pertama, 2007, saya mula kenal dengan Angah Raja Lawak. Sebab kami sama sama terlibat untuk "road tour" agensi dadah kebangsaan. Jadi, saya mula kenal angah Raja Lawak ini. Jadi, bila dah berkawan dengan angah, satu hari angah call saya. "Weh, kau tak nak masuk raja lawak ? Uji bakat dah ada ni untuk musim kedua". Jadi, saya kata 'alamak'. Aku dah ada kerja dengan RTM ini. Takkan nak masuk uji bakat. Kawan dia daripada Johor iaitu Along, nak cari pasangan. "Kau masukla rul, kau boleh cakap. Nanti la aku fikirkan, aku ada kerja dengan RTM ni". Rezeki ini kita tak tahu kan ? Masa itu RTM, rancangan kawasan saya itu ada 52 episod. Jadi, dia akan rakam dari blok ke blok. Jadi, maksudnya, 3 bulan, 3 bulan. Jadi, bila saya dalam sesi rakaman, 3 bulan itu dah ada 13 episod. RTM akan rehat. Selepas habis 13 episod dekat televisyen itu, dia akan rakam yang baru. Masa uji bakat Raja Lawak 2008 tu, saya tengah rakam dengan RTM dekat hulu terengganu. Jadi, angah call masa dekat hulu terengganu. Jadi saya kata "tidak mengapalah, nanti saya balik kl, kita berjumpa." Masa itu Angah dan Along dia ikut Saiful Apek punya produksi. Bila saya sampai ke KL, pergi minum dengan Angah dan Along, itu lah pertama kali saya berjumpa Along, iaitu seminggu sebelum uji

bakat Raja Lawak. Bila berjumpa, Angah memberi rekomendasi kepada Along. Lepas itu, saya pun macam terkesima. Along pun macam "Rul, jom la masuk." Tak, aku pun dah ada kerja dengan RTM ni. Nanti la aku fikir fikirkan. Aku bukan lawak pun. Tak mengapalah, nanti saya fikir fikirkan." Lepastu saya balik shooting dengan RTM pada masa itu, masa balik di hulu terengganu. Lepastu kebetulan RTM beritahu yang mereka akan rehat 3 bulan. Selepas itu baru rakam balik. Saya beritahu RTM, kalau saya masuk pertandingan Raja Lawak boleh ke ? Jadi RTM beri kebenaran. Dua hari sebelum uji bakat di Subang Parade, Along telefon saya. Dia tanya macam mana. Dia menekan saya. Saya pun berkata "tak mengapa lah, esok aku balik KL, kita jumpa". Pergilah jumpa dia 2 hari sebelum ujibakat. Ujibakat itu hari sabtu. Saya balik KL hari Khamis. Bincang punya bincang sebab tak kenal. Lagipun, usia agak jauh. Dia muda 10 tahun. Jadi, bincang dekat kopitiam, dah dapat cerita. Jadi kita pergi uji bakat. Tapi kalau tak dapat, jangan marah saya. Dia kata tidak mengapa. Selepas itu, nama kumpulan pula. Apa nak letak nama kumpulan kita. Nak tahu nama itu, nama ini. Tiba tiba ternampak perkataan kopicham di kedai Cina. Saya tanya Cham itu apa di Kedai Cina. Cham itu bermaksud campuran kopi dan teh. Cantik. Saya asal Penang, Along asal Johor. Kita jumpa di KL. Kita pakai nama Cham macam bagus juga. Mana thu boleh jadi Cham Pion ke. Jadi ambil la nama Cham. Selepas itu, hari sabtu, macam saya cakap tadi, kalau kamu semua perasan. Saya suka mengkaji apa bakat yang saya ada. Saya dah pernah menyanyi. Saya dah mula DJ. Saya dah jadi pengacara. Saya dah menulis skrip. Jadi, apa lagi yang ada pada diri aku. Kaji dan kaji. Ok lawak. Cuba. Pergi cuba apa uji bakat. Ramai la dekat Small Break. Jadi kami pun melakukan uji bakat depan Hafsham. Hafsham muka dia sangat serius. Dia tak

pernah senyum. Jadi, serius je. Buat dan buat tiba tiba dapat ujibakat kedua. Masa uji bakat kedua, kami kena pergi ke Astro. Masa uji bakat kedua, dapat masuk televisyen. Sebab lagi satu, bila pergi uji bakat, jumpa peserta yang lain, mereka ni siapa. Kebanyakkan semua berkaitan dengan yang lain seperti saudara mara dan adik beradik. Jadi kami tersenyum dan tergelak. Kerana kami tak kenal satu sama lain. Jadi kami macam kawan lama. Padahal baru kenal. Kadang kadang, magik itu kalau Tuhan nak bagi itu, Dia akan bagi. Sebab kalau ikutkan cerita, kalau dari segi popular. 2004, saya dah mula menjadi DJ radio. Saya dah mula mengacara. Tapi kurang dikenali. Sebab zaman itu zaman sozial media baru nak ada di Malaysia. Jadi, bila masuk Raja Lawak itu, adalah permulaan sejarah. Semuanya bermula dari Raja Lawak la. Platform Raja Lawak itu ada lah salah satu platform yang dikenali la. Tapi ramai yang tanya, kenapa tak pakai Azrul Raja Lawak. Saya gunakan Azrul Raja Lawak untuk benda benda tertentu. Contohnya, untuk Tiktok saya, tak boleh kerana ada orang pakai. Jadi saya terpaksa gunakan Azrul_Rajalawak.

- MFA** : **Seperti yang kita tahu, encik buat lagu untuk MH370 dengan lirik yang sangat mendalam sampai keluarga boleh beri appreciation untuk encik sendiri. Jadi, dari mana encik dapat inspirasi untuk membuat lirik lirik itu?**
- AZ** : Okay, saya ini dulu, saya ada satu hobi selain daripada bermain bola sepak, saya suka menulis di blog. Kalau anda semua lihat blog saya, dulu kan blog, semua suka menulis di situ. Jadi, hobi saya suka menulis di situ. Tajuk hobi saya adalah Perihalku. Jadi, saya akan menulis benda benda yang berkisar tentang kehidupan . Saya akan tulis benda benda apa yang saya rasa. Jadi, seperti apa yang kata, benda seni ini, ianya memang dekat dengan jiwa dan perasaan kita, tidak kira seni apa pun. Sebab benda itu adalah lahir daripada

dalam minat kita sendiri. Kalau kita tidak minat, kita buat kerana orang, benda itu tak akan kemana. Apabila lirik itu, macam saya, saya tidak tahu orang lain la, kalau saya, cara yang saya guna adalah saya akan, sebab mungkin pengalaman saya ini sebagai pelakon dan sebagainya. Bila kita berlakon, kita kena tahu apa yang kita cakap, apa yang kita lakonkan. Jadi, bila saya menulis lirik MH370, saya bayangkan kalau saya ditempat mangsa, apa yang aku tinggalkan pada keluarga aku ini. Apa yang keluarga aku akan dapat kekuatan daripada kehilangan aku. Sebab itu saya tulis perkataan Seandainya. Seandainya belum tentu benda itu akan terzahir, belum tentu benda itu akan berlaku. Seandainya, awak tidak belajar di universiti ini, awak akan belajar di mana, seandainya. Kalau. Jadi, itu yang antara cara kita nak meluahkan rasa. Sebab kalau anda semua boleh masuk ke blog saya, saya dah lama tidak update di situ, tapi anda boleh tengok. Kalau anda baca apa yang saya tulis, In sha Allah anda tahu siapa Azrul Zaidi yang sebenarnya. Boleh cari di azrulzaidi.blogspot.com. Jadi, secara tidak langsung, pengalaman itu membantu dalam penulisan sebenarnya.

MFA : Apakah reaksi atau perasaan encik ketika dinobatkan sebagai naib johan musim kedua?

AZ : Berkenaan reaksi tu memang. Pertama sekali, semestinya terkejut takkan la tidak terkejut kan. Perasaan bila diumumkan naib juara tu pun saya dah tahu yang tu saya [gelak gembira] tapi sebenarnya saya rasa terkejut, terharu dan bangga. Terkejut kerana keajaiban banyak sangat. Saya dengan along tidak mengenali antara satu sama lain selama seminggu berjumpa. Tiba-tiba jadi naib juara. Terharu sebab pada masa itu, saya baru dapat baby yang ke-4. Jadi, sepanjang masa selepas kelahiran baby itu, saya tidak ada dekat rumah.

Banyak masa saya di suatu rumah di kajang. Dari pagi kami lepak tapi kami dibenarkan untuk keluar masuk dari tempat itu la tidak macam 'AF'. Jadi saya banyak habiskan masa untuk cari idea dengan along dan sebagainya. Jadi, saya terharu sebab pengorbanan saya ataupun 'moment-moment' untuk membesarkan anak saya hilang selama 13 minggu. Jadi, saya terharu sebab bila kita berjaya dapat naib juara merupakan satu 'achievement' bagi saya.

Perasaan bangga pulak apabila akhirnya bakat saya dikenali dan dihargai.

MFA : Untuk soalan seterusnya, apakah reaksi atau perasaan encik Ketika dinobatkan sebagai naib johan Raja lawak musim ke-2 itu?

AZ : Reaksi tu memang, 'first' sekali, confirm la terkejut takkan la tak terkejut kot kan. Takkan macam 'naib juara! Ah aku dah tahu dah naib juara' hahahahh tapi sebenarnya (ketawa) apa, dia terkejut terharu dan juga bangga. Okay, terkejut sebab magic banyak sangat. Saya dengan Along tidak kenal, seminggu sebelum 'audition' baru jumpa. Tiba-tiba jadi naib juara. Terharu sebab masa tu, masa 2008 Rajalawak tu, saya baru dapat 'baby' tau, baru dapat anak yang ke empat masa tu. Jadi sepanjang masa selepas 'baby' tu keluar, sepanjang masa tu saya tidak ada dekat rumah. Sebab kitorang ditempatkan di satu rumah dekat 'Country Height' di Kajang. Ada satu rumah Astro bagi kami lepak dekat situ. Tapi kitorang boleh keluar balik keluar balik la, tak macam AF (Akademi Fantasia) terus lepak dalam tu je kan. Jadi kitorang boleh keluar masuk. So banyak masa saya, saya tak habiskan di rumah bersama keluarga, saya hanya habiskan dengan Along untuk bagi idea dan sebagainya. Jadi saya terharu sebab pengorbanan ataupun [mencebik] orang panggil apa 'moment-moment' untuk membesarkan anak tu saya hilang selama 13 minggu. 13 minggu. Jadi saya terharu sebab bila kita dah

berjaya sampai jadi naib juara dia macam satu ‘achievement’ yang tak dapat dilupakanlah. Bangga sebab bakat itu dipandang akhirnya. Bakat itu diiktiraf akhirnya dan bakat itu dimaktubkan sebagai ‘you are welcome to the club; you are welcome to industry’. Walaupun saya 2004 telah menjadi ‘DJ’ di Suria FM, tetapi 2008 Rajalawak tu merupakan ‘benchmark’ untuk saya la. Maksudnya pintu dia dibuka betul-betul la seluas luasnya. Kan? Itulah bermulanya 2008 tu nama saya ataupun kumpulan Cham tu dikenali ramai. Itu antara satu ‘achievement’ bagi saya.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: KERJAYA SAMPINGAN SEBAGAI SEORANG PELAKON

- NK : ‘Okay’ sekarang kita akan teruskan dengan bahagian seterusnya iaitu kerjaya sebagai seorang pelakon. ‘Okay’, bolehkah encik menceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pelakon?
- THH : [Berdehem]. ‘Okay’ setengah orang dia berlakon apabila dah dikenali. Macam ‘instafamous’ sekarang kan [ketawa] macam ‘intafamous’ kan tiba-tiba ‘eh dia ni sape ni’ ‘oh dia ni instafamous’ ‘ohhh kay’. Sebab dia ‘famous’ orang ambil dia berlakon. Dulu zaman saya kalau kita nak berlakon kita kena berdaftar dengan ‘agency’, ‘talent agency’. Kena jadi ekstra. Saya bermula berlakon pada tahun...untuk TV pada tahun 2000. 2000. 2000. Ahh 2000. Saya daftar sebab dulu kalau nak berlakon kena pergi ‘audition’. Kena pergi ‘casting’ walaupun nak jadi ekstra. Dia akan panggil ‘casting’ kita pergi ‘casting’ baru dia bagi ‘job’ dekat kita. Saya bermula daripada bawah ekstra, daripada tiada dialog duduk diam je pelakon lalu-lalu tengok je sampai dibayar masa tu 50 60 ringgit. Sampai la saya diberi kepercayaan ada dialog sikit sampai la diberi kepercayaan menjadi ‘supporting’. Maksudnya ‘supporting’ ni dia antara peneman pelakon utama, macam tu la kan. Ada satu ketika saya masih ingat lagi masa tu saya mendapat satu watak yang mana saya kena berdialog dengan Rosyam Nor. Erghhhh bila bercakap tentang Rosyam Nor ni kan, bila kita pergi ‘site’ tu masa tu pergi ‘site’ lepastu ‘assistant director’ tanya dekat ‘agency’ la, ‘eh budak2 ni sape yang boleh berdialog?’. Jadi agency cakap ‘ha ni azrul boleh’. Okay, ‘Kau boleh berdialog eh ni dialog kau, kau hafal ni.’ So kita pun [berfikir] bila dapat tu, ayat dia senang sahaja situasi dia adalah saya ni ‘officemate’ Rosyam, Rosyam Nor. ‘So’ dia datang lambat ke ‘office’ jumpa kat office dia tanya saya ‘semekom’ ‘waalaikumsalam’ saya jawab ‘bos dah sampai’ saya kena jawab ‘bos dah

sampai habisla kau setiap hari lambat. haa masak la kau' macam tu je selepas itu dia blah. Disebabkan masa tu kita minat Rosyam Nor, jadi bila saya tanya 'saya kena dialog dengan sape?' 'Ala kau kena dialog dengan Rosyam Nor' 'Rosyam Nor? WOW' [ketawa]. Kita pun hafal hafal selepas itu Rosyam pun datang, 'hang Nampak ak dia?' Pastu dia tanya 'assistant director' 'eh dialog ni aku kena dialog dengan sape ni?' Lepastu 'AD' tu cakap 'tu tu tu tu budak tu Azrul tu.' .Dia pun tengok saya 'adik, kau dah dah baca dah? Dah hafal dah?' 'Aaa dah bang.' 'Haa okay' dia pun pakai baju apa semua 'ha jom jom jom' kita pun macam 'Rosyam Nor ooo aku cakap dengan rosyam nor la. Ni kalua orang kampung tahu ni best ni kan'. Selepas itu 'assistant director' datang 'Rul kau dah hafal eh? Kau baca jap' 'Semekom, haa habis la kau bos dah sampai. Habis la kau bos tengah tunggu kau sape suruh datang lambat tiap-tiap hari datang lambat. Padan muka kau'. Ayat dia yang tu je dialog dia. Okay, selepas itu 'assistant director' cakap 'okay kau diri kat situ Rosyam Nor akan jalan dari belakang sana korang akan bertembung. Bila bertembung tu dia bagi salam kau jawab rul dialog yang kau hafal tadi tu.'. Kita pun, 'ha okay la' 'boleh?' 'Boleh bang' [teruja] kita pun 'steady' sekejap en. 'Action!' dalam hati ni 'Rosyam Nor uiui' dia pun datang sampai jumpa, 'semekom' 'Cut! Eh kenapa kau tak jawab salam?' 'Huh? Alamat lupa-lupa sorry-sorry buat lagi sekali bang' 'Okay lagi sekali'. Kau gila kot rosyam nor kot en. Teruja. selepas itu 'second take' jalan jalan jalan. 'Action!' Jalan jalan, 'Asemekom' 'waalaikumsalam' 'eh bos dah sampai eh' 'huh?' 'bos dah sampai eh' 'cut!' cut lagi sebab 'excited' kan, teruja. Lepastu 'last last' itu antara kenangan kan sebelum jadi artis kan. 'Last-last' [berfikir] 'assistant' kata 'eh takpayah dialog, dah berapa kali take ni. Kau jawab salam cukup' 'aaaa abang, abang jawab salam pastu abang blah' 'ha okay okay'.

Lepastu Rosyam Nor sikit je dia bagi. ‘Orang berlakon dia nak berlakon’. [ketawa]. Sampai la kan bila saya dah jadi artis, saya jumpa Rosyam Nor eh... saya cakap kat dia ‘bang, abang ingat tak saya?’. Dia kata ‘ingat kau? Ha ingat la kau Rajalawak. Siape tak ingat’ ‘Tak, bukan bukan bang. Sebelum saya jadi Rajalawak kita pernah berlakon sekali.’ ‘Huh? Yeke?’ dia cakap macam tu , ‘berlakon kat mana? Cerita apa?’ ‘Ala dekat Wangsa Maju tu bang.’. Dia pun ‘ohhhhh kau ke yang ekstra yang bagi salam tak lepas-lepas tu?’. Dia ingat weh [ketawa]. ‘ui dahsyat kau ek. Kau ada kat mana sekarang?’. Korang nampak tak? Haa kan itulah sebab kau berlakon dengan aku.’ Dia punya berlagak. ‘Kau berlakon dengan aku Nampak, sekarang ni kau dah jadi artis tau sebab kau berlakon dengan aku’. Eh eh dia n ikan [ketawa]. Ha itu antara kenangan la. Sebab saya mula berlakon ni daripada bawah lepastu saya naik pangkat naik pangkat naik pangkat, sampai la masa tu dekat TV3 ada satu rancangan kisah benar. Kisah benar ni dia menceritakan masalah-masalah masyarakat la. Dan selalunya dalam kisah benar ni dia tidak gunakan pelakon-pelakon yang dahsyat, dia pakai pelakon-pelakon yang biasa je. ‘So’ untuk kisah benar itu la saya mendapat watak macam ‘leading’ [berfikir] pelakon utama semua tu kan. Ha lepastu saya dapat lepas kisah benar tu maksudnya orang dah nampak bakat saya walaupun saya bukan artis lepas tu saya dapat pulak ‘offer’ untuk detik 12 malam dekat TV3 untuk cerita cerita seram. Saya dapat ‘lead’ untuk 4-5 episod la masa tu. Bermula daripada situlah saya [berfikir] orang panggil apa eh macam bakat lakonan tu orang nampak ‘agency’ nampak sebagainya. Bermula daripada bawah dan bila dah jadi artis tu kita dah ada ‘experience’ berlakon. Jadi maksudnya aaa bila orang bagi ‘job’ tu orang dah tak risau dah sebab kita dah ada ‘experience’ berlakon bukannya bermula lepas jadi artis baru nak berlakon.

Tak, saya bermula sebelum tu lagi. Jadi itulah bila orang orang budak budak baru artis artis baru dia cakap bila kita pergi ‘set’ budak baru ni kadang-kadang poyo apa semua en. Jadi dalam hati kita ‘eleh kau berlakon je aku daripada tahun 2000 ah cehhh’ macam tu la [ketawa].

- MA : Okay antara banyak-banyak filem yang encik lakonkan, filem manakah yang dapat memberikan impak yang besar terhadap kerjaya encik?
- AZ : Emm [berfikir]. Impak tu takde, tapi ‘signature...signature’. Suatu Malam Kubur Berasap. Korang tengok cerita tu? Ada? Betul ke ada? Macam tipu je. Watak aku apa? Aaa pebenda [ketawa]. ‘Okay okay’, Suatu Malam Kubur Berasap tu dia ada dua perkara yang menginggalkan kesanlah ‘okay’. Yang pertama, watak tu sendiri. Watak aku dalam Suatu Malam Kubur Berasap tu kalau tak silap Pet. Nama dia Pet. Dia seorang penjual ayam yang sengau. Yang sengau. ‘So’ bila, bila sengau ni kita nak buat tu memang memang macam susah la kita bukan sengau kan? Haa jadi kena la tengok cerita-cerita yang ada pelakon sengau atau member-member yang sengau. Kita kena belajar kan? Tetapi watak tu menjadi ingatan ramai sebab sengau tu. Bila masa filem tu ditayangkan [berfikir] bila kita jumpa orang kat luarkan, kat pasar malam kat kedai kopi semua tu, orang cam [suara sengau]. Apsal dia sengau? Ohhh okk watak aku sengau. Okay [ketawa] baru teringatkan. Aaa jadi itu antara ‘character’ yang orang ingat la. Yang kedua dalam Suatu Malam Kubur Berasap ni adalah itu merupakan [berfikir] filem terakhir Allahyarham Zami Ismail. Filem terakhir dia. Masa masa tu pun dia dah sakit dah kaki kaki dia dah bengkak apa semua dah Nampak tak sihat dah kan. So itu filem terakhir Zami Ismail, ‘so’ itu antara dua ‘moment’ yang best lah untuk untuk antara selama berlakon selama menjadi pelakon tu Suatu Malam Kubur

Berasap aaa [berfikir] yang yang yang memberikan [berfikir] nak kata impak, bukan impak la tapi istimewanya ada kat situ la.

MFA : **Okay, untuk soalan yang seterusnya apakah watak yang paling digemari oleh encik yang tidak dapat dilupakan?**

AZ : Watak yang paling digemari dalam lakonan eh. [berfikir] kalau dalam lakonan yang paling memberi kesan, Geng Bas Sekolah la. Korang tengok tak? [ketawa]. Geng Bas Sekolah la [ketawa]. Apa bila saya 'live' dekat TikTok, ramai yang tanya pasal Geng Bas Sekolah. Ramai yang cakap Geng Bas Sekolah tu banyak yang berterima kasih la bila saya 'live' dekat TikTok tu. 'Abang terima kasih kerana menceriakan zaman budak saya.' 'abang terima kasih kerana saya suka makan cendol lepas tengok Geng Bas Sekolah' [ketawa] 'abang, abang legend' [iteruja] 'aku legend?'. Jadi bila tengok bila dekat TikTok tu ramai aaa [berfikir] membesar dengan Geng Bas Sekolah. Dan juga Geng Bas Sekolah tu merupakan salah satu signature drama kanak-kanak pada zaman tu. Sebab zaman tu 'social media' apa semua pun masih baru lagi. Budak-budak pun tak gila sangat 'gadget'. Semua hujung minggu akan lepak tengok TV Geng Bas Sekolah tu sebab Geng Bas Sekolah tu lima musim. Musim yang pertama bukan saya. Musim yang kedua pun bukan saya. Musim ketiga keempat kelima semua saya. Jadi secara tak langsung benda tu memberi kesan [berfikir] yang mana yang tengok rancangan tu program tu sekarang ni semua dah besar-besar ada yang dah berkahwin pun. Bila kata macam tu baru kita teringat yang kita ni yang saya ni dah tua (ketawa). Sebab dulu kecik-kecik lagi kan, so bila bersempang dengan diorang 'abang dulu masa tengok cerita tu umur korang berapa?' 'oh, masa tu saya sepuluh tahun bang' 'ohh sepuluh tahun. Sekarang ni kau dah berapa?' 'Sekarang ni saya dah 24 bang dah kahwin bang' [ketawa]. Macam tu

kan. Jadi tak secara langsung itu adalah sumbangan. Sumbangan la macam untuk untuk penonton dan masyarakat kan. Macam kita kita membesar dengan...macam saya saya membesar dengan cerita-cerita P.Ramlee, A.R. Badul dan sebagainya. Macam diorang, diorang membesar dengan cerita-cerita saya. Jadi kita rasa bangga juga la kan sebaborang ingat kita. Itu antara moment yang best la sepanjang bergelar pelakon Geng Bas Sekolah tu dan juga [berfikir] saya rasa yang tu lah yang Geng Bas Sekolah yang paling 'best' sebab orang masih ingat lagi budak-budak masih ingat lagi.

- MFA : **Untuk soalan yang seterusnya, apakah perasaan encik ketika ditawarkan untuk berlakon dalam Geng Bas Sekolah itu?**
- AZ : Okay masa Geng Bas Sekolah tu dia ada 'audition' tau untuk cari 'driver' bas sekolah tu untuk musim yang ke-3 tu. 'So' antara orang yang pergi 'audition' masa tu adalah Johan, Zizan, [berfikir] siapa lagi, Taukey, Angah, ramai la yang pergi 'audition'. Yang nama-nama besar ada juga. Jadi suatu hari tu Astro 'call' dia kata [berfikir] 'abang, datang 'audition' bang untuk Geng Bas Sekolah' katanya. Kita pun macam 'ha okay' kita pun pergi 'audition'. Puk pak [suara latar] pergi 'auditio' apa semua, tiba-tiba diorang 'call' lagi diorang 'call' lepas seminggu tu diorang nak jumpa untuk 'sign' kontrak. 'So' macam 'eh aku dapat ke? Kenapa tak ambil Johan apa semua nama lagi besar kan?'. Lepastu bilamana dapat untuk 'audition' tu, aaa [berfikir] 'first thing first' kita kena diorang tanya pendapat pasal karakter. So diorang tanya apa abang nak....diorang tanya la 'apa abang nak untuk character ni'. 'So' saya cakap dekat diorang 'buatkan saya sebagai seorang yang 'lonely' 'saya cakap. 'saya nak saya seorang yang 'lonely' yang tiada keluarga, yang budak-budak inilah keluarga saya. Dan saya nak involved totally'. Maksudnya sebelum ni 'driver' bas tu banyak habis masa dekat bas

sahaja. Tapi ini saya nak ‘totally’ ‘involve’ maksudnya habis waktu sekolah dengan budak-budak ni, aktiviti-aktiviti diorang pun saya nak ‘involve’ saya cakap. Dan saya nak bawa bas sendiri saya cakap dekat dia. Dia kata ‘abang boleh bawa bas ke?’ saya kata ‘alah bawa bas ni macam bawa kereata je tiada masalah pun’ berlagak masa tu. Selepas itu diorang kata ‘boleh lah tiada masalah. Boleh bawa sekitar kawasan Taman Tun Ia’ sebab masa tu ‘shoot’ dekat Taman Tun kan. So bila masa hari ‘first day’ ‘shooting’ tu, ada ‘scene’ kena bawa bas sekolah, dia ada sorang apek la tauke bas tu yang bawa. ‘So’ saya suruh dia bawa dulu saya nak tengok apa semua tu kan. Rupanya bas sekolah tu ‘gear’ satu (1) dia bukan atas sebab dia manual kan, gear satu dia bukan atas. Gear satu dia bawah [ketawa]. Gear ‘reverse’ dia atas, terbalik [teruja]. Jadi dua tiga kali juga termasuk ‘reverse’ bas pergi belakang [ketawa]. Tapi memang dalam Geng Bas Sekolah tu saya bawa bas sendiri sebab saya nak dapatkan ‘feel’ untuk bawa bas tu. Itu antara aaa [berfikir] kenangan la dalam Geng Bas Sekolah tu sampailah habis musim pertama tu, diorang buat musim ke-2 saya ditawarkan lagi, musim ke-3 ditawarkan lagi. Alhamdulillah ‘rating’ masa tu untuk GBS masa tu memang agak bagus la.

- MFA** : **Boleh kami tahu kenapa macam dia ‘stop’ cerita Geng Bas Sekolah tu?**
- AZ** : Okay, dulu Astro kebanyakan cerita-cerita Astro adalah cerita-cerita yang di ‘supply’ atau yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat ‘production’. Macam Kapten Boleh, Geng Bas Sekolah, aaa (berfikir) apa tu ada ‘a few’ cerita lain drama apa semua. Dimana syarikat-syarikat produksi ini diberi kontrak selama lima tahun ataupun lima musim untuk sesuatu program. So bila dah habis lima musim ni, habis lah cerita tu. Cerita tu tidak akan dibuat la, pihak Astro tidak akan bagi ‘budget’ dah untuk cerita tu. Sebab sekarang ni Astro dia buat ‘style’ lain pula,

kau kena ‘pitching’ untuk cerita tu, kalau dia nak cerita tu baru dia bayar. Dulu tak, dulu dia yang suruh ‘production’ tu buat untuk dia. Haa jadi itu yang banyak ‘production’ yang buat cerita tu untuk Astro tu. Jadi bila dah cukup lima tahun atau lima ‘season’, kontrak dah habis Astro tidak akan sambung dah. Sebab kalau dia nak buat balik cerita Geng Bas Sekolah tu dia kena bayar royalti ataupun hak penyiaran untuk syarikat tu buta-buta. Jadi dia taknak la. Sama juga macam Rajalawak, sebab Rajalawak tu bukan Astro punya. Dia adalah diterbitkan oleh Homegrown untuk Astro. Nama ‘production’ tu Homegrown untuk Astro. Sebab tu bila sampai musim yang ketujuh, Astro dia tak pakai Rajalawak dia pakai MegaLawak. Dan sekarang ni Ohsem pula buatkan Rajalawak mungkin dia beli ‘rights’ tu daripada Homegrown la.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: KERJAYA TAMBAHAN SEBAGAI SEORANG PENGUBAH SUARA

- MA : Sekarang kita teruskan dengan kerjaya seterusnya iaitu pengubah suara ataupun ‘voice over’. Okay, bolehkah encik menceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pengubah suara.
- AZ : Okay aaa [berfikir] saya bermula sebagai ‘voiceover’ atau pun ‘dubbed’ eh sebelum saya jadi artis lagi. Tahun 2000....2000 berapa saya pun dah lupa tapi 2000 lebih la. Masa tu ada cerita-cerita banyak cerita-cerita Sepanyol, Mexico yang di alih suara termasuk la kartun. ‘So first’ kartun yang saya buat adalah ‘Initial D’, kartun Initial D. Kartun yang di alih suara sebanyak seratus lebih episod la. Itu bermulanya saya punya ni. Sebab saya pergi ‘audition’ masa tu. Ha pergi ‘audition’. Dulu-dulu ‘audition’ semua akan keluar dekat ‘paper’ dulu. ‘Kami perlukan’ ha dia macam tu kan? Jadi dia ada orang panggil apa...aaa [berfikir] ‘audition’ masa tu dan aaa (berfikir) saya pergi saya dapat. Itulah bermulanya kerja sebagai ‘dubbers’ yang saya tahu lah. So antara yang paling besar yang saya buat “Initial D”, kemudian apa tu bila dah jadi artis ada suara saya juga untuk “Toy Story”. Dimana “Toy Story” ni agak mencabar sebab bila kita, dia akan bermula waktu malam eh ‘recording’ dia sebab kita kena hantar ‘report’ lepas kita buat satu ‘line’ atau satu babak untuk VO untuk ‘dubbing’ tu. Lepastu diorang kena terus ‘email’ dekat Hong Kong. Disney Hong Kong untuk diorang ‘evaluate’ untuk diorang nak tengok sesuai ke tak. Jadi sana dah ‘approve’ baru sini ‘record’. Jadi kena buat malam sebab perbezaan waktu kan. So itu antara mencabar la sebab bila kita dah buat dah kan, dah rakam rakam okay stop email dekat sana pula. Disney Hong Kong dia akan tengok apa yang betul apa yang tak betul. Dia akan ‘reply’ balik, ‘record’ balik . Memang penat la. Tapi

gaji besar la [ketawa]. Itu antara pengalaman saya buat VO untuk untuk apa (mencebik) untuk iklan, untuk kartun, untuk drama telenovela lah apa semua ada. Kadang-kadang kita tak akan perasan pun suara kita akan keluar dekat situ, untuk drama tu sebab tajuk dia tajuk yang lain bila masuk TV tajuk lain [ketawa]. Kan? Kadang-kadang tajuk dia kalau cerita Mexico tajuk dia Mexico masa buat 'recording' tu. Bila keluar tv kita macam 'eh apsal suara dia macam suara aku? Ohhh aku yang buat.' [ketawa].

- MA : **Dia macam encik tidak tahu bila dia nak 'post' benda tu?**
- AZ : Bila nak tayang takt ahu. Sebab kalau TX ni kalau kat TV ni macam kita berlakon juga. Macam saya macam PKP ni, saya dah 'shoot' empat drama, tak tahu bila keluar. Tunggu giliran la
- MA : **Kiraan bayaran untuk 'dubbing' dengan berlakon ni beza ke? Sebab saya tanya 'dubbing' dia kira saat**
- AZ : Beza beza beza. Macam iklan radio, yang kita dengar kan, yang kita dengar iklan radio ni dia ada pakej dia. [Berfikir] kadang-kadang dia kira 'per second', kadang-kadang dia kira 'lumpsum', kadang-kadang dia kira panjangnya iklan tu. Selalunya iklan radio ni tak lebih daripada dua minit dan dia akan dikira per saat. So macam untuk iklan radio suara saya untuk satu saat adalah lima belas ringgit. Lima belas ringgit. Jadi kalau 30 saat, kali lah. 15-ringgit kali 30 saat. Kalau untuk radio la sebab radio ni iklan dia pendek-pendek. Jadi kalau macam iklan VO untuk DOKO(?) VO untuk iklan-iklan yang panjang atau 'shortfilm' semua tu kira 'lumpsum'. Sebab dia 'one-off' kan? (1.55.33)
- MFA : **Okay untuk soalan yang seterusnya, diantara ksemena VO yang telah encik lakukan yang manakah yang paling disukai oleh encik?**

AZ : Saya rasa iklan apa tu [berfikir] kereta HAVAL. ‘Jadilah seperti Rashid’ ke apa tu. ‘Jadilah seperti Rashid’ HAVAL iklan kereta HAVAL. Itu ‘best’ sebab saya dia jadi bukan ‘more to VO’ tau. Saya jadi ‘narrator’, pencerita pencerita kan? ‘Ini Rashid. Rashid ada seorang kekasih tetapi kekasihnya’ dia macam tu kan. Jadi saya rasa itu yang ‘best’ la sebab saya kadang-kadang bila iklan ataupun doko ni dia tertakluk pada konsep rancangan tu kan tapi kalau untuk yang HAVAL tu saya menjadi pencerita tu yang jadi best la sebab lenggok jalan cerita semua saya boleh ‘colour’ kan dengan karakter sendiri kan. Itu antara yang best la.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

- MFA : Kita akan ke bahagian yang seterusnya iaitu bahagian anugerah dan pencapaian. Untuk solan pertama, pada tahun 1995 encik telah menjadi naib juara untuk Bintang RTM dikawasan Utara. Bolehkah encik menceritakan serba sedikit perasaan dan reaksi ketika kumpulan encik dinobatkan sebagai naib juara ketika itu.
- AZ : Oh, Bintang RTM Kawasan Utara. Okay [berfikir] perasaan masa tu riak la [ketawa]. Perasaan masa tu eh sebab dia pertandingan tu Bintang RTM tu dia buat secara terbuka tau dekat padang bola tau. 'So' bila buat dekat padang bola tu dia disiarkan secara langsung di radio masa tu. Bukan di TV, di radio masa tu kawasan utara. Dia di radio. 'So' apa yang membuatkan saya rasa bangga adalah berbalik kepada kisah Tan Sri P. Ramlee kerana beliau mula bertanding melalui bintang radio. So Bintang RTM Kawasan Utara tu tak secara langsung macam Bintang Radio la sebab dia disiarkan secara langsung dalam radio masa tu kan. 'So' bila mana menyanyi dekat padang bola ni maklumla zaman tu bukan zaman internet, jadi hiburan tu orang cuma boleh dapat apabila datang ke tempat 'event' tu lah. Jadi penuh la orang. Penuh ramai orang kan. Fuh masa tu kira macam, [mencebik] takut pun ada seronok pun ada kan? Jadi bila kita percaya pada diri sendiri ni yang penting apa pun yang kita nak buat kita percaya pada diri sendiri ni. Kalau kau pun tak percaya pada diri kau sendiri takkan kemana. Jadi Alhmdulillah apa yang kita buat apa yang kita tahu kita praktikkan jadi naib juara. Tapi masa tu tak rasa sangat macam 'dahsyatnya aku ni' tak rasa sangat sebab benda tu kita tidak boleh share dengan siapa-siapa. Tak macam zaman sekarang. Tak zaman sekarang ni bila kita menang sesuatu atau dapat sesuatu

kita share ‘upload’ dekat media social semua orang akan ‘tahniah rul tahniah rul’ jadi kau macam en betul an. Jadi kau macam ‘wahhh’ orang ni kau tak kenal tau tapi dia tahniah tahniah en. jadi kau rasa lain tau. Sebab mas zaman tu kita tak dapat nak ‘share’ dengan sesiapa pun. Gambar pun pakai ‘kodak’ lagi. Jadi bila pakai ‘kodak’, lama-lama gambar tu rosak hilang dan sebagainya kan. Jadi tak dapat nak simpan moment-moment tu. Tak dapat nak selamatkan. Jadi kejayaan masa tu Cuma dikongsi bersama dengan ‘family’ dengan ‘member’ je lah [ketawa]. Orang-orang kampung pun kalau nak tahu pun sebab mak kita cerita lah. Sebab mak kita cerita atau dia dengar radio malam tu. Bila dia dengar radio tu dia pagi-pagi datang rumah la ‘weh anak hang lah yang nyanyi semalam tu. Dia bagui la’ macam tu la orang kampung orang kampung kan biasa la. Jadi dia takde la ‘spark’ dia takde la besar sangat kalau terjadi pada zaman sekarang ni sebab dia terjadi pada zaman taiada internet. Jadinya kejayaan tu dikongsi Bersama kaum keluarga dan sahabat handai sahaja.

MA : **Kalau macam cabaran, ada tak cabaran yang dialami oleh encik semasa menyertai pertandingan tu?**

AZ : Cabaran eh? Rasanya macam tiada sangat cabaran untuk Bintang RTM tu macam senang la kan [ketawa]. Macam senang sangat puk pak [kesan bunyi] pergi ‘audition’ [kesan bunyi] naib juara. Takde la sengsara sangat. Tak macam Asia Bagus saya demam kan. Final tu saya demam. Macam Sinaran Pasport pun sampai ‘semi-final’. ‘Semi-final’ pun saya demam. Itu cabaran suara tidak keluar sebagainya. Yang lain tiada apa sangat. Takde takde takde la Bintang RTM takde cabran sangat la. Cabaran dia mungkin masa ‘audition’ nyanyi masa tengah panas je la kot [ketawa].

- MFA : Macam untuk pemilihan lagu untuk ‘competition’ tu sendiri atau ditetapkan?
- AZ : Okay kalau Bintang RTM kalau barang daripada RTM, dia ada dua lagu yang kena pilih. Satu lagu wajib. Lagu wajib ni lagu yang dipilih oleh RTM. Kau tak boleh elak, kau kena nyanyi lagu tu lagu wajib. Dan lagu wajib dia adalah lagu-lagu yang, yang kadang-kadang kita tak minat pun. Lagu-lagu lama, lagu-lagu yang ‘more to’ teknikal la sebab bila bertanding ni dia nak tengok kita punya teknikal, vokal eh, ha tempo, kita punya apa, orang panggil apa [mencebik] teknikal ‘part’ la maksudnya. So lagu yang kedua lagu pilihan sendiri. So lagu-lagu apa yang kita nak nyanyi lah kan. Jadi dia ada dua lagu. ‘So’ masa ‘audition’ tu dia akan nyanyi lagu wajib sahaja. Lagu wajib yang disediakan oleh RTM. Kalau ada sepuluh lagu utu untuk orang lelaki, kau kena pilih lagu tu je kau tak boleh pilih lagu lain. So bila dah menang untuk ‘final’, baru kita akan nyanyi dua lagu. Satu lagu RTM pilihan RTM satu lagu wajib dan satu lagu pilihan.
- MFA : Untuk soalan yang seterusnya pada tahun 1997 encik telah menjadi johan untuk johan team search talent ‘Solfun Discotheque’, siapakah yang memberi pembakar semangat untuk encik sehingga encik berjaya menjadi juara pada ketika itu.
- AZ : KRU [ketawa]. Sebab zaman tu zaman minat KRU. So dekat ‘Solfun Discotheque’ tu aaaa [berfikir] ‘Teenage Talent Search’ tu kebanyakannya yang masuk tu cuma menari sahaja zaman tu. Ha menari diorang ada kumpulan ‘group’ la macma menari sahaja. Bila dah sampai dekat kumpulan kitorang, kitorang siap menyanyi dan menari. Itu beza dia sebab masa tu pengaruh KRU amat kuat. Pengaruh KRU amat kuat dan kebetulan masa tu rasanya sebelum, sebelum pertandingan tu kot KRU ‘shooting’ filem diorang yang ‘first time’ diorang

berlakon ‘Awas’ dekat Pinang. So kumpulan kami ni salah satu kumpulan yang pelakon jadi ekstra la yang semangat KRU masa tu berkobar-kobar la kan [ketawa]. Dia macam ‘eh come on la dekat Pinang pun ada KRU tau’. Jadi bila masuk pertandingan tu orang semua menari sahaja, kitorang menari dan menyanyi. Itu yang dapat jadi juara tu sebab lain daripada yang lain kan. Siap bawak buat api la apa semua macam KRU. Kononnya KRU yang tiada ‘budget’ kan.

MA : Ada latihan ke untuk menari tu?

AZ : Masa tu memang kan macam KRU kan dia ada Yusry, Edry, Norman menyanyi saja kan jadi belakang dia ada ‘backup dancer’ kan. Pastu konsep kitorang pun sama macam tu. Saya menyanyi dengan ada lagi sorang Azli tu menyanyi yang lagi empat orang kat belakang tu menari. So ada ‘step-step’ yang kitorang akan menyanyi menari sama-sama sikit-sikit. Ada ‘step’ yang ‘danceer’ saja yang akan menari. Sama macam KRU sebiji KRU. Kan ha [berdehem] jadi Lathan tu memang ada la sebab nak dapatkan konsep ‘everything’ semua tu kan. Jadi aaa [berfikir] masa tu memang gila KRU la. Ntah apa-apa minat KRU kan [ketawa].

MA : Cabaran pada masa itu ada ke macam pesaing terdekat.

AZ : Cabaran tu ada. Sebab cabaran masa tu adalah dalam ‘group’ saya tu kebanyakannya diorang ni sekolah lagi tau masa zaman tu. Ada yang ‘form five’ ada yang ‘form four (4)’. Jadi bila nak pergi bertanding tu, macam mana diorang ni nak keluar daripada rumah. Taknak bagitahu dekat mak bapak diorang yang diorang ni pergi bertanding dekat kelab. ‘Confirm’ la kalau mak bapak diorang tahu diorang marah kan. So apa yang kitorang buat adalah yang diorang selalunya diorang akan buat-buat macam nak pergi surau (ketawa). Pakai kopiah kain pelikat apa semua kan sebab pertandingan tu malam. So diorang akan

keluar maghrib la. Dah bawak beg apa semua. [Berfikir] masa tu sebab saya dah habis sekolah masa tu. Diorang ada yang dua tiga orang yang sekolah lagi. So kitorang akan pergi bertanding [suara efek] semua. Sebab masa tu lagi satu kebaikannya adalah tiada ‘handphone’. Kalau ada ‘handphone’ mak bapak ‘confirm call’. Jadi salah satu yang istimewanya zaman tu adalah mak bapak diorang tak boleh marah sebab diorang tak tahu kita ada kat mana. Kalau dia tanya ‘apsal balik lambat sampai pukul 12 baru balik rumah ni?’ ‘Ala lepak depan tu biasa lah’. Dia tak dapat cari pun, kalau dia ada ‘phone’ dia mesti ;eh mana ni’ ‘call’ la kan. Itu yang ‘best’ nya zaman tu. Buat apa pun susah nak kantoi la (ketawa). Itu antara cabaran la sebab kitorang ada juga yang tiba-tiba tiba-tiba macam nak keluar je tiba-tiba dia bertembung dengan bapa dia pula. Haaa pun ada adaaa. Fuh jenuh jenuh kan amcam-macam hal. Bapak dia jumpa dia ‘hey!’ ‘Lepak jap’ ‘ah balik balik naik motor’. Kitorang tengok je [suara efek] naik motor. Tapi satgi dia keluar juga. Dai keluar juga. Dia keluar macam ‘weh macam mana hang boleh keluar’ kan. ‘Aku cakap dekat bapak aku ni nak hantar buku ni dekat rumah’ ‘ohhh okay faham’ [ketawa].

MA : Kalau macam lepas jadi juara tu macam tak beritahu la dekat family tu semua?

AZ : [Berfikir] rasanya tak kot. Rasanya tak. Sebab benda tu benda yang ‘illegal’ kan [ketawa]. Sebab pertandingan tu dia buat dalam diskو. Sebab tu nama dia ‘Solfun’. Solfun tu nama ‘disco’ tau. Aaa nama kelab tu. Jadi bila budak sekolah masuk kelab salah la kan? Tapi sebab pertandingan tu kitorang boleh masuk. Jadi kalau, nak mampus tiba-tiba bawa piala balik rumah. Tiba-tiba bapak, ‘kau buat apa diskо apa benda ni’ [ketawa]. Jadi rasanya ‘family’ tak tahu kot.

- MFA : Okay kita akan ke soalan yang seterusnya. Pada tahun 1998, encik telah menjadi naib johan Bintang Karaoke Medan Mara KL. Perasaan encik bila encik dinobatkan sebagai naib johan bagi Bintang Karaoke Medan Mara KL pada ketika itu.
- AZ : Okay masa Medan Mara tu macam saya dah cakap tadi saya dah cerita tadi yang ditawarkan menjadi 'recording' artis dengan 'band' yang saya tak kenal tu, masa dekat Medan Mara tu lah. So antara 'moment' yang menarik adalah Medan Mara masa tu di KL merupakan salah satu tempat yang wajib di lawati. [ketawa] wajib di lawati. Kan Medan Mara tu macam tempat yang [berdecit] gah la. So bila pertandingan tu dibuat di medan mara, ramai orang ah ramai orang. Memang ramai. [berdehem]. Cabarannya adalah yang akan masuk pertandingan di KL ni selalunya mereka-mereka yang selalu masuk pertandingan dan mempunyai pengalaman bertanding. Jadi diorang dah tahu lagu cari makan diorang la apa benda semua. Juri pun kenal diorang. Kan cabaran dia. Kita ni budak luar, kan. Jadi kadang-kadang juri tak kenal apa semua kan. Jadi cabaran dia adalah kita kena tunjuk 'performance' kita yang terbaik la. 'So,' masa tu aaa [berfikir] Awie baru keluarkan album solo dia. Album solo dia. Saya nyanyi lagu Awie dengan cara Awie la dengan 'baretta' nya dengan 'chord' nya macma Awie la. Tiba-tiba diumumkan menjadi naib juara terkejut juga sebenarnya sebab ada yang lagi bagus. Ada yang Azri suara macam Jamal sebiji pun kalah. Jadi macam terkejut juga la kan macam 'WOW' kan? Tambah terkejut bila lepas orang ponikayen jumpa belakang 'stage' bagi nombor 'phone' suruh datang 'office' duduk bincang, lagi terkejut la. Sebab 'uish, ada recording company la datang tengok' kan. Itu antara 'moment yang saya ingat la untuk Medan Mara.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: SUMBANGAN

- MFA : Seterusnya kita akan ke bahagian yang seterusnya iaitu bahagian sumbangan. Untuk soalan pertama, pada tahun 1995 encik telah terpilih sebagai finalis dalam satu program yang telah dianjurkan oleh pihak stesen televisyen di Jepun iaitu Fuji Television dalam rancangan Asia Bagus. Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai sumbangan yang encik telah berikan kepada negara sehingga berjaya tersenarai sebagai finalis dalam program reality tersebut.
- AZ : Dia kalau sumbangan pada negara tu kalau kejadian tu berlaku pada zaman sekarang ni mungkin akan memberikan impak yang besar. Tapi disebabkan zaman tu berlaku pada zaman bukan teknologi, jadi liputan tentang pertandingan tu kurang diberi perhatian. Dan juga apa [berfikir] benda tu macam [berfikir] macam mana kita nak cakap eh [berfikir]. Dia tak beri liputan yang meluas la pasal pertandingan tu. Dia takde nak macam ‘Malaysia hantar wakil ke...’ dia takde. Dia macam biasa-biasa je. Kan? Tapi yang yang yang [berfikir] ‘even’ masa Amy Mastura menang masa tu, dia punya ‘spark’ dia punya impak tu hanya seketika sahaja takde dibesar-besarkan, takde dia diangkat macam zaman teknologi ni kan zaman ‘social media’ ni apabila... contohnya macam aaa [berfikir] filem Mat Kilau, macam ‘box office’ tiap hari orang bercerita tiap hari orang angkat gambar dan sebagainya. Mungkin akan terjadi kalau di buat pada tahun sekarang ini. Kan generasi yang sekarang ni ataupun situasi yang sekarang ni. Tapi pada masa tu Cuma kita berpandukan apa-apa informasi pada dua ‘instrument’ sahaja dua platform sahaja iaitu surat khabar dan juga TV dan radio. Jadi kalau tak keluar kat surat khabar, orang tak tahu lah. Sebab masa tu

pun kalau zaman tu berita apa semua orang masih lagi nak tengok RTM. Jadi RTM ‘confirm; takkan ‘cover’ punya. Jadi orang tak tahu. Jadi kalau sumbangan tu memang untuk Asia Bagus tu memang takde la sumbangan apa pun sebenarnya. Melainkan menyanyi mneyumbang kan suara je la. Itu je lah

MFA : **Saya ada soalan, untuk program Asia Bagus tu encik maksudnya kena bertanding secara bersemuka antara negara lain ke macam mana?**

AZ : Tak, dia ada dua ‘final’ macam saya cakap tadi. Yang saya punya tu dia akan buat final dekat Malaysia je dulu. Dia buat audition dekat Malaysia, tujuh orang terpilih untuk final Malaysia. Daripada tujuh orang ni, yang ‘top three’ akan dihantar ke ‘Singapore’. Untuk berlawan dengan ‘Singapore’ ‘Indonesia’ ‘Phillipine’ semua tu. Jadi setiap negara pun sama. Indon pun sama juga dia akan buat audition finalis Indonesia. Pemenang finalis Indonesia tu akan dihantar ke finalis Asia Bagus. Ada dua peringkat.

MA : **Yang encik jadi reserved tu eh yang encik nombor empat tu eh?**

AZ : Ha saya nombor empat sebab dia akan pilih satu, dua, dan tiga sahaja.

MA : **Jadi dia tak hantar la pergi ‘Singapore’**

AZ : Tiada. Melainkan yang satu, dua, tiga tu ada seorang yang tarik diri, saya akan pergi ke Singapore la.

MFA : **Okay untuk soalan yang seterusnya, gabungan encik sedikit sebanyak telah menaikkan lagi nama kumpulan Cham dalam program Rajalawak Musim Kedua. Apakah perasaan encik apabila dapat menaikkan lagi nama kumpulan Cham sehingga dikenali oleh orang ramai?**

AZ : Emm [berfikir] dia macam satu impian. Sebab macam saya daripada dulu berpegang kepada kata-kata Iskandar Zulkarnain ‘Tiada perkara yang mustahil bagi manusia yang berani’. So kalau sesuatu benda yang kita buat tak kira lah

daripada segi akademik mau pun minat, seni dan sebagainya bermula dan sebagainya. Kalau kita betul-betul nakkan sesuatu benda atau benda yang kita impikan tu berusahalah sehingga dapat. Takdir, rezeki, nasib, itu semua ditangan Tuhan. Kadang-kadang bila saya fikir-fikirkan, saya ‘audition’ dari zaman budak lagi, remaja masuk ke belia. Pergi ‘audition’ nak kejar apa yang kita nak, kadang-kadang tak dapat. Tapi saya tak pernah ‘give up’. Ada dikalangan rakan-rakan sebaya saya yang dulu berkawan masa kita pergi ‘audition’ apa semua ada puak-puak yang sama muka la bila kita tengok bila kita ‘audition’ je muka tu mesti ada punya. Tapi diorang bila tak dapat apa semua diorang ‘frust’. Diorang Tarik ‘brake’ diorang berhenti diorang taknak pergi ‘audition’. Tapi saya akan cuba cuba sampai saya dapat. So apabila Rajalawak tu macam saya cakap tadi daripada mula merupakan satu ‘moment’ yang ‘magic’, kerana benda yang tak dirancang. Benda yang yelah tak ‘planned’. Jumpa Along pun macam tu je tak kenal. Masuk, tiba-tiba jadi naib juara dan sebagainya sampai la ke harini kekal dalam industri. Saya rasa itu adalah satu anugerah satu hadiah daripada Allah yang mana dia mungkin nak ‘test’ saya ni betul ke kau ni nak apa yang kau nak. Kadang-kadang kita cuba bila kita tak dapat kita ‘frust. (mencebik) ‘ah okay kita taknak ni’. Tapi kita cuba lagi. Mungkin kita tak tahu. Kan? Sebab saya pernah bersempang dengan seorang yang pandai agama la. Saya tanya dia, ‘Ustaz, jadi artis ni ataupun anak seni ni macam mana, eh?’ saya tanya ustaz. Dia kata ‘Rul macam ni Rul. Apa-apa kerja yang kita buat, apa-apa bidang yang kita ceburi itu dah tertulis. Itu dah termaktub dalam kehidupan kita. Cuma bagaimana kita nak dapatkan pekerjaan itu, bagaiman cara kita nak sampai ke impian tu, itu adalah atas usaha kita’ dia kata. Dia kata ‘tak semua orang boleh jadi artis tak semua orang boleh jadi polis tak semua orang boleh kerja dekat hotel sebab masing-

masing ada tanggungjawab dan juga ada cabaran yang untuk dilalui'. Sebab artis ni bila kita jadi artis ni banyak benda yang kita kena berkorban. Baik daripada segi masa, baik daripada segi kemahuan diri, baik daripada segi nak puaskan hati orang-orang tertentu. Kadang-kadang kita kalau 'busy' ni, 'busy' betul-betul. Saya pernah tiga bulan tak balik rumah. 'Shooting' 'back-to-back shooting' dengan tak balik rumah. Jadi itu satu pengorbanan sebab kadang-kadang contohnya kan contohnya lah. Kita ada anak kecil, setiap orang mesti mengimpikan dia nak tengok anak dia 'first time' berjalan. Dia nak tengok anak dia 'first time' berjalan. Tapi disebabkan kerja kita terpaksa berkorban kita tiada dirumah dan bila kita balik anak kita dah berjalan. Jadi 'moment' tu kita tiada, kita terlepas. Jadi itu antara pengorbanan la. Dan lagi satu pengorbanan dia apabila kita keluar orang kenal kita. So kadang-kadang orang kenal orang nak bergambar sebagainya kita keluar dengan 'family' kan? Jadi 'family' pun dia kena fahamlah. Sebab kita dikenali aaa (berfikir) dan juga banyak benda yang 'pro and cons' la dekat situ. Maksudnya bila orang kenal kita ni kita tak boleh buat sebarang la. Kita buat kerja-kerja ke kita kena 'eh orang kenal aku ni'. Nak kencing tepi jalan pun kita macam 'jap lagi orang nampak aku mampus aku ni orang kenal aku ni' [ketawa]. Kita cari 'toilet' lah [ketawa]. Wa;aupun kena tahan kencing selama sejam nak cari RnR ke apa [ketawa]. Sebab apa orang kenal kita. Zaman sekarang zaman 'viral' pula. Tiba-tiba orang ambil video kita. Haa sudah. Itu 'pro and cons' dia la. 'Pro' dia pula adalah apabila kita tak minta kadang-kadang, kita tidak pernah terduga dan tak pernah meminta. Kadang-kadang ada satu kejadian dimana saya dan 'family' pergi makan, tiba-tiba ada orang ambil gambar. Kita nak bayar makan tu 'waiter' tu dah cakap 'abang, abgn tu dah bayar dah'. Rezeki la sebab peminat kan orang minat kita. Itu antara

benda-benda yang orang panggil apa buruk dan baik menjadi seorang artis. Pengorbanan. Bagi saya, macam orang cakap artis ni selalu orang cakap ‘public figure’. Tapi bagi saya artis ni bukan ‘public figure’ teteapi artis ni ‘public phone’ sebenarnya. ‘Public phone’, bila kita nak guna baru kit acari betul tak? Bila dah guna dah pakai, mampus kau la rosak ke apa ke lantak la ‘vandalism’ ke lantak la. Zaman sekarang. Sebab zaman sekarang ni cabaran yang paling utama adalah apabila kita berdepan dengan teknologi-teknologi, ‘social media’ dan sebagainya. Macam saya cakap tadi la kadang-kadang kita berlakon pun kita tanya ‘perempuan ni siapa’ ‘oh dia ni instafamous bang’. ‘oh, aku tak kenal pun siapa dia ni dia buat apa?’. Dulu kalau kita nak masuk dalam bidang seni ni dalam lakonan dan sebagainya ni kebanyakannya kita akan kenal walaupun dia ekstra kita akan kenal. Sebab orang tu sentiasa ada. Dan kita tahu dia boleh berlakon ataupun tak. Itu antara cabaran zaman sekarang la sebab kami ni warga-warga tua kena bersaing dengan teknologi, kena bersaing dengan ‘social media’ dan sebagainya. Kena ‘adapts’ la

TAMAT BAHAGIAN 8

BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN.

- MA : ‘Okay’ sekarang kita akan ke bahagian yang terakhir iaitu pesanan dan harapan. Soalan pertama apakah pesanan yang encik boleh berikan kepada pelawak yang masih yang masih baru dalam industry seni di Malaysia.
- AZ : ‘Okay’, dia kalau baru ni dia ada beberapa kriteria. Sama ada dia baru nak mencuba ataupun dia dah ada tapi dia masih lagi baru nak meneroka. Cabaran yang paling utama macm saya cakap tadi ‘trust yourself’ percaya pada diri sendiri. Sebab orang lain tidak akan tahu diri kita macam mana. Kita sahaja yang tahu diri kita macam mana. Daripada saat kita bangun tidur sampai la saat kita tidur. Kita sahaja tahu diri kita boleh buat apa kita sahaja tahu. Apa yang kita buat adalah satu pekerjaan. Lakonan, menyanyi, melawak, mengacara, pembaca berita, pengulas sukan, siapa sahaja ‘cameraman’ dan sebagainya itu adalah satu pekerjaan bukannya satu kehidupan. Bila kita bercakap tentang pekerjaan itu adalah bila kita nak buat sesuatu benda itu kita kena buat bersungguh-sungguh. Kita kena buat bersungguh-sungguh dan yang penting percaya pada diri sendiri dan jangan ini yang selalu saya praktikkan, jangan berjanji pada orang benda yang kita tidak boleh buat. Jangan berjanji. Contohnya, kalau katakanlah ‘interview’ kita ni masa korang ‘approach’ tu korang cakap ‘bang kita nak interview abang’ ‘boleh tiada masalah’ ‘tapi semua dalam English ye bang eh’. Okay kita tahu kita boleh cakap English, okay kitab oleh cakap bahasa Inggeris tetapi adakah kita selesa? Jadi benda yang paling penting dalam industri ini adalah ‘kau jangan berjanji kalau benda yang kau tidak boleh buat. Jangan berjanji sebab pekerjaan anak seni ni orang pandang daripada kemampuan untuk kau ‘present’ kau berikan. Itu yang menjadi publisiti kepada

pekerjaan kau sebab bila orang panggil kau, kau buat kerja orang akan tanya ‘eh haritu kau amek Azrul okay ke?’ ‘Eh okay okay. Oi best best’. Orang pun percaya. Ada ‘member’ dia ‘recommend’ member dia dah nampak dengan mata kepala. Tapi kalau kita buat kerja disebabkan duit, kita buat kerja tidak bersungguh, reputasi kita akan tercalar. Nanti orang cakap ‘Eh haritu kau ambil Azrul okay ke?’ ‘Ohhh [mencebibik] teruk la. Cukup time blah lepastu taknak rehearsal lepastu macam ni macam ni’. Orang tu pun, ‘okay dia dah lalu dia dah rasa aku tak jadi ambil lah’. Benda tu paling penting, jangan berjanji benda tu kalau kita tidak boleh buat. Jangan berjanji disebabkan kita nak peluang itu kita nak ‘job’ tu kita nak duit tu, kita sanggup. Saya pernah dapat masa lepas PKP. Orang sedia maklum PKP ni banyak benda yang sangkut, ‘show’ tiada dan sebagainya. Masa selepas PKP yang pertama tu industri kita dibuka sekejap, ada satu ‘event’ tu dekat Sabah ada satu ‘company’ ni kontak saya dia dapat ‘profile’ saya daripada ‘Singapore’. Dia kontak dia nak suruh saya buat ‘show’ 30 minit, dia nak bayar saya 25 ribu. Dia nak bayar saya 25 ribu 30 minit buat dekat KK (Kota Kinabalu). Ada 250 ‘delegates’ daripada ‘all around Asia’ dia kata. So saya cakap dekat dia ‘nak buat apa? Untuk apa emcee ke?’. Dia kata ‘bukan emcee’ dia kata ‘buat stand-up comedy pasal sales.’. Okay, saya kata ‘boleh tiada masalah’ tapi dia kata, saya tanya dia ‘English-Malay or how?’ dia kata ‘No, fully English.’. Bila dia kata ‘fully English’, kitab oleh buat tapi kepuasan tu tiada. Kalau dia kata ‘English Malay boleh campur’ kita ‘confirm’ boleh buat sebab kepuasan tu ada. Okay kalau saya fikir 25 ribu dia bayar untuk setengah jam masa PKP tu siapa nak bagi, saya ‘hired’ je ‘writer’. Kau tulis aku hafal ‘stand-up comedy’ setengah jam jalan. Tapi kepuasan tu tiada. Bila kepuasan tu tiada, Andai kata terjadi apa-apa masa ‘show’ teknikal ‘problem’ ke apa ‘problem’ ke, kau tidak dapat nak ‘save’

kau punya ‘show’, ‘reputation’ kau akan hancur. Orang tengok (efek bunyi) ‘apa benda dia ni. Aku bayar 25 ribu kot’. Jadi saya cakap dekat dia elok-elok saya cakap dekat dia ‘sorry kalau English-Malay I can do but fully English I’m not comfortable’. So dia tanya ‘so how?’ saya cakap dekat dia saya ‘recommend’ ‘member’ yang ‘fully English, Douglas Lim’ saya cakap. Saya ‘call’ Douglas Lim saya bagi ‘job’ tu dekat dia. Sebabtu saya cakap dalam industry ni ramai yang beranggapan menjadi anak seni ni menjadi artis ni adalah sesuatu yang indah dan mudah. Orang bagi ‘job’ aku buat, habis ‘job’ aku dapat ‘payment’ aku blah. Tapi sebenarnya tak sebab dalam industri ni dia ada dua je puak. Dia ada dua jenis manusia je dalam industri ni. Satu ‘created’ satu ‘gifted’. ‘Created’ ni adalah orang-orang yang dicipta, orang-orang yang di ‘form’kan untuk menjadi seseorang. Contohnya dia ‘handsome’ dia cantik, ‘okay aku nak ambil kau jadi pelakon’ ‘tapi saya tak pernah berlakon’ ‘takpe kau handsome kau cantik boleh punya. Takde hal’. Itu ‘created. Tapi kalau ‘gifted’, memang dah termaktub memang dah ditulis ini pekerjaan kau. Ini minat kau. Memang InsyaAllah kau bileh buat. Jadi nasihat saya ataupun apa yang saya boleh ‘share’ adalah kepada mereka yang baru berjinak dalam bidang seni ini, kalau nak buat sesuatu janganlah buat sekerat jalan, buat la betul-betul. Setiap masa kita adalah masa untuk belajar. Sampai ke hari ini pun, walaupun saya dah lama dalam industri, tapi setiap masa saya adalah masa yang belajar. Jangan kita samakan kalau hari ini kita berlakon watak doktor, miggu depan kita berlakon dengan ‘production’ lain watak doktor itu adalah sama, tidak sama sekali. Jadi kita kena faham naskhah yang diberikan kita kena bersuara untu tahu apa yang kita nak kena buat. Itu yang penting. Sebab macam saya punya ‘fiil’ bila saya diberi sesuatu watak tu ataupun ‘job’, saya akan tanya banyakbenda sebab benda tu

saya belajar. Saya akan tanya karakter ni apa siapa, umur dia berapa, apa 'background family' dia. Jadi benda-benda tu yang akan kita 'create' karakter tu. Contohnya dia akan cakap 'nah bang, dia berusia 40 tahun lepastu dia pernah berkahwin tapi dah bercerai' jadi kita boleh masukkan elemen-elemen benda itu yang penting. Tapi kalau orang macam dapat 'job' je dapat karakter je, macam 'dia ni sape ni?' 'budak kampung' 'oh ha okay budak kampung'. Tapi budak kampung pun dia ada banyak 'fiil' betul tak. Budak kampung anak tok ketua cara hidup dia lain. Budak kampung anak Pak Mat Tempe cara dia lain. Kalau saya la, saya akan tanya 'scriptwriter' atau saya akan tanya 'director' atau 'assistant director' watak yang ni. Kalau diorang kata 'okay abang, watak ni ikut abang. Abang nak colors macm mana.' Jadi saya akan buat dari segi baju apa benda semua kita akan 'create' kan. Tapi kalau dia dah ada watak dia macm ni macam ni, okay kita akan cari kita akan suntik elemen untuk mengindahkan lagi watak itu. Jadi kepada yang baru hendak menceburi bidang seni ni, jangan berhenti belajar. Jangan ingat kita sentiasa pandai, jadi ingatlah kita sentiasa tidak pandai untuk menjadi orang yang pandai.

MA : **Okay soalan seterusnya. Apakah nasihat yang boleh diberikan daripada encik apabila seseorang berasa gugup seperti saya sendiri berada di atas pentas.**

AZ : Gugup eh 'nervous.' Dia kena tahu apa yang dia buat la. Betul? Kau naik pentas tu sebab apa? Sebagai apa? Pengacara? Sebagai pengacara apa tugas kau. Dai kena tahu lah. Jadi kalau kita tahu apa yang kita nak buat, InsyaAllah kita tidak akan 'nervous' sebab kita dah 'prepare'. 'Nervous' tetap ada. 'Nervous' tu kena ada. 'Nerve' tu kena ada. Sebab apa? 'Nerve' tu lah, getaran 'nerve' tu lah yang akan memberikan kita 'vibe' aura untuk kita berdiri atas 'stage' tu. Tapi

kalau kita sendiri tidak tahu, kita ‘nervous’ la. ‘Eh apa aku nak cakap’. Macam korang, korang nak ‘interview’ saya, korang mesti dah buat ‘preparation’. Apa soalan, apa benda apa benda. Azrul ni siapa macam mana apa benda semua. Itu ‘preparation’. Jadi bila ‘preparation’ dah ada, dia secara automatik 50% ‘nervous’ tu dah hilang sikit dah. Sebab kita dah ‘prepare’ sape yang kita nak jumpa. Sama juga macam kita nak pergi berperang. Kalau kita nak pergi berperang, kita tidak tahu musuh kita siapa, kita gelabah. ‘siapa musuh kit ani besar mana? Beruang ke?’ kita tidak tahu. Tapi kalau musuh kita ni kita tahu ‘weh musuh kita ni adalah mereka daripada komunis’ kita dah tahu ‘ohh okay orang biasa macam aku juga’. Jadi kita tidak ‘nervous’ sangat. Jadi untuk naik atas ‘stage’ ataupun nak buat ‘public speaking’ ke nak jadi pengacara ke pa-apa je lah, yang penting adalah buat ‘homework’. Maksudnya kita menjadi pengacara untuk majlis apa, siapa yang akan datang, apa intipati yang penganjur perlukan. Itu antara elemen-elemen yang penting untuk mengurangkan ‘stress’ dan ‘nervous’ kita sebab kita tahu siapa yang datang dan siapa yang ada dalam majlis tu. Kalau kita tidak buat, kalau kita tidak ‘study’ kita tidak tahu siapa yang datang, tu yang gelabah sebab apa? Kita ‘prepare’ untuk diri kita. Contohya macam ‘abang, ni ada satu show bang. Dinner show.’ ‘sape ni?’ ‘Dinner show sape?’ ‘Kilang bang’ ‘Oh kilang, okay.’ Dalam otak kita, ‘mindset kita ‘Oh budak kilang, alah mesti ada Melayu. Bos dia mesti local apa semua.’ Tiba-tiba kita pergi, bos dia mat saleh. Pekerja dia semua tiada ‘local’ pun semua orang Vietnam orang Bangladesh. Itu yang buat kita gelabah sebab kita tidak ‘study’. Kita tidak tanya siapa ‘client’ kita. Macam saya, saya kalau buat ‘emcee’, kalau ‘dinner show’ kalau kilang ke korporat ke, kalau ada 300 orang, saya hendak tahu 300 orang tu siapa sebenarnya. Sebab apa? Benda tu membantu kita untuk menceriakan

suasana dalam majlis itu. Macam kita tahu, okay bila kita ‘meeting’ dengan ‘committee’, kita akan tanya ‘eh bos korang ni orang mana, eh?’ ‘Oh, bos kami orang Perak bang’ ‘oh orang Perak. Dia minat muzik tak?’ ‘oh, dia alim bang. Dia tak minat sangat muzik abng tapi kalau bab-bab ceramah agama ni dia minat.’ Okay kita dah dapat satu ‘point’. Kalau kita jadi ‘emcee’, unutk memenangi hati orang, orang selalu tanya saya ‘abang, abang dah terkenal boleh la semua orang gelak.’ Kalau ada 300 orang, belum tentu 300 orang tu kenal kita. Jangan kita anggap ‘aku Azrul. Aku naik atas stage 300 orang ni confirm kenal aku’. Tak. Kadang-kadang orang macam ‘eh pernah tengok, sape dia ni eh?’ kadang-kadang orang macam ‘umph lantaklah sape pun atas stage tu’. Jadi mungkin sepuluh peratus daripada 300 orang tu kenal kita. Jadi mana satu (1) kita nak target. Kita target yang lagi 90 peratus tu. Sebab sepuluh peratus tu dah kenal kita dah. Tak perlu dah, dia dah tahu dah. Yang selebihnya tu yang itu yang kita target. Bos dia ‘confirm’ kadang-kadang bos dia tidak tengok TV. Tapi kita dah dapat ‘input’. Contohnya macam tadi dia dah cakap, bos di ani tidak minat muzik sangat tapi kalau ceramah agama ni dia okay. Kau ambil la lawak-lawak ustaz Azhar Idrus ke Samsul Debat ke. Bila naik je tu, sebenarnya benda tu melekat dekat dia sebab dia tengok Azhar Idrus punya stail. Bila kita keluar, kita pun gelak ‘oooo molek sokmo nih’ dia macam ‘eh eh macam Azhar Idrus la’ benda yang dekat. Sama juga macam kita buat lawak. Kita cerita melalui pengalaman kita. Pengalaman yang orang lalu. Contohnya kalau kita nak cerita pasal kantin sekolah. Semua orang pergi sekolah. Betul tak? ‘Tuan-tuan puan-puan hari ini saya nak ceritakan pasal kantin sekolah. Mana ada dalam dunia ni kantin sekolah, cikgu sekolah ada tempat dia sendiri. Malaysia je.’ Diorang pun ‘ oh betul la sekolah aku pun sama la.’ Nampak, pengalaman tu. Jadi bila kita cerita

benda yang ‘related’ sama orang lain juga dia akan ‘gels together’. Jadi itu antara cara untuk kita hilangkan ‘nervous’ apabila kita berada diatas pentas ataupun ‘public speaking’ berhadapan dengan orang kampung dan kita kena tahu siapa yang kita hadap dan apa yang kita nak buat. Itu antara benda yang paling penting la bagi saya. Jangan kita jadi ‘ada skrip kan? Penganjur bagi skrip kan? Tengok je’. Tiba-tiba memang la dia bagi skrip, tapi tiba-tiba perdana Menteri datang. Tak jenuh? ‘Preparation’ itu amat penting

- MA : **Apakah pendapat encik terhadap seseorang ataupun artis senior yang terkesan akibat Covid-19.**
- AZ : Benda ni jadi isu eh. Dulu masa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) saya kena hentam kaw-kaw. Ramai anak seni kena hentam kaw-kaw sebab kitorang minta bantuan. Pengorbanan, anak seni ni kitorang tiada EPF kitorang tiada SOCSO, kitorang tiada kebajikan yang ‘backup’ kitorang. Apa yang kita dibayar kalau kata sepuluh rib uke 20 ribu ke, betul nampak macam besar. Tapi 20 ribu tulah nak bayar hutang 20 ribu tulah nak beli barang. 20 ribu tulah nak ‘survive’. 20 ribu tulah yang kita nak simpan sampai kita dapat ‘job’ yang seterusnya. ‘So’ apa yang berlaku apabila PKP jadi kita tidak sangka. Benda yang kita tidak jangka, benda yang yang kita tidak pernah lalu, tiba-tiba semua kedai tutup. Tiba-tiba semua industri tutup, duduk dekat rumah. Nak keluar rumah pun ada ‘districted time’ dia. Ada ketua rumah sahaja boleh keluar. Tidak pernah kita lalu benda macam tu. ‘So’ bila berlaku benda macam tu yangpaling terkesan adalah mereka-mereka yang bekerja sendiri. Baik sebagai anak seni, peniaga mahupun mereka yang mengusahakan ‘business’ sendiri. Bukan sahaja kami yang terkesan, teteapi benda tu memberi pengajaran bahawasanya apa sahaja yang dibuat sekarang ni kena ada ‘backup’ kena beringat. Macam kitorang sendiri ni

pun anak-anak seni ni pun bukan kitorang tidak beringat, beringat. Tapi disebabkan kitorang ni boleh dikatakanb kais pagi makan pagi. Maksudnya ada 'job' ada gaji. Ada gaji belum tentu ada 'job' [ketawa]. Jadi bila kita nak dapat satu job, kita nak tunggu 'job' yang 'next' tu belum tentu kita dapat. Jadi nak kena 'save'. Kalau dapat Alhamdulillah. Tapi sebab PKP haritu semua tutup, jadi bila orang sekarang ni tanya saya 'abang, saya nak jadi artis bang', saya akan cakap dekat dia 'kalau kau nak jadi pelakon ke penyanyi ke kau jadikan ia sebagai hobi je lah. Kalau kau boleh belajar, kau belajar lagi buat kerja yang bagus supaya ada income yang tetap. Buat sebagai hobi je'. Zaman sekarang ni cabaran dia lebih dahsyat kalau kita nak 'fully' dalam bidang industri ni. Macam-macam benda yang akan menjadi rintangan dan cabaran. Jadi apa yang kita dapat daripada pandemic haritu adalah kena sentiasa berjaga dan beringat la. Sebab zaman sekarang ni pun sebab PKP endemik ni pun, masih lagi 'slow' masih lagi merangkak-rangkak untuk 'job' dan sebagainya. Jadi itu yang paling memberi kesan la. Beringat la kena beringat la.

- MFA : **Okay untuk soalan seterusnya sepanjang tempoh pandemic adakah perkara yang tersinggung? Perkara yang membeut encik tersinggung.**
- AZ : Ada. Macam yang saya cakap tadi la. Sebab bila mana ada satu isu tu bila mana ramai netizen hentam anak seni pelakon dan sebagainya bila kita minta bantuan masa tu. Macam-macam orang hentam. Terkilan sebab masa kau sunyi masa kau perlukan hiburan masa kau nak seronok-seronok, tak pernah pun kau cakap dekat setiap artis dekat pelakon tu 'terima kasih kerana menghiburkan saya' 'terima kasih cerita awak ni membuka minda saya' 'terima kasih cerita tu sama macam cerita saya'. Tiada tiada dan kitorang pun kebanyakan anak seni pun tak kisah dapat terima kasih tak dapat terima kasih sebab memang tu perkajaan

kitorang untuk menghiburkan orang, untuk mencari naskhah kehidupan kitorang dalam industri yang kitorang pilih. Dia sama juga macam peniaga makanan, pernah tidak kita berterima kasih pada tukang masak? Kita tdiak pernah lagi ‘sedap makanan dia’ pergi dekat dapur ‘sape yang masak?’ ‘saya’ ‘ eh terima kasih la masak. Sedap’. Tak pernah. Saya rasa tidak pernah. Kalau buat macam tu orang yang tukang masak tu yang hairan, ‘dia nib uang tabiat kea pa?’. sama juga orang buat apa-apa pekerjaan orang tidak pernah berterima kasih. Tetapi diebabkan sesuatu isu yang kononnya ‘oh diorang yang puak-puak ni tak boleh nak dapatkan bantuan sebab diorang ni artis. Diorang punya pendapatan berpuluhan ribu apa semua. Kita kena condemn diorang’. Jadi saya rasa tersinggung sebab kenapa benda-benda macam tu dijadikan sebagai satu isu yang begitu berat. Padahal semua orang masa tu tergugat dan tersiksa masa pandemik. Jadi kita ada hak untuk bersuara. Ada hak untuk meminta. Itu antara perkara yang saya akan ingat sampai saya habis nyawa. Kena kutuk, kena macam-macam. Dan yang saya paling ralat apabila ada dikalangan netizen yang macam kutuk kaw-kaw gila-gila punya memang tak sedap disebut. Bila saya ‘check’ balik profile dia, baru berusia 16, 17 tahun. Jadi macam mana adab kau. Jadi itu yang saya paling terkilan disebabkan tiada kesedaran menghormati orang. Sifat sivik tu dah tiada dah sekarang ni. Jadi itu antara ‘moment’ yang saya terkilan masa pandemik.

- MFA : **Okay apakah harapan encik untuk artis senior yang kian dilupakan pada masa sekarang.**
- AZ : Dia sebenarnya harapan tu bukan saya sahaja. Sebelum-sebelum ni pun kita dengar kan, artis-artis veteran mengadu tiada ‘job’ dan sebagainya. sebab kita dekat Malaysia ni pelik sikit. Lagi lama kita dalam industri lagi lama kita akan

dinggalkan. Sebab kita punya hierarki tu, macam bila ‘producer’ tu zaman kita, dia akan ambil kita sahaja. Bila dia dah tidak buat ‘job’ tu, ‘producer’ baru masuk, ‘producer’ baru ni dia akan ambil ‘clan’ dia je. Harapan saya untuk yang senior ni, saya pun dah jadi senior dah sekarang ni adalah untuk pihak-pihak tertentu yang mana kami pernah bersuara dalam AGM (Annual Grand Meeting) Seniman dan sebagainya, Persatuan Seniman untuk membuatkan satu ‘mechanism’ yang mana setiap produksi, filem, drama yang nak di ‘shooting’ kena ada orang lama, kena ada orang baru kena ada orang yang baru dikenali. So maksudnya tiga generasi tu ada dalam satu filem ataupun drama. Dan benda tu macam ‘talent pool’. Maksudnya macam dia ambil saya, dia ambil dua tiga artis baru lagi untuk satu projek tu. ‘So’, dah ambil projek tu, saya tidak boleh ambil projek lain. Jadi kena bagi orang lain pula, saya kena ‘settle’ kan yang ni dulu, yang ni sudah ditayangkan, baru say adapt projek yang lain. Jadi keadilan tu ada disitu tapi tidak tahu lah benda tu bila nak dijalankan sebab benda tu dah bertahun bukan dari zaman saya. Zaman sebelum saya pun dah bersuara tetapi masih sukar untuk dijalankan kerana kita kebanyakannya ‘production’ berpaksikan kepada ‘popularity rather than’ bakat. Sebab tu kadang-kadang ada satu isu ada satu masa tu yang mana diorang kata ‘kenapa pelakon muda tu di make up jadi tua [ketawa]? Mana pelakon tua? Dah memang tua tak payah make up pun. Kenapa tak dipanggil?’. Jadi orang cakap itu antara benda yang kena ‘fight’. Benda yang kena ‘fight’ yang bagi saya tidak tahu bila penghujungnya, berakhirnya. Tapi selagi ada daya tu kita akan ‘fight’. Sebab zaman sekarang ni zaman yang terlalu meluas. Drama, filem pun kadang-kadang kita sendiri pun tidak tengok di panggung di TV kita tengok dekat ‘phone’ je tengok dekat YouTube je. Zaman dulu kita kena tunggu dekat TV untuk tengok drama, kita kena pergi panggung

untuk tengok filem. Sekarang ni tidak, semuanya dihujung jari. Nak tengok ‘movie’ tunggu dia masuk Netflix. Jadi itu antara cabaran nak jadi anak seni pada zaman sekarang ni. Kena sedar pada realiti dan ‘follow the flow’. Maksudnya kalau TikTok, IG (Instagram), FB (Facebook) apa semua tu, Cuma platform untuk menunjuk kita masih lagi hidup dan masih lagi ada dalam industri. Bukannya untuk suka-suka buat TikTok dan sebagainya bagi saya. Bila orang tengok, ‘eh Azrul ada lagi la’. Jadi mungkin ‘producer-producer’ pun ‘ohh Azrul la, lama tak contact dia’. Itu salah satu tempat untuk ‘promote’ diri la sebenarnya. Jadi bagi saya kalau senior ataupun yang belum berkecimpung ataupun macam ‘ala TikTok ni bukan zaman aku la’. Bukan kita suruh kita jadi taksub dengan TikTok tu, tidak. Tapi itu antara tempat untuk kita beritahu yang kita masih ada lagi dalam pasaran.

- MFA** : **Saya ada soalan ‘bonus’, apakah harapan encik terhadap industri seni pada masa sekarang?**
- AZ** : Dia macam saya cakap tadi la. Zaman dulu bila kita nak jadi artis kita kena pergi ‘audtion’, kena masuk pertandingan, kena tunjuk bakat-bakat kita, kena tunjuk kemahuan kita, kena tunjuk kesungguhan kita baru la dapat ‘job’. Tapi zaman sekarang ni dia terbalik. Orang nak buat drama orang nak buat filem dia akan cari ‘eh siapa yang aku boleh panggil eh. Siapa yang kitab oleh buat duit eh?’. Sebab tu kita nak cari seorang pembikin filem ataupun pembikin drama yang betul-betul ‘passion’ pasal industri, susah zaman sekarang ni. Sebab zaman sekarang ni diorang kena mengikut aliran semasa. Orang nak tengok TV disebabkan ‘followers’ dia atau peminat dia tu. Contohnya la kan kalau kita nak ambil zaman P. Ramlee tu terlalu lama la kan. Kita ambil contoh zaman A R Badul, zaman Scenario,zaman Faizal Hussein. Zaman tu tiada ‘social media’.

Zaman tu kita nak tahu perkembangan artis kita kena beli majalah UR TV. Kita kena tengok dalam ‘paper’. ‘Even’ dalam TV pun tiada pengkhususan program yang melibatkan 100% hiburan, tiada. Tapi macam mana kitab oleh ‘support’ diorang. Dan bakat diorang tu dinilai melalui pekerjaan diorang atauapun kerja yang diorang tampilkan. Sebab itu memang ‘gifted’ memang berbakat memang dah tahu dah, kau nak berlakon kau kena pergi ‘audtion’ kau kena bertanding dan sebagainya daripada bawah naik keatas. Tapi zaman sekarang ni terbalik. Nak buat drama kau kena ada ‘influencer’ ni kena ada ‘instafamous’ ni sebab dia ada dua juta orang pengikut. Tapi adakah dua juta pengikut dia ni akan tengok drama dia tu? IG (Intagram) bagi korang apa? Okay kita tengok IG seseorang sebab nak tahu apa yang dia buat harini, dia pergi mana, dia pakai baju apa. Dulu dia macam album gambar. Kau ambil gambar dengan ‘Kodak’, negatif kau kena pergi cuci dulu lepastu simpan dalam album. Orang datang rumah kita, album ada dekat atas, abil albu tengok ‘eh ni pergi mana ni? Oh Genting’ . Sekarang ni IG ada lah foto album untuk korang. Tak semestinya dua juta orang tengok ‘followers’ IG dia, bila dia berlakon drama, walhal dia buka pelakon secara ‘genuine’ tetapi dia ‘create’ ambil dia sebab ‘follower’ ramai jadi pelakon. Dua juta orang ni kau rasa-rasa tengok tidak darama dia? Tak. Sebab orang ‘follow’ kita ni sebab ‘busybody’. Senang cerita ‘busybody’. Orang yang tu je. Orang tak tanya, ‘eh filem dia baru apa eh? Bila nak tengok?’. Tak pernah, susah. Jadi kita tidak ‘deny’ rezeki itu masing-masing tetapi keadilan itu perlu diberi kepada mereka yang betul-betul dalam industri. Kadang-kadang ‘instafamous’, ada ‘intafamous’ yang bagus. Ada yang berlakon tu kita nampak dia punya kesungguhan, kita nampak dia punya. Yang bagus, kita cakap bagus. Tak ‘denies’. Macam saya pun, haritu saya ada berlakon dengan ‘instafamous’ yang

saya tidak kenal. Bila cakap ‘oh dia ni instafamous’ okay. Bila berlakon dengan dia saya macam ‘eh kau boleh pergi kau boleh pergi tapi kau kena belajar lagi. Kau boleh berlakon. Ada natural tu ada.’ Kita boleh tahu. Ada juga yang sesetengah yang datang tak tahu apa pun. Bila kita ni sikit, tak boleh nak ‘gel’ dengan dia. Itu masalah dia. Sebab macam saya cakap tadi la, harapan saya dalam industri ini pada masa depan tu berilah keadilan kepada mereka yang 100% mengabdi diri, mengabdikan diri untuk industri ni. Bagilah peluang. Bukannya dipilih sebab last minit, bukannya dipilih sebab tiada ‘followers.’ Bagi lah pada mereka yang memang 100% dalam industri ni. Tak rugi pun. Sebab selalunya orang-orang yang buat kerja dengan sepenuh hati ni, bab duit ni, bab gaji ni dah bagi ‘second third’. Kadang-kadang kita tidak tanya pun gaji kita berapa. Gaji kita tak tanya pun sampai ‘abang, gaji tak tanya pun’ ‘haah eh berapa eh?’ macam tu je. Sebab minat kita tu mendalam. Jadi harapan saya agar situasi ni di ‘manage’ kan dengan baik la supaya memberi peluang kepada orang-orang lama orang-orang senior untuk ‘related’ balik pada industri.

- MFA** : Untuk soalan seterusnya, apakah reaksi atau perasaan encik Ketika dinobatkan sebagai naib johan Rajalawak musim ke-2 itu?
- AZ** : Reaksi tu memang, ‘first’ sekali, confirm la terkejut takkan la tak terkejut kot kan. Takkan macam ‘naib juara! Ah aku dah tahu dah naib juara’ hahahahh tapi sebenarnya (ketawa) apa, dia terkejut terharu dan juga bangga. Okay, terkejut sebab magic banyak sangat. Saya dengan Along tidak kenal, seminggu sebelum ‘audition’ baru jumpa. Tiba-tiba jadi naib juara. Terharu sebab masa tu, masa 2008 Rajalawak tu, saya baru dapat ‘baby’ tau, baru dapat anak yang ke empat masa tu. Jadi sepanjang masa selepas ‘baby’ tu keluar, sepanjang masa tu saya

tidak ada dekat rumah. Sebab kitorang ditempatkan di satu rumah dekat 'Country Height' di Kajang. Ada satu rumah Astro bagi kami lepak dekat situ. Tapi kitorang boleh keluar balik keluar balik la, tak macam AF (Akademi Fantasia) terus lepak dalam tu je kan. Jadi kitorang boleh keluar masuk. So banyak masa saya, saya tak habiskan di rumah bersama keluarga, saya hanya habiskan dengan Along untuk bagi idea dan sebagainya. Jadi saya terharu sebab pengorbanan ataupun [mencebik] orang panggil apa 'moment-moment' untuk membesarkan anak tu saya hilang selama 13 minggu. 13 minggu. Jadi saya terharu sebab bila kita dah berjaya sampai jadi naib juara dia macam satu 'achievement' yang tak dapat dilupakanlah. Bangga sebab bakat itu dipandang akhirnya. Bakat itu diiktiraf akhirnya dan bakat itu dimaktubkan sebagai 'you are welcome to the club; you are welcome to industry'. Walaupun saya 2004 telah menjadi 'DJ' di Suria FM, tetapi 2008 Rajalawak tu merupakan 'benchmark' untuk saya la. Maksudnya pintu dia dibuka betul-betul la seluas luasnya. Kan? Itulah bermulanya 2008 tu nama saya ataupun kumpulan Cham tu dikenali ramai. Itu antara satu 'achievement' bagi saya.

- NK** : 'Okay' sekarang kita akan teruskan dengan bahagian seterusnya iaitu kerjaya sebagai seorang pelakon. 'Okay', bolehkah encik menceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pelakon?
- THH** : [Berdehem]. 'Okay' setengah orang dia berlakon apabila dia dikenali. Macam 'instafamous' sekarang kan [ketawa] macam 'intafamous' kan tiba-tiba 'eh dia ni sape ni' 'oh dia ni instafamous' 'ohhh kay'. Sebab dia 'famous' orang ambil dia berlakon. Dulu zaman saya kalau kita nak berlakon kita kena berdaftar dengan 'agency', 'talent agency'. Kena jadi ekstra. Saya bermula berlakon pada

tahun...untuk TV pada tahun 2000. 2000. 2000. Ahh 2000. Saya daftar sebab dulu kalau nak berlakon kena pergi 'audition'. Kena pergi 'casting' walaupun nak jadi ekstra. Dia akan panggil 'casting' kita pergi 'casting' baru dia bagi 'job' dekat kita. Saya bermula daripada bawah ekstra, daripada tiada dialog duduk diam je pelakon lalu-lalu tengok je sampai dibayar masa tu 50 60 ringgit. Sampai la saya diberi kepercayaan ada dialog sikit sampai la diberi kepercayaan menjadi 'supporting'. Maksudnya 'supporting' ni dia antara peneman pelakon utama, macam tu la kan. Ada satu ketika saya masih ingat lagi masa tu saya mendapat satu watak yang mana saya kena berdialog dengan Rosyam Nor. Erghhhh bila bercakap tentang Rosyam Nor ni kan, bila kita pergi 'site' tu masa tu pergi 'site' lepastu 'assistant director' tanya dekat 'agency' la, 'eh budak2 ni sape yang boleh berdialog?'. Jadi agency cakap 'ha ni azrul boleh'. Okay, 'Kau boleh berdialog eh ni dialog kau, kau hafal ni.' So kita pun [berfikir] bila dapat tu, ayat dia senang sahaja situasi dia adalah saya ni 'officemate' Rosyam, Rosyam Nor. 'So' dia datang lambat ke 'office' jumpa kat office dia tanya saya 'semekom' 'waalaikumsalam' saya jawab 'bos dah sampai' saya kena jawab 'bos dah sampai habisla kau setiap hari lambat. Haa masak la kau' macam tu je selepas itu dia blah. Disebabkan masa tu kita minat Rosyam Nor, jadi bila saya tanya 'saya kena dialog dengan sape?' 'Ala kau kena dialog dengan Rosyam Nor' 'Rosyam Nor? WOW' [ketawa]. Kita pun hafal hafal selepas itu Rosyam pun datang, 'hang Nampak ak dia?' Pastu dia tanya 'assistant director' 'eh dialog ni aku kena dialog dengan sape ni?' Lepastu 'AD' tu cakap 'tu tu tu tu budak tu Azrul tu.' .Dia pun tengok saya 'adik, kau dah dah baca dah? Dah hafal dah?' 'Aaa dah bang.' 'Haa okay' dia pun pakai baju apa semua 'ha jom jom jom' kita pun macam 'Rosyam Nor ooo aku cakap dengan rosyam nor la. Ni kalua orang

kampung tahu ni best ni kan'. Selepas itu 'assistant director' datang 'Rul kau dah hafal eh? Kau baca jap' 'Semekom, haa habis la kau bos dah sampai. Habis la kau bos tengah tunggu kau sape suruh datang lambat tiap-tiap hari datang lambat. Padan muka kau'. Ayat dia yang tu je dialog dia. Okay, selepas itu 'assistant director' cakap 'okay kau diri kat situ Rosyam Nor akan jalan dari belakang sana korang akan bertembung. Bila bertembung tu dia bagi salam kau jawab rul dialog yang kau hafal tadi tu.'. Kita pun, 'ha okay la' 'boleh?' 'Boleh bang' [teruja] kita pun 'steady' sekejap en. 'Action!' dalam hati ni 'Rosyam Nor uiii' dia pun datang sampai jumpa, 'semekom' 'Cut! Eh kenapa kau tak jawab salam?' 'Huh? Alamak lupa-lupa sorry-sorry buat lagi sekali bang' 'Okay lagi sekali'. Kau gila kot rosyam nor kot en. Teruja. selepas itu 'second take' jalan jalan jalan. 'Action!' Jalan jalan, 'Asemekom' 'waalaikumsalam' 'eh bos dah sampai eh' 'huh?' 'Bos dah sampai eh' 'cut!' cut lagi sebab 'excited' kan, teruja. Lepastu 'last last' itu antara kenangan kan sebelum jadi artis kan. 'Last-last' [berfikir] 'assistant' kata 'eh takpayah dialog, dah berapa kali take ni. Kau jawab salam cukup' 'aaaa abang, abang jawab salam pastu abang blah' 'ha okay okay'. Lepastu Rosyam Nor sikit je dia bagi. 'Orang berlakon dia nak berlakon'. [ketawa]. Sampai la kan bila saya dah jadi artis, saya jumpa Rosyam Nor eh... saya cakap kat dia 'bang, abang ingat tak saya?'. Dia kata 'ingat kau? Ha ingat la kau Rajalawak. Siape tak ingat' 'Tak, bukan bukan bang. Sebelum saya jadi Rajalawak kita pernah berlakon sekali.' 'Huh? Yeke?' dia cakap macam tu , 'berlakon kat mana? Cerita apa?' 'Ala dekat Wangsa Maju tu bang.' Dia pun 'ohhhhh kau ke yang ekstra yang bagi salam tak lepas-lepas tu?'. Dia ingat weh [ketawa]. 'ui dahsyat kau ek. Kau ada kat mana sekarang?'. Korang nampak tak? Haa kan itulah sebab kau berlakon dengan aku.' Dia punya berlagak. 'Kau

berlakon dengan aku Nampak, sekarang ni kau dah jadi artis tau sebab kau berlakon dengan aku'. Eh eh dia n ikan [ketawa]. Ha itu antara kenangan la. Sebab saya mula berlakon ni daripada bawah lepastu saya naik pangkat naik pangkat naik pangkat, sampai la masa tu dekat TV3 ada satu rancangan kisah benar. Kisah benar ni dia menceritakan masalah-masalah masyarakat la. Dan selalunya dalam kisah benar ni dia tidak gunakan pelakon-pelakon yang dahsyat, dia pakai pelakon-pelakon yang biasa je. 'So' untuk kisah benar itu la saya mendapat watak macam 'leading' [berfikir] pelakon utama semua tu kan. Ha lepastu saya dapat lepas kisah benar tu maksudnya orang dah nampak bakat saya walaupun saya bukan artis lepas tu saya dapat pulak 'offer' untuk detik 12 malam dekat TV3 untuk cerita cerita seram. Saya dapat 'lead' untuk 4-5 episod la masa tu. Bermula daripada situlah saya [berfikir] orang panggil apa eh macam bakat lakonan tu orang nampak 'agency' nampak sebagainya. Bermula daripada bawah dan bila dah jadi artis tu kita dah ada 'experience' berlakon. Jadi maksudnya aaa bila orang bagi 'job' tu orang dah tak risau dah sebab kita dah ada 'experience' berlakon bukannya bermula lepas jadi artis baru nak berlakon. Tak, saya bermula sebelum tu lagi. Jadi itulah bila orang orang budak budak baru artis artis baru dia cakap bila kita pergi 'set' budak baru ni kadang-kadang poyo apa semua en. Jadi dalam hati kita 'eleh kau berlakon je aku daripada tahun 2000 ah cehhh' macam tu la [ketawa].

- MA : Okay antara banyak-banyak filem yang encik lakonkan, filem manakah yang dapat memberikan impak yang besar terhadap kerjaya encik?
- AZ : Emm [berfikir]. Impak tu takde, tapi 'signature...signature'. Suatu Malam Kubur Berasap. Korang tengok cerita tu? Ada? Betul ke ada? Macam tipu je. Watak aku

apa? Aaa pebenda [ketawa]. ‘Okay okay’, Suatu Malam Kubur Berasap tu dia ada dua perkara yang menginggalkan kesanlah ‘okay’. Yang pertama, watak tu sendiri. Watak aku dalam Suatu Malam Kubur Berasap tu kalau tak silap Pet. Nama dia Pet. Dia seorang penjual ayam yang sengau. Yang sengau. ‘So’ bila, bila sengau ni kita nak buat tu memang memang macam susah la kita bukan sengau kan? Haa jadi kena la tengok cerita-cerita yang ada pelakon sengau atau member-member yang sengau. Kita kena belajar kan? Tetapi watak tu menjadi ingatan ramai sebab sengau tu. Bila masa filem tu ditayangkan [berfikir] bila kita jumpa orang kat luarkan, kat pasar malam kat kedai kopi semua tu, orang cam [suara sengau]. Apsal dia sengau? Ohhh okk watak aku sengau. Okay [ketawa] baru teringatkan. Aaa jadi itu antara ‘character’ yang orang ingat la. Yang kedua dalam Suatu Malam Kubur Berasap ni adalah itu merupakan [berfikir] filem terakhir Allahyarham Zami Ismail. Filem terakhir dia. Masa masa tu pun dia dah sakit dah kaki kaki dia dah bengkak apa semua dah Nampak tak sihat dah kan. So itu filem terakhir Zami Ismail, ‘so’ itu antara dua ‘moment’ yang best lah untuk untuk antara selama berlakon selama menjadi pelakon tu Suatu Malam Kubur Berasap aaa [berfikir] yang yang yang memberikan [berfikir] nak kata impak, bukan impak la tapi istimewanya ada kat situ la.

MFA **Okay, untuk soalan yang seterusnya apakah watak yang paling digemari oleh encik yang tidak dapat dilupakan?**

AZ Watak yang paling digemari dalam lakonan eh. [berfikir] kalau dalam lakonan yang paling memberi kesan, Geng Bas Sekolah la. Korang tengok tak? [ketawa]. Geng Bas Sekolah la [ketawa]. Apa bila saya ‘live’ dekat TikTok, ramai yang tanya pasal Geng Bas Sekolah. Ramai yang cakap Geng Bas Sekolah tu banyak yang berterima kasih la bila saya ‘live’ dekat TikTok tu. ‘Abang terima kasih

kerana menceriakan zaman budak saya.' 'abang terima kasih kerana saya suka makan cendol lepas tengok Geng Bas Sekolah' [ketawa] 'abang, abang legend' [teruja] 'aku legend?'. Jadi bila tengok bila dekat TikTok tu ramai aaa [berfikir] membesar dengan Geng Bas Sekolah. Dan juga Geng Bas Sekolah tu merupakan salah satu signature drama kanak-kanak pada zaman tu. Sebab zaman tu 'social media' apa semua pun masih baru lagi. Budak-budak pun tak gila sangat 'gadget'. Semua hujung minggu akan lepak tengok TV Geng Bas Sekolah tu sebab Geng Bas Sekolah tu lima musim. Musim yang pertama bukan saya. Musim yang kedua pun bukan saya. Musim ketiga keempat kelima semua saya. Jadi secara tak langsung benda tu memberi kesan [berfikir] yang mana yang tengok rancangan tu program tu sekarang ni semua dah besar-besar ada yang dah berkahwin pun. Bila kata macam tu baru kita teringat yang kita ni yang saya ni dah tua (ketawa). Sebab dulu kecik-kecik lagi kan, so bila bersempang dengan diorang 'abang dulu masa tengok cerita tu umur korang berapa?' 'oh, masa tu saya sepuluh tahun bang' 'ohh sepuluh tahun. Sekarang ni kau dah berapa?' 'Sekarang ni saya dah 24 bang dah kahwin bang' [ketawa]. Macam tu kan. Jadi tak secara langsung itu adalah sumbangan. Sumbangan la macam untuk untuk penonton dan masyarakat kan. Macam kita kita membesar dengan...macam saya saya membesar dengan cerita-cerita P.Ramlee, A.R. Badul dan sebagainya. Macam diorang, diorang membesar dengan cerita-cerita saya. Jadi kita rasa bangga juga la kan sebaborang ingat kita. Itu antara moment yang best la sepanjang bergelar pelakon Geng Bas Sekolah tu dan juga [berfikir] saya rasa yang tu lah yang Geng Bas Sekolah yang paling 'best' sebab orang masih ingat lagi budak-budak masih ingat lagi.

- MFA **Untuk soalan yang seterusnya, apakah perasaan encik ketika ditawarkan untuk berlakon dalam Geng Bas Sekolah itu?**
- AZ Okay masa Geng Bas Sekolah tu dia ada ‘audition’ tau untuk cari ‘driver’ bas sekolah tu untuk musim yang ke-3 tu. ‘So’ antara orang yang pergi ‘audition’ masa tu adalah Johan, Zizan, [berfikir] siapa lagi, Taukey, Angah, ramai la yang pergi ‘audition’. Yang nama-nama besar ada juga. Jadi suatu hari tu Astro ‘call’ dia kata [berfikir] ‘abang, datang ‘audition’ bang untuk Geng Bas Sekolah’ katanya. Kita pun macam ‘ha okay’ kita pun pergi ‘audition’. Puk pak [suara latar] pergi ‘auditio’ apa semua, tiba-tiba diorang ‘call’ lagi diorang ‘call’ lepas seminggu tu diorang nak jumpa untuk ‘sign’ kontrak. ‘So’ macam ‘eh aku dapat ke? Kenapa tak ambil Johan apa semua nama lagi besar kan?’. Lepastu bilamana dapat untuk ‘audition’ tu, aaa [berfikir] ‘first thing first’ kita kena diorang tanya pendapat pasal karakter. So diorang tanya apa abang nak....diorang tanya la ‘apa abang nak untuk character ni’. ‘So’ saya cakap dekat diorang ‘buatkan saya sebagai seorang yang ‘lonely’ ‘saya cakap. ‘saya nak saya seorang yang ‘lonely’ yang tiada keluarga, yang budak-budak inilah keluarga saya. Dan saya nak involved totally’. Maksudnya sebelum ni ‘driver’ bas tu banyak habis masa dekat bas sahaja. Tapi ini saya nak ‘totally’ ‘involve’ maksudnya habis waktu sekolah dengan budak-budak ni, aktiviti-aktiviti diorang pun saya nak ‘involve’ saya cakap. Dan saya nak bawa bas sendiri saya cakap dekat dia. Dia kata ‘abang boleh bawa bas ke?’ saya kata ‘alah bawa bas ni macam bawa kereata je tiada masalah pun’ berlagak masa tu. Selepas itu diorang kata ‘boleh lah tiada masalah. Boleh bawa sekitar kawasan Taman Tun la’ sebab masa tu ‘shoot’ dekat Taman Tun kan. So bila masa hari ‘first day’ ‘shooting’ tu, ada ‘scene’ kena bawa bas sekolah, dia ada sorang apek la tauke bas tu yang bawa. ‘So’ saya

suruh dia bawa dulu saya nak tengok apa semua tu kan. Rupanya bas sekolah tu 'gear' satu (1) dia bukan atas sebab dia manual kan, gear satu dia bukan atas. Gear satu dia bawah [ketawa]. Gear 'reverse' dia atas, terbalik [teruja]. Jadi dua tiga kali juga termasuk 'reverse' bas pergi belakang [ketawa]. Tapi memang dalam Geng Bas Sekolah tu saya bawa bas sendiri sebab saya nak dapatkan 'feel' untuk bawa bas tu. Itu antara aaa [berfikir] kenangan la dalam Geng Bas Sekolah tu sampailah habis musim pertama tu, diorang buat musim ke-2 saya ditawarkan lagi, musim ke-3 ditawarkan lagi. Alhamdulillah 'rating' masa tu untuk GBS masa tu memang agak bagus la.

MFA Boleh kami tahu kenapa macam dia 'stop' cerita Geng Bas Sekolah tu?

AZ Okay, dulu Astro kebanyakan cerita-cerita Astro adalah cerita-cerita yang di 'supply' atau yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat 'production'. Macam Kapten Boleh, Geng Bas Sekolah, aaa (berfikir) apa tu ada 'a few' cerita lain drama apa semua. Dimana syarikat-syarikat produksi ini diberi kontrak selama lima tahun ataupun lima musim untuk sesuatu program. So bila dah habis lima musim ni, habis lah cerita tu. Cerita tu tidak akan dibuat la, pihak Astro tidak akan bagi 'budget' dah untuk cerita tu. Sebab sekarang ni Astro dia buat 'style' lain pula, kau kena 'pitching' untuk cerita tu, kalau dia nak cerita tu baru dia bayar. Dulu tak, dulu dia yang suruh 'production' tu buat untuk dia. Haa jadi itu yang banyak 'production' yang buat cerita tu untuk Astro tu. Jadi bila dah cukup lima tahun atau lima 'season', kontrak dah habis Astro tidak akan sambung dah. Sebab kalau dia nak buat balik cerita Geng Bas Sekolah tu dia kena bayar royalti ataupun hak penyiaran untuk syarikat tu buta-buta. Jadi dia taknak la. Sama juga macam Rajalawak, sebab Rajalawak tu bukan Astro punya. Dia adalah diterbitkan oleh Homegrown untuk Astro. Nama 'production' tu Homegrown untuk

Astro. Sebab tu bila sampai musim yang ketujuh, Astro dia tak pakai Rajalawak dia pakai MegaLawak. Dan sekarang ni Ohsem pula buatkan Rajalawak mungkin dia beli 'rights' tu daripada Homegrown la.

MA **Sekarang kita teruskan dengan kerjaya seterusnya iaitu pengubah suara ataupun 'voice over'. Okay, bolehkah encik menceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pengubah suara.**

AZ Okay aaa [berfikir] saya bermula sebagai 'voiceover' atau pun 'dubbed' eh sebelum saya jadi artis lagi. Tahun 2000....2000 berapa saya pun dah lupa tapi 2000 lebih la. Masa tu ada cerita-cerita banyak cerita-cerita Sepanyol, Mexico yang di alih suara termasuk la kartun. 'So first' kartun yang saya buat adalah 'Initial D', kartun Initial D. Kartun yang di alih suara sebanyak seratus lebih episod la. Itu bermulanya saya punya ni. Sebab saya pergi 'audition' masa tu. Ha pergi 'audition'. Dulu-dulu 'audition' semua akan keluar dekat 'paper' dulu. 'Kami perlukan' ha dia macam tu kan? Jadi dia ada orang panggil apa...aaa [berfikir] 'audition' masa tu dan aaa (berfikir) saya pergi saya dapat. Itulah bermulanya kerja sebagai 'dubbers' yang saya tahu lah. So antara yang paling besar yang saya buat "Initial D", kemudian apa tu bila dah jadi artis ada suara saya juga untuk "Toy Story". Dimana "Toy Story" ni agak mencabar sebab bila kita, dia akan bermula waktu malam eh 'recording' dia sebab kita kena hantar 'report' lepas kita buat satu 'line' atau satu babak untuk VO untuk 'dubbing' tu. Lepastu diorang kena terus 'email' dekat Hong Kong. Disney Hong Kong untuk diorang 'evaluate' untuk diorang nak tengok sesuai ke tak. Jadi sana dah 'approve' baru sini 'record'. Jadi kena buat malam sebab perbezaan waktu kan. So itu antara mencabar la sebab bila kita dah buat dah kan, dah rakam rakam rakam okay stop email dekat sana pula. Disney Hong Kong dia akan tengok apa yang betul

apa yang tak betul. Dia akan 'reply' balik, 'record' balik . Memang penat la. Tapi gaji besar la [ketawa]. Itu antara pengalaman saya buat VO untuk untuk apa (mencebik) untuk iklan, untuk kartun, untuk drama telenovela lah apa semua ada. Kadang-kadang kita tak akan perasan pun suara kita akan keluar dekat situ, untuk drama tu sebab tajuk dia tajuk yang lain bila masuk TV tajuk lain [ketawa]. Kan? Kadang-kadang tajuk dia kalau cerita Mexico tajuk dia Mexico masa buat 'recording' tu. Bila keluar tv kita macam 'eh apsal suara dia macam suara aku? Ohhh aku yang buat.' [ketawa].

- MA** **Dia macam encik tidak tahu bila dia nak 'post' benda tu?**
- AZ** Bila nak tayang takt ahu. Sebab kalau TX ni kalau kat TV ni macam kita berlakon juga. Macam saya macam PKP ni, saya dah 'shoot' empat drama, tak tahu bila keluar. Tunggu giliran la
- MA** **Kiraan bayaran untuk 'dubbing' dengan berlakon ni beza ke? Sebab saya tanya 'dubbing' dia kira saat**
- AZ** Beza beza beza. Macam iklan radio, yang kita dengar kan, yang kita dengar iklan radio ni dia ada pakej dia. [Berfikir] kadang-kadang dia kira 'per second', kadang-kadang dia kira 'lumpsum', kadang-kadang dia kira panjangnya iklan tu. Selalunya iklan radio ni tak lebih daripada dua minit dan dia akan dikira per saat. So macam untuk iklan radio suara saya untuk satu saat adalah lima belas ringgit. Lima belas ringgit. Jadi kalau 30 saat, kali lah. 15-ringgit kali 30 saat. Kalau untuk radio la sebab radio ni iklan dia pendek-pendek. Jadi kalau macam iklan VO untuk DOKO(?) VO untuk iklan-iklan yang panjang atau 'shortfilm' semua tu kira 'lumpsum'. Sebab dia 'one-off' kan? (1.55.33)
- MFA** **Okay untuk soalan yang seterusnya, diantara ksemua VO yang telah encik lakukan yang manakah yang paling disukai oleh encik?**

- AZ Saya rasa iklan apa tu [berfikir] kereta HAVAL. ‘Jadilah seperti Rashid’ ke apa tu. ‘Jadilah seperti Rashid’ HAVAL iklan kereta HAVAL. Itu ‘best’ sebab saya dia jadi bukan ‘more to VO’ tau. Saya jadi ‘narrator’, pencerita pencerita kan? ‘Ini Rashid. Rashid ada seorang kekasih tetapi kekasihnya’ dia macam tu kan. Jadi saya rasa itu yang ‘best’ la sebab saya kadang-kadang bila iklan ataupun doko ni dia tertakluk pada konsep rancangan tu kan tapi kalau untuk yang HAVAL tu saya menjadi pencerita tu yang jadi best la sebab lengkok jalan cerita semua saya boleh ‘colour’ kan dengan karakter sendiri kan. Itu antara yang best la.
- MFA **Kita akan ke bahagian yang seterusnya iaitu bahagian anugerah dan pencapaian. Untuk solan pertama, pada tahun 1995 encik telah menjadi naib juara untuk Bintang RTM dikawasan Utara. Bolehkah encik menceritakan serba sedikit perasaan dan reaksi ketika kumpulan encik dinobatkan sebagai naib juara ketika itu.**
- AZ Oh, Bintang RTM Kawasan Utara. Okay [berfikir] perasaan masa tu riak la [ketawa]. Perasaan masa tu eh sebab dia pertandingan tu Bintang RTM tu dia buat secara terbuka tau dekat padang bola tau. ‘So’ bila buat dekat padang bola tu dia disiarkan secara langsung di radio masa tu. Bukan di TV, di radio masa tu kawasan utara. Dia di radio. ‘So’ apa yang membuatkan saya rasa bangga adalah berbalik kepada kisah Tan Sri P. Ramlee kerana beliau mula bertanding melalui bintang radio. So Bintang RTM Kawasan Utara tu tak secara langsung macam Bintang Radio la sebab dia disiarkan secara langsung dalam radio masa tu kan. ‘So’ bila mana menyanyi dekat padang bola ni maklumla zaman tu bukan zaman internet, jadi hiburan tu orang cuma boleh dapat apabila datang ke tempat ‘event’ tu lah. Jadi penuh la orang. Penuh ramai orang kan. Fuh masa tu kira macam, [mencebik] takut pun ada seronok pun ada kan? Jadi bila kita percaya

pada diri sendiri ni yang penting apa pun yang kita nak buat kita percaya pada diri sendiri ni. Kalau kau pun tak percaya pada diri kau sendiri takkan kemana. Jadi Alhmdulillah apa yang kita buat apa yang kita tahu kita praktikkan jadi naib juara. Tapi masa tu tak rasa sangat macam ‘dahsyatnya aku ni’ tak rasa sangat sebab benda tu kita tidak boleh share dengan siapa-siapa. Tak macam zaman sekarang. Tak zaman sekarang ni bila kita menang sesuatu atau dapat sesuatu kita share ‘upload’ dekat media social semua orang akan ‘tahniah rul tahniah rul’ jadi kau macam en betul an. Jadi kau macam ‘wahhh’ orang ni kau tak kenal tau tapi dia tahniah tahniah en. jadi kau rasa lain tau. Sebab mas zaman tu kita tak dapat nak ‘share’ dengan sesiapa pun. Gambar pun pakai ‘kodak’ lagi. Jadi bila pakai ‘kodak’, lama-lama gambar tu rosak hilang dan sebagainya kan. Jadi tak dapat nak simpan moment-moment tu. Tak dapat nak selamatkan. Jadi kejayaan masa tu Cuma dikongsi bersama dengan ‘family’ dengan ‘member’ je lah [ketawa]. Orang-orang kampung pun kalau nak tahu pun sebab mak kita cerita lah. Sebab mak kita cerita atau dia dengar radio malam tu. Bila dia dengar radio tu dia pagi-pagi datang rumah la ‘weh anak hang lah yang nyanyi semalam tu. Dia bagui la’ macam tu la orang kampung orang kampung kan biasa la. Jadi dia takde la ‘spark’ dia takde la besar sangat kalau terjadi pada zaman sekarang ni sebab dia terjadi pada zaman taiada internet. Jadinya kejayaan tu dikongsi Bersama kaum keluarga dan sahabat handai sahaja.

MA **Kalau macam cabaran, ada tak cabaran yang dialami oleh encik semasa menyertai pertandingan tu?**

AZ Cabaran eh? Rasanya macam tiada sangat cabaran untuk Bintang RTM tu macam senang la kan [ketawa]. Macam senang sangat puk pak [kesan bunyi] pergi ‘audition’ [kesan bunyi] naib juara. Takde la sengsara sangat. Tak macam

Asia Bagus saya demam kan. Final tu saya demam. Macam Sinaran Pasport pun sampai ‘semi-final’. ‘Semi-final’ pun saya demam. Itu cabaran suara tidak keluar sebagainya. Yang lain tiada apa sangat. Takde takde takde la Bintang RTM takde cabran sangat la. Cabaran dia mungkin masa ‘audition’ nyanyi masa tengah panas je la kot [ketawa].

MFA **Macam untuk pemilihan lagu untuk ‘competition’ tu sendiri atau ditetapkan?**

AZ Okay kalau Bintang RTM kalau barang daripada RTM, dia ada dua lagu yang kena pilih. Satu lagu wajib. Lagu wajib ni lagu yang dipilih oleh RTM. Kau tak boleh elak, kau kena nyanyi lagu tu lagu wajib. Dan lagu wajib dia adalah lagu-lagu yang, yang kadang-kadang kita tak minat pun. Lagu-lagu lama, lagu-lagu yang ‘more to’ teknikal la sebab bila bertanding ni dia nak tengok kita punya teknikal, vokal eh, ha tempo, kita punya apa, orang panggil apa [mencebik] teknikal ‘part’ la maksudnya. So lagu yang kedua lagu pilihan sendiri. So lagu-lagu apa yang kita nak nyanyi lah kan. Jadi dia ada dua lagu. ‘So’ masa ‘audition’ tu dia akan nyanyi lagu wajib sahaja. Lagu wajib yang disediakan oleh RTM. Kalau ada sepuluh lagu utu untuk orang lelaki, kau kena pilih lagu tu je kau tak boleh pilih lagu lain. So bila dah menang untuk ‘final’, baru kita akan nyanyi dua lagu. Satu lagu RTM pilihan RTM satu lagu wajib dan satu lagu pilihan.

MFA **Untuk soalan yang seterusnya pada tahun 1997 encik telah menjadi johan untuk johan team search talent ‘Solfun Discotheque’, siapakah yang memberi pembakar semangat untuk encik sehingga encik berjaya menjadi juara pada ketika itu.**

AZ KRU [ketawa]. Sebab zaman tu zaman minat KRU. So dekat ‘Solfun Discotheque’ tu aaaa [berfikir] ‘Teenage Talent Search’ tu kebanyakannya yang

masuk tu cuma menari sahaja zaman tu. Ha menari diorang ada kumpulan 'group' la macma menari sahaja. Bila dah sampai dekat kumpulan kitorang, kitorang siap menyanyi dan menari. Itu beza dia sebab masa tu pengaruh KRU amat kuat. Pengaruh KRU amat kuat dan kebetulan masa tu rasanya sebelum, sebelum pertandingan tu kot KRU 'shooting' filem diorang yang 'first time' diorang berlakon 'Awas' dekat Pinang. So kumpulan kami ni salah satu kumpulan yang pelakon jadi ekstra la yang semangat KRU masa tu berkobar-kobar la kan [ketawa]. Dia macam 'eh come on la dekat Pinang pun ada KRU tau'. Jadi bila masuk pertandingan tu orang semua menari sahaja, kitorang menari dan menyanyi. Itu yang dapat jadi juara tu sebab lain daripada yang lain kan. Siap bawak buat api la apa semua macam KRU. Kononnya KRU yang tiada 'budget' kan.

MA Ada latihan ke untuk menari tu?

AZ Masa tu memang kan macam KRU kan dia ada Yusry, Edry, Norman menyanyi saja kan jadi belakang dia ada 'backup dancer' kan. Pastu konsep kitorang pun sama macam tu. Saya menyanyi dengan ada lagi sorang Azli tu menyanyi yang lagi empat orang kat belakang tu menari. So ada 'step-step' yang kitorang akan menyanyi menari sama-sama sikit-sikit. Ada 'step' yang 'dancer' saja yang akan menari. Sama macam KRU sebiji KRU. Kan ha [berdehem] jadi Lathan tu memang ada la sebab nak dapatkan konsep 'everything' semua tu kan. Jadi aaa [berfikir] masa tu memang gila KRU la. Ntah apa-apa minat KRU kan [ketawa].

MA Cabaran pada masa itu ada ke macam pesaing terdekat.

AZ Cabaran tu ada. Sebab cabaran masa tu adalah dalam 'group' saya tu kebanyakannya diorang ni sekolah lagi tau masa zaman tu. Ada yang 'form five' ada yang 'form four (4)'. Jadi bila nak pergi bertanding tu, macam mana diorang

ni nak keluar daripada rumah. Taknak bagitahu dekat mak bapak diorang yang diorang ni pergi bertanding dekat kelab. ‘Confirm’ la kalau mak bapak diorang tahu diorang marah kan. So apa yang kitorang buat adalah yang diorang selalunya diorang akan buat-buat macam nak pergi surau (ketawa). Pakai kopiah kain pelikat apa semua kan sebab pertandingan tu malam. So diorang akan keluar maghrib la. Dah bawak beg apa semua. [Berfikir] masa tu sebab saya dah habis sekolah masa tu. Diorang ada yang dua tiga orang yang sekolah lagi. So kitorang akan pergi bertanding [suara efek] semua. Sebab masa tu lagi satu kebaikannya adalah tiada ‘handphone’. Kalau ada ‘handphone’ mak bapak ‘confirm call’. Jadi salah satu yang istimewanya zaman tu adalah mak bapak diorang tak boleh marah sebab diorang tak tahu kita ada kat mana. Kalau dia tanya ‘apsal balik lambat sampai pukul 12 baru balik rumah ni?’ ‘Ala lepak depan tu biasa lah’. Dia tak dapat cari pun, kalau dia ada ‘phone’ dia mesti ;eh mana ni’ ‘call’ la kan. Itu yang ‘best’ nya zaman tu. Buat apa pun susah nak kantoi la (ketawa). Itu antara cabaran la sebab kitorang ada juga yang tiba-tiba tiba-tiba macam nak keluar je tiba-tiba dia bertembung dengan bapa dia pula. Haaa pun ada adaaa. Fuh jenuh jenuh kan amcam-macam hal. Bapak dia jumpa dia ‘hey!’ ‘Lepak jap’ ‘ah balik balik naik motor’. Kitorang tengok je [suara efek] naik motor. Tapi satgi dia keluar juga. Dai keluar juga. Dia keluar macam ‘weh macam mana hang boleh keluar’ kan. ‘Aku cakap dekat bapak aku ni nak hantar buku ni dekat rumah’ ‘ohhh okay faham’ [ketawa].

MA **Kalau macam lepas jadi juara tu macam tak beritahu la dekat family tu semua?**

AZ [Berfikir] rasanya tak kot. Rasanya tak. Sebab benda tu benda yang ‘illegal’ kan [ketawa]. Sebab pertandingan tu dia buat dalam diskon. Sebab tu nama dia

'Solfun'. Solfun tu nama 'disco' tau. Aaa nama kelab tu. Jadi bila budak sekolah masuk kelab salah la kan? Tapi sebab pertandingan tu kitorang boleh masuk. Jadi kalau, nak mampus tiba-tiba bawa piala balik rumah. Tiba-tiba bapak, 'kau buat apa diskو apa benda ni' [ketawa]. Jadi rasanya 'family' tak tahu kot.

MFA Okay kita akan ke soalan yang seterusnya. Pada tahun 1998, encik telah menjadi naib johan Bintang Karaoke Medan Mara KL. Perasaan encik bila encik dinobatkan sebagai naib johan bagi Bintang Karaoke Medan Mara KL pada ketika itu.

AZ Okay masa Medan Mara tu macam saya dah cakap tadi saya dah cerita tadi yang ditawarkan menjadi 'recording' artis dengan 'band' yang saya tak kenal tu, masa dekat Medan Mara tu lah. So antara 'moment' yang menarik adalah Medan Mara masa tu di KL merupakan salah satu tempat yang wajib di lawati. [ketawa] wajib di lawati. Kan Medan Mara tu macam tempat yang [berdecit] gah la. So bila pertandingan tu dibuat di medan mara, ramai orang ah ramai orang. Memang ramai. [berdehem]. Cabarannya adalah yang akan masuk pertandingan di KL ni selalunya mereka-mereka yang selalu masuk pertandingan dan mempunyai pengalaman bertanding. Jadi diorang dah tahu lagu cari makan diorang la apa benda semua. Juri pun kenal diorang. Kan cabaran dia. Kita ni budak luar, kan. Jadi kadang-kadang juri tak kenal apa semua kan. Jadi cabaran dia adalah kita kena tunjuk 'performance' kita yang terbaik la. 'So,' masa tu aaa [berfikir] Awie baru keluarkan album solo dia. Album solo dia. Saya nyanyi lagu Awie dengan cara Awie la dengan 'baretta' nya dengan 'chord' nya macma Awie la. Tiba-tiba diumumkan menjadi naib juara terkejut juga sebenarnya sebab ada yang lagi bagus. Ada yang Azri suara macam Jamal sebiji pun kalah. Jadi macam terkejut juga la kan macam 'WOW' kan? Tambah terkejut bila lepas orang ponikayen

jumpa belakang ‘stage’ bagi nombor ‘phone’ suruh datang ‘office’ duduk bincang, lagi terkejut la. Sebab ‘uish, ada recording company la datang tengok’ kan. Itu antara ‘moment yang saya ingat la untuk Medan Mara.

MFA **Seterusnya kita akan ke bahagian yang seterusnya iaitu bahagian sumbangan. Untuk soalan pertama, pada tahun 1995 encik telah terpilih sebagai finalis dalam satu program yang telah dianjurkan oleh pihak stesen televisyen di Jepun iaitu Fuji Television dalam rancangan Asia Bagus. Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai sumbangan yang encik telah berikan kepada negara sehingga berjaya tersenarai sebagai finalis dalam program reality tersebut.**

AZ Dia kalau sumbangan pada negara tu kalau kejadian tu berlaku pada zaman sekarang ni mungkin akan memberikan impak yang besar. Tapi disebabkan zaman tu berlaku pada zaman bukan teknologi, jadi liputan tentang pertandingan tu kurang diberi perhatian. Dan juga apa [berfikir] benda tu macam [berfikir] macam mana kita nak cakap eh [berfikir]. Dia tak beri liputan yang meluas la pasal pertandingan tu. Dia takde nak macam ‘Malaysia hantar wakil ke...’ dia takde. Dia macam biasa-biasa je. Kan? Tapi yang yang yang [berfikir] ‘even’ masa Amy Mastura menang masa tu, dia punya ‘spark’ dia punya impak tu hanya seketika sahaja takde dibesar-besarkan, takde dia diangkat macam zaman teknologi ni kan zaman ‘social media’ ni apabila... contohnya macam aaa [berfikir] filem Mat Kilau, macam ‘box office’ tiap hari orang bercerita tiap hari orang angkat gambar dan sebagainya. Mungkin akan terjadi kalau di buat pada tahun sekarang ini. Kan generasi yang sekarang ni ataupun situasi yang sekarang ni. Tapi pada masa tu Cuma kita berpandukan apa-apa informasi pada dua ‘instrument’ sahaja dua platform sahaja iaitu surat khabar dan juga TV dan

radio. Jadi kalau tak keluar kat surat khabar, orang tak tahu lah. Sebab masa tu pun kalau zaman tu berita apa semua orang masih lagi nak tengok RTM. Jadi RTM ‘confirm; takkan ‘cover’ punya. Jadi orang tak tahu. Jadi kalau sumbangan tu memang untuk Asia Bagus tu memang takde la sumbangan apa pun sebenarnya. Melainkan menyanyi mneyumbang kan suara je la. Itu je lah

MFA **Saya ada soalan, untuk program Asia Bagus tu encik maksudnya kena bertanding secara bersemuka antara negara lain ke macam mana?**

AZ Tak, dia ada dua ‘final’ macam saya cakap tadi. Yang saya punya tu dia akan buat final dekat Malaysia je dulu. Dia buat audition dekat Malaysia, tujuh orang terpilih untuk final Malaysia. Daripada tujuh orang ni, yang ‘top three’ akan dihantar ke ‘Singapore’. Untuk berlawan dengan ‘Singapore’ ‘Indonesia’ ‘Phillipine’ semua tu. Jadi setiap negara pun sama. Indon pun sama juga dia akan buat audition finalis Indonesia. Pemenang finalis Indonesia tu akan dihantar ke finalis Asia Bagus. Ada dua peringkat.

MA **Yang encik jadi reserved tu eh yang encik nombor empat tu eh?**

AZ Ha saya nombor empat sebab dia akan pilih satu, dua, dan tiga sahaja.

MA **Jadi dia tak hantar la pergi ‘Singapore’**

AZ Tiada. Melainkan yang satu, dua, tiga tu ada seorang yang tarik diri, saya akan pergi ke Singapore la.

MFA **Okay untuk soalan yang seterusnya, gabungan encik sedikit sebanyak telah menaikkan lagi nama kumpulan Cham dalam program Rajalawak Musim Kedua. Apakah perasaan encik apabila dapat menaikkan lagi nama kumpulan Cham sehingga dikenali oleh orang ramai?**

AZ Emm [berfikir] dia macam satu impian. Sebab macam saya daripada dulu berpegang kepada kata-kata Iskandar Zulkarnain ‘Tiada perkara yang mustahil

bagi manusia yang berani'. So kalau sesuatu benda yang kita buat tak kira lah daripada segi akademik mau pun minat, seni dan sebagainya bermiaga dan sebagainya. Kalau kita betul-betul nakkan sesuatu benda atau benda yang kita impikan tu berusahaalah sehingga dapat. Takdir, rezeki, nasib, itu semua ditangan Tuhan. Kadang-kadang bila saya fikir-fikirkan, saya 'audition' dari zaman budak lagi, remaja masuk ke belia. Pergi 'audition' nak kejar apa yang kita nak, kadang-kadang tak dapat. Tapi saya tak pernah 'give up'. Ada dikalangan rakan-rakan sebaya saya yang dulu berkawan masa kita pergi 'audition' apa semua ada puak-puak yang sama muka la bila kita tengok bila kita 'audition' je muka tu mesti ada punya. Tapi diorang bila tak dapat apa semua diorang 'frust'. Diorang Tarik 'brake' diorang berhenti diorang taknak pergi 'audition'. Tapi saya akan cuba cuba sampai saya dapat. So apabila Rajalawak tu macam saya cakap tadi daripada mula merupakan satu 'moment' yang 'magic', kerana benda yang tak dirancang. Benda yang yelah tak 'planned'. Jumpa Along pun macma tu je tak kenal. Masuk, tiba-tiba jadi naib juara dan sebagainya sampai la ke harini kekal dalam industri. Saya rasa itu adalah satu anugerah satu hadiah daripada Allah yang mana dia mungkin nak 'test' saya ni betul ke kau ni nak apa yang kau nak. Kadang-kadang kita cuba bila kita tak dapat kita 'frust. (mencebik) 'ah okay kita taknak ni'. Tapi kita cuba lagi. Mungkin kita tak tahu. Kan? Sebab saya pernah bersempang dengan seorang yang pandai agama la. Saya tanya dia, 'Ustaz, jadi artis ni ataupun anak seni ni macam mana, eh?' saya tanya ustaz. Dia kata 'Rul macam ni Rul. Apa-apa kerja yang kita buat, apa-apa bidang yang kita ceburi itu dah tertulis. Itu dah termaktub dalam kehidupan kita. Cuma bagaimana kita nak dapatkan pekerjaan itu, bagaiman cara kita nak sampai ke impian tu, itu adalah atas usaha kita' dia kata. Dia kata 'tak semua orang boleh jadi artis tak semua

orang boleh jadi polis tak semua orang boleh kerja dekat hotel sebab masing-masing ada tanggungjawab dan juga ada cabaran yang untuk dilalui'. Sebab artis ni bila kita jadi artis ni banyak benda yang kita kena berkorban. Baik daripada segi masa, baik daripada segi kemahuan diri, baik daripada segi nak puaskan hati orang-orang tertentu. Kadang-kadang kita kalau 'busy' ni, 'busy' betul-betul. Saya pernah tiga bulan tak balik rumah. 'Shooting' 'back-to-back shooting' dengan tak balik rumah. Jadi itu satu pengorbanan sebab kadang-kadang contohnya kan contohnya lah. Kita ada anak kecil, setiap orang mesti mengimpikan dia nak tengok anak dia 'first time' berjalan. Dia nak tengok anak dia 'first time' berjalan. Tapi disebabkan kerja kita terpaksa berkorban kita tiada dirumah dan bila kita balik anak kita dah berjalan. Jadi 'moment' tu kita tiada, kita terlepas. Jadi itu antara pengorbanan la. Dan lagi satu pengorbanan dia apabila kita keluar orang kenal kita. So kadang-kadang orang kenal orang nak bergambar sebagainya kita keluar dengan 'family' kan? Jadi 'family' pun dia kena fahamlah. Sebab kita dikenali aaa (berfikir) dan juga banyak benda yang 'pro and cons' la dekat situ. Maksudnya bila orang kenal kita ni kita tak boleh buat sebarang la. Kita buat kerja-kerja ke kita kena 'eh orang kenal aku ni'. Nak kencing tepi jalan pun kita macam 'jap lagi orang nampak aku mampus aku ni orang kenal aku ni' [ketawa]. Kita cari 'toilet' lah [ketawa]. Walaupun kena tahan kencing selama sejam nak cari RnR ke apa [ketawa]. Sebab apa orang kenal kita. Zaman sekarang zaman 'viral' pula. Tiba-tiba orang ambil video kita. Haa sudah. Itu 'pro and cons' dia la. 'Pro' dia pula adalah apabila kita tak minta kadang-kadang, kita tidak pernah terduga dan tak pernah meminta. Kadang-kadang ada satu kejadian dimana saya dan 'family' pergi makan, tiba-tiba ada orang ambil gambar. Kita nak bayar makan tu 'waiter' tu dah cakap 'abang, abgn

tu dah bayar dah'. Rezeki la sebab peminat kan orang minat kita. Itu antara benda-benda yang orang panggil apa buruk dan baik menjadi seorang artis. Pengorbanan. Bagi saya, macam orang cakap artis ni selalu orang cakap 'public figure'. Tapi bagi saya artis ni bukan 'public figure' teteapi artis ni 'public phone' sebenarnya. 'Public phone', bila kita nak guna baru kit acari betul tak? Bila dah guna dah pakai, mampus kau la rosak ke apa ke lantak la 'vandalism' ke lantak la. Zaman sekarang. Sebab zaman sekarang ni cabaran yang paling utama adalah apabila kita berdepan dengan teknologi-teknologi, 'social media' dan sebagainya. Macam saya cakap tadi la kadang-kadang kita berlakon pun kita tanya 'perempuan ni siapa' 'oh dia ni instafamous bang'. 'oh, aku tak kenal pun siapa dia ni dia buat apa?'. Dulu kalau kita nak masuk dalam bidang seni ni dalam lakonan dan sebagainya ni kebanyakannya kita akan kenal walaupun dia ekstra kita akan kenal. Sebab orang tu sentiasa ada. Dan kita tahu dia boleh berlakon ataupun tak. Itu antara cabaran zaman sekarang la sebab kami ni warga-warga tua kena bersaing dengan teknologi, kena bersaing dengan 'social media' dan sebagainya. Kena 'adapts' la.

MA **'Okay' sekarang kita akan ke bahagian yang terakhir iaitu pesanan dan harapan. Soalan pertama apakah pesanan yang encik boleh berikan kepada pelawak yang masih yang masih baru dalam industry seni di Malaysia.**

AZ 'Okay', dia kalau baru ni dia ada beberapa kriteria. Sama ada dia baru nak mencuba ataupun dia dah ada tapi dia masih lagi baru nak meneroka. Cabaran yang paling utama macm saya cakap tadi 'trust yourself' percaya pada diri sendiri. Sebab orang lain tidak akan tahu diri kita macam mana. Kita sahaja yang tahu diri kita macam mana. Daripada saat kita bangun tidur sampai la saat kita tidur. Kita sahaja tahu diri kita boleh buat apa kita sahaja tahu. Apa yang kita

buat adalah satu pekerjaan. Lakonan, menyanyi, melawak, mengacara, pembaca berita, pengulas sukan, siapa sahaja ‘cameraman’ dan sebagainya itu adalah satu pekerjaan bukannya satu kehidupan. Bila kita bercakap tentang pekerjaan itu adalah bila kita nak buat sesuatu benda itu kita kena buat bersungguh-sungguh. Kita kena buat bersungguh-sungguh dan yang penting percaya pada diri sendiri dan jangan ini yang selalu saya praktikkan, jangan berjanji pada orang benda yang kita tidak boleh buat. Jangan berjanji. Contohnya, kalau katakanlah ‘interview’ kita ni masa korang ‘approach’ tu korang cakap ‘bang kita nak interview abang’ ‘boleh tiada masalah’ ‘tapi semua dalam English ye bang eh’. Okay kita tahu kita boleh cakap English, okay kitab oleh cakap bahasa Inggeris tetapi adakah kita selesa? Jadi benda yang paling penting dalam industri ini adalah ‘kau jangan berjanji kalau benda yang kau tidak boleh buat. Jangan berjanji sebab pekerjaan anak seni ni orang pandang daripada kemampuan untuk kau ‘present’ kau berikan. Itu yang menjadi publisiti kepada pekerjaan kau sebab bila orang panggil kau, kau buat kerja orang akan tanya ‘eh haritu kau amek Azrul okay ke?’ ‘Eh okay okay. Oi best best’. Orang pun percaya. Ada ‘member’ dia ‘recommend’ member dia dah nampak dengan mata kepala. Tapi kalau kita buat kerja disebabkan duit, kita buat kerja tidak bersungguh, reputasi kita akan tercalar. Nanti orang cakap ‘Eh haritu kau ambil Azrul okay ke?’ ‘Ohhh [mencebik] teruk la. Cukup time blah lepastu taknak rehearsal lepastu macam ni macam ni’. Orang tu pun, ‘okay dia dah lalu dia dah rasa aku tak jadi ambil lah’. Benda tu paling penting, jangan berjanji benda tu kalau kita tidak boleh buat. Jangan berjanji disebabkan kita nak peluang itu kita nak ‘job’ tu kita nak duit tu, kita sanggup. Saya pernah dapat masa lepas PKP. Orang sedia maklum PKP ni banyak benda yang sangkut, ‘show’ tiada dan sebagainya. Masa selepas

PKP yang pertama tu industri kita dibuka sekejap, ada satu ‘event’ tu dekat Sabah ada satu ‘company’ ni kontak saya dia dapat ‘profile’ saya daripada ‘Singapore’. Dia kontak dia nak suruh saya buat ‘show’ 30 minit, dia nak bayar saya 25 ribu. Dia nak bayar saya 25 ribu 30 minit buat dekat KK (Kota Kinabalu). Ada 250 ‘delegates’ daripada ‘all around Asia’ dia kata. So saya cakap dekat dia ‘nak buat apa? Untuk apa emcee ke?’. Dia kata ‘bukan emcee’ dia kata ‘buat stand-up comedy pasal sales.’ Okay, saya kata ‘boleh tiada masalah’ tapi dia kata, saya tanya dia ‘English-Malay or how?’ dia kata ‘No, fully English.’. Bila dia kata ‘fully English’, kitab oleh buat tapi kepuasan tu tiada. Kalau dia kata ‘English Malay boleh campur’ kita ‘confirm’ boleh buat sebab kepuasan tu ada. Okay kalau saya fikir 25 ribu dia bayar untuk setengah jam masa PKP tu siapa nak bagi, saya ‘hired’ je ‘writer’. Kau tulis aku hafal ‘stand-up comedy’ setengah jam jalan. Tapi kepuasan tu tiada. Bila kepuasan tu tiada, Andai kata terjadi apa-apa masa ‘show’ teknikal ‘problem’ ke apa ‘problem’ ke, kau tidak dapat nak ‘save’ kau punya ‘show’, ‘reputation’ kau akan hancur. Orang tengok (efek bunyi) ‘apa benda dia ni. Aku bayar 25 ribu kot’. Jadi saya cakap dekat dia elok-elok saya cakap dekat dia ‘sorry kalau English-Malay I can do but fully English I’m not comfortable’. So dia tanya ‘so how?’ saya cakap dekat dia saya ‘recommend’ ‘member’ yang ‘fully English, Douglas Lim’ saya cakap. Saya ‘call’ Douglas Lim saya bagi ‘job’ tu dekat dia. Sebabtu saya cakap dalam industry ni ramai yang beranggapan menjadi anak seni ni menjadi artis ni adalah sesuatu yang indah dan mudah. Orang bagi ‘job’ aku buat, habis ‘job’ aku dapat ‘payment’ aku blah. Tapi sebenarnya tak sebab dalam industri ni dia ada dua je puak. Dia ada dua jenis manusia je dalam industri ni. Satu ‘created’ satu ‘gifted’. ‘Created’ ni adalah orang-orang yang dicipta, orang-orang yang di ‘form’kan untuk menjadi

seseorang. Contohnya dia ‘handsome’ dia cantik, ‘okay aku nak ambil kau jadi pelakon’ ‘tapi saya tak pernah berlakon’ ‘takpe kau handsome kau cantik boleh punya. Takde hal’. Itu ‘created. Tapi kalau ‘gifted’, memang dah termaktub memang dah ditulis ini pekerjaan kau. Ini minat kau. Memang InsyaAllah kau bileh buat. Jadi nasihat saya ataupun apa yang saya boleh ‘share’ adalah kepada mereka yang baru berjinak dalam bidang seni ini, kalau nak buat sesuatu janganlah buat sekerat jalan, buat la betul-betul. Setiap masa kita adalah masa untuk belajar. Sampai ke hari ini pun, walaupun saya dah lama dalam industri, tapi setiap masa saya adalah masa yang belajar. Jangan kita samakan kalau hari ini kita berlakon watak doktor, miggu depan kita berlakon dengan ‘production’ lain watak doktor itu adalah sama, tidak sama sekali. Jadi kita kena faham naskhah yang diberikan kita kena bersuara untu tahu apa yang kita nak kena buat. Itu yang penting. Sebab macam saya punya ‘fiil’ bila saya diberi sesuatu watak tu ataupun ‘job’, saya akan tanya banyak benda sebab benda tu saya belajar. Saya akan tanya karakter ni apa siapa, umur dia berapa, apa ‘background family’ dia. Jadi benda-benda tu yang akan kita ‘create’ karakter tu. Contohnya dia akan cakap ‘nah bang, dia berusia 40 tahun lepastu dia pernah berkahwin tapi dah bercera’ jadi kita boleh masukkan elemen-elemen benda itu yang penting. Tapi kalau orang macam dapat ‘job’ je dapat karakter je, macam ‘dia ni sape ni?’ ‘budak kampung’ ‘oh ha okay budak kampung’. Tapi budak kampung pun dia ada banyak ‘fiil’ betul tak. Budak kampung anak tok ketua cara hidup dia lain. Budak kampung anak Pak Mat Tempe cara dia lain. Kalau saya la, saya akan tanya ‘scriptwriter’ atau saya akan tanya ‘director’ atau ‘assistant director’ watak yang ni. Kalau diorang kata ‘okay abang, watak ni ikut abang. Abang nak colors macm mana.’ Jadi saya akan buat dari segi baju apa benda

semua kita akan ‘create’ kan. Tapi kalau dia dah ada watak dia macam ni macam ni, okay kita akan cari kita akan suntik elemen untuk mengindahkan lagi watak itu. Jadi kepada yang baru hendak mencebur bidang seni ni, jangan berhenti belajar. Jangan ingat kita sentiasa pandai, jadi ingatlah kita sentiasa tidak pandai untuk menjadi orang yang pandai.

MA **Okay soalan seterusnya. Apakah nasihat yang boleh diberikan daripada encik apabila seseorang berasa gugup seperti saya sendiri berada di atas pentas.**

AZ Gugup eh ‘nervous.’ Dia kena tahu apa yang dia buat la. Betul? Kau naik pentas tu sebab apa? Sebagai apa? Pengacara? Sebagai pengacara apa tugas kau. Dai kena tahu lah. Jadi kalau kita tahu apa yang kita nak buat, InsyaAllah kita tidak akan ‘nervous’ sebab kita dah ‘prepare’. ‘Nervous’ tetap ada. ‘Nervous’ tu kena ada. ‘Nerve’ tu kena ada. Sebab apa? ‘Nerve’ tu lah, getaran ‘nerve’ tu lah yang akan memberikan kita ‘vibe’ aura untuk kita berdiri atas ‘stage’ tu. Tapi kalau kita sendiri tidak tahu, kita ‘nervous’ la. ‘Eh apa aku nak cakap’. Macam korang, korang nak ‘interview’ saya, korang mesti dah buat ‘preparation’. Apa soalan, apa benda apa benda. Azrul ni siapa macam mana apa benda semua. Itu ‘preparation’. Jadi bila ‘preparation’ dah ada, dia secara automatik 50% ‘nervous’ tu dah hilang sikit dah. Sebab kita dah ‘prepare’ sape yang kita nak jumpa. Sama juga macam kita nak pergi berperang. Kalau kita nak pergi berperang, kita tidak tahu musuh kita siapa, kita gelabah. ‘siapa musuh kit ani besar mana? Beruang ke?’ kita tidak tahu. Tapi kalau musuh kita ni kita tahu ‘weh musuh kita ni adalah mereka daripada komunis’ kita dah tahu ‘ohh okay orang biasa macam aku juga’. Jadi kita tidak ‘nervous’ sangat. Jadi untuk naik atas ‘stage’ ataupun nak buat ‘public speaking’ ke nak jadi pengacara ke pa-apa

je lah, yang penting adalah buat 'homework'. Maksudnya kita menjadi pengacara untuk majlis apa, siapa yang akan datang, apa intipati yang penganjur perlukan. Itu antara elemen-elemen yang penting untuk mengurangkan 'stress' dan 'nervous' kita sebab kita tahu siapa yang datang dan siapa yang ada dalam majlis tu. Kalau kita tidak buat, kalau kita tidak 'study' kita tidak tahu siapa yang datang, tu yang gelabah sebab apa? Kita 'prepare' untuk diri kita. Contohya macam 'abang, ni ada satu show bang. Dinner show.' 'sape ni?' 'Dinner show sape?' 'Kilang bang' 'Oh kilang, okay.' Dalam otak kita, 'mindset kita 'Oh budak kilang, alah mesti ada Melayu. Bos dia mesti local apa semua.' Tiba-tiba kita pergi, bos dia mat saleh. Pekerja dia semua tiada 'local' pun semua orang Vietnam orang Bangladesh. Itu yang buat kita gelabah sebab kita tidak 'study'. Kita tidak tanya siapa 'client' kita. Macam saya, saya kalau buat 'emcee', kalau 'dinner show' kalau kilang ke korporat ke, kalau ada 300 orang, saya hendak tahu 300 orang tu siapa sebenarnya. Sebab apa? Benda tu membantu kita untuk menceriakan suasana dalam majlis itu. Macam kita tahu, okay bila kita 'meeting' dengan 'committee', kita akan tanya 'eh bos korang ni orang mana, eh?' 'Oh, bos kami orang Perak bang' 'oh orang Perak. Dia minat muzik tak?' 'oh, dia alim bang. Dia tak minat sangat muzik abng tapi kalau bab-bab ceramah agama ni dia minat.' Okay kita dah dapat satu 'point'. Kalau kita jadi 'emcee', unutk memenangi hati orang, orang selalu tanya saya 'abang, abang dah terkenal boleh la semua orang gelak.' Kalau ada 300 orang, belum tentu 300 orang tu kenal kita. Jangan kita anggap 'aku Azrul. Aku naik atas stage 300 orang ni confirm kenal aku'. Tak. Kadang-kadang orang macam 'eh pernah tengok, sape dia ni eh?' kadang-kadang orang macam 'umph lantaklah sape pun atas stage tu'. Jadi mungkin sepuluh peratus daripada 300 orang tu kenal kita. Jadi mana satu (1) kita nak

target. Kita target yang lagi 90 peratus tu. Sebab sepuluh peratus tu dah kenal kita dah. Tak perlu dah, dia dah tahu dah. Yang selebihnya tu yang itu yang kita target. Bos dia ‘confirm’ kadang-kadang bos dia tidak tengok TV. Tapi kita dah dapat ‘input’. Contohnya macam tadi dia dah cakap, bos di ane tidak minat muzik sangat tapi kalau ceramah agama ni dia okay. Kau ambil la lawak-lawak ustaz Azhar Idrus ke Samsul Debat ke. Bila naik je tu, sebenarnya benda tu melekat dekat dia sebab dia tengok Azhar Idrus punya stail. Bila kita keluar, kita pun gelak ‘oooo molek sokmo nih’ dia macam ‘eh eh macam Azhar Idrus la’ benda yang dekat. Sama juga macam kita buat lawak. Kita cerita melalui pengalaman kita. Pengalaman yang orang lalu. Contohnya kalau kita nak cerita pasal kantin sekolah. Semua orang pergi sekolah. Betul tak? ‘Tuan-tuan puan-puan hari ini saya nak ceritakan pasal kantin sekolah. Mana ada dalam dunia ni kantin sekolah, cikgu sekolah ada tempat dia sendiri. Malaysia je.’ Diorang pun ‘oh betul la sekolah aku pun sama la.’ Nampak, pengalaman tu. Jadi bila kita cerita benda yang ‘related’ sama orang lain juga dia akan ‘gels together’. Jadi itu antara cara untuk kita hilangkan ‘nervous’ apabila kita berada diatas pentas ataupun ‘public speaking’ berhadapan dengan orang kampung dan kita kena tahu siapa yang kita hadap dan apa yang kita nak buat. Itu antara benda yang paling penting la bagi saya. Jangan kita jadi ‘ada skrip kan? Penganjur bagi skrip kan? Tengok je’. Tiba-tiba memang la dia bagi skrip, tapi tiba-tiba perdana Menteri datang. Tak jenuh? ‘Preparation’ itu amat penting

MA Apakah pendapat encik terhadap seseorang ataupun artis senior yang terkesan akibat Covid-19.

AZ Benda ni jadi isu eh. Dulu masa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) saya kena hentam kaw-kaw. Ramai anak seni kena hentam kaw-kaw sebab kitorang minta

bantuan. Pengorbanan, anak seni ni kitorang tiada EPF kitorang tiada SOCSO, kitorang tiada kebajikan yang ‘backup’ kitorang. Apa yang kita dibayar kalau kata sepuluh rib uke 20 ribu ke, betul nampak macam besar. Tapi 20 ribu tulah nak bayar hutang 20 ribu tulah nak beli barang. 20 ribu tulah nak ‘survive’. 20 ribu tulah yang kita nak simpan sampai kita dapat ‘job’ yang seterusnya. ‘So’ apa yang berlaku apabila PKP jadi kita tidak sangka. Benda yang kita tidak jangka, benda yang yang kita tidak pernah lalu, tiba-tiba semua kedai tutup. Tiba-tiba semua industri tutup, duduk dekat rumah. Nak keluar rumah pun ada ‘districted time’ dia. Ada ketua rumah sahaja boleh keluar. Tidak pernah kita lalu benda macam tu. ‘So’ bila berlaku benda macam tu yangpaling terkesan adalah mereka-mereka yang bekerja sendiri. Baik sebagai anak seni, peniaga mahupun mereka yang mengusahakan ‘business’ sendiri. Bukan sahaja kami yang terkesan, teteapi benda tu memberi pengajaran bahawasanya apa sahaja yang dibuat sekarang ni kena ada ‘backup’ kena beringat. Macam kitorang sendiri ni pun anak-anak seni ni pun bukan kitorang tidak beringat, beringat. Tapi disebabkan kitorang ni boleh dikatakanb kais pagi makan pagi. Maksudnya ada ‘job’ ada gaji. Ada gaji belum tentu ada ‘job’ [ketawa]. Jadi bila kita nak dapat satu job, kita nak tunggu ‘job’ yang ‘next’ tu belum tentu kita dapat. Jadi nak kena ‘save’. Kalau dapat Alhamdulillah. Tapi sebab PKP haritu semua tutup, jadi bila orang sekarang ni tanya saya ‘abang, saya nak jadi artis bang’, saya akan cakap dekat dia ‘kalau kau nak jadi pelakon ke penyanyi ke kau jadikan ia sebagai hobi je lah. Kalau kau boleh belajar, kau belajar lagi buat kerja yang bagus supaya ada income yang tetap. Buat sebagai hobi je’. Zaman sekarang ni cabaran dia lebih dahsyat kalau kita nak ‘fully’ dalam bidang industri ni. Macam-macam benda yang akan menjadi rintangan dan cabaran. Jadi apa yang kita dapat

daripada pandemic haritu adalah kena sentiasa berjaga dan beringat la. Sebab zaman sekarang ni pun sebab PKP endemik ni pun, masih lagi ‘slow’ masih lagi merangkak-rangkak untuk ‘job’ dan sebagainya. Jadi itu yang paling memberi kesan la. Beringat la kena beringat la.

MFA **Okay untuk soalan seterusnya sepanjang tempoh pandemic adakah perkara yang tersinggung? Perkara yang membeuat encik tersinggung.**

AZ Ada. Macam yang saya cakap tadi la. Sebab bila mana ada satu isu tu bila mana ramai netizen hentam anak seni pelakon dan sebagainya bila kita minta bantuan masa tu. Macam-macam orang hentam. Terkilan sebab masa kau sunyi masa kau perlukan hiburan masa kau nak seronok-seronok, tak pernah pun kau cakap dekat setiap artis dekat pelakon tu ‘terima kasih kerana menghiburkan saya’ ‘terima kasih cerita awak ni membuka minda saya’ ‘terima kasih cerita tu sama macam cerita saya’. Tiada tiada dan kitorang pun kebanyakan anak seni pun tak kisah dapat terima kasih tak dapat terima kasih sebab memang tu perkajaan kitorang untuk menghiburkan orang, untuk mencari naskhah kehidupan kitorang dalam industri yang kitorang pilih. Dia sama juga macam peniaga makanan, pernah tidak kita berterima kasih pada tukang masak? Kita tdiak pernah lagi ‘sedap makanan dia’ pergi dekat dapur ‘sape yang masak?’ ‘saya’ ‘eh terima kasih la masak. Sedap’. Tak pernah. Saya rasa tidak pernah. Kalau buat macam tu orang yang tukang masak tu yang hairan, ‘dia nib uang tabiat kea pa?’. sama juga orang buat apa-apa pekerjaan orang tidak pernah berterima kasih. Tetapi diebabkan sesuatu isu yang kononnya ‘oh diorang yang puak-puak ni tak boleh nak dapatkan bantuan sebab diorang ni artis. Diorang punya pendapatan berpuluhan ribu apa semua. Kita kena condemn diorang’. Jadi saya rasa tersinggung sebab kenapa benda-benda macam tu dijadikan sebagai satu isu

yang begitu berat. Padahal semua orang masa tu tergugat dan tersiksa masa pandemik. Jadi kita ada hak untuk bersuara. Ada hak untuk meminta. Itu antara perkara yang saya akan ingat sampai saya habis nyawa. Kena kutuk, kena macam-macam. Dan yang saya paling ralat apabila ada dikalangan netizen yang macam kutuk kaw-kaw gila-gila punya memang tak sedap disebut. Bila saya 'check' balik profile dia, baru berusia 16, 17 tahun. Jadi macam mana adab kau. Jadi itu yang saya paling terkilan disebabkan tiada kesedaran menghormati orang. Sifat sivik tu dah tiada dah sekarang ni. Jadi itu antara 'moment' yang saya terkilan masa pandemik.

MFA **Okay apakah harapan encik untuk artis senior yang kian dilupakan pada masa sekarang.**

AZ Dia sebenarnya harapan tu bukan saya sahaja. Sebelum-sebelum ni pun kita dengar kan, artis-artis veteran mengadu tiada 'job' dan sebagainya. sebab kita dekat Malaysia ni pelik sikit. Lagi lama kita dalam industri lagi lama kita akan ditinggalkan. Sebab kita punya hierarki tu, macam bila 'producer' tu zaman kita, dia akan ambil kita sahaja. Bila dia dah tidak buat 'job' tu, 'producer' baru masuk, 'producer' baru ni dia akan ambil 'clan' dia je. Harapan saya untuk yang senior ni, saya pun dah jadi senior dah sekarang ni adalah untuk pihak-pihak tertentu yang mana kami pernah bersuara dalam AGM (Annual Grand Meeting) Seniman dan sebagainya, Persatuan Seniman untuk membuatkan satu 'mechanism' yang mana setiap produksi, filem, drama yang nak di 'shooting' kena ada orang lama, kena ada orang baru kena ada orang yang baru dikenali. So maksudnya tiga generasi tu ada dalam satu filem ataupun drama. Dan benda tu macam 'talent pool'. Maksudnya macam dia ambil saya, dia ambil dua tiga artis baru lagi untuk satu projek tu. 'So', dah ambil projek tu, saya tidak boleh ambil projek lain. Jadi

kena bagi orang lain pula, saya kena ‘settle’ kan yang ni dulu, yang ni sudah ditayangkan, baru say adapt projek yang lain. Jadi keadilan tu ada disitu tapi tidak tahu lah benda tu bila nak dijalankan sebab benda tu dah bertahun bukan dari zaman saya. Zaman sebelum saya pun dah bersuara tetapi masih sukar untuk dijalankan kerana kita kebanyakannya ‘production’ berpaksikan kepada ‘popularity rather than’ bakat. Sebab tu kadang-kadang ada satu isu ada satu masa tu yang mana diorang kata ‘kenapa pelakon muda tu di make up jadi tua [ketawa]? Mana pelakon tua? Dah memang tua tak payah make up pun. Kenapa tak dipanggil?’. Jadi orang cakap itu antara benda yang kena ‘fight’. Benda yang kena ‘fight’ yang bagi saya tidak tahu bila penghujungnya, berakhirnya. Tapi selagi ada daya tu kita akan ‘fight’. Sebab zaman sekarang ni zaman yang terlalu meluas. Drama, filem pun kadang-kadang kita sendiri pun tidak tengok di panggung di TV kita tengok dekat ‘phone’ je tengok dekat YouTube je. Zaman dulu kita kena tunggu dekat TV untuk tengok drama, kita kena pergi panggung untuk tengok filem. Sekarang ni tidak, semuanya dihujung jari. Nak tengok ‘movie’ tunggu dia masuk Netflix. Jadi itu antara cabaran nak jadi anak seni pada zaman sekarang ni. Kena sedar pada realiti dan ‘follow the flow’. Maksudnya kalau TikTok, IG (Instagram), FB (Facebook) apa semua tu, Cuma platform untuk menunjuk kita masih lagi hidup dan masih lagi ada dalam industri. Bukannya untuk suka-suka buat TikTok dan sebagainya bagi saya. Bila orang tengok, ‘eh Azrul ada lagi la’. Jadi mungkin ‘producer-producer’ pun ‘ohh Azrul la, lama tak contact dia’. Itu salah satu tempat untuk ‘promote’ diri la sebenarnya. Jadi bagi saya kalau senior ataupun yang belum berkecimpung ataupun macam ‘ala TikTok ni bukan zaman aku la’. Bukan kita suruh kita jadi taksub dengan TikTok

tu, tidak. Tapi itu antara tempat untuk kita beritahu yang kita masih ada lagi dalam pasaran.

MFA **Saya ada soalan ‘bonus’, apakah harapan encik terhadap industri seni pada masa sekarang?**

AZ Dia macam saya cakap tadi la. Zaman dulu bila kita nak jadi artis kita kena pergi ‘audtion’, kena masuk pertandingan, kena tunjuk bakat-bakat kita, kena tunjuk kemahuan kita, kena tunjuk kesungguhan kita baru la dapat ‘job’. Tapi zaman sekarang ni dia terbalik. Orang nak buat drama orang nak buat filem dia akan cari ‘eh siapa yang aku boleh panggil eh. Siapa yang kitab oleh buat duit eh?’. Sebab tu kita nak cari seorang pembikin filem ataupun pembikin drama yang betul-betul ‘passion’ pasal industri, susah zaman sekarang ni. Sebab zaman sekarang ni diorang kena mengikut aliran semasa. Orang nak tengok TV disebabkan ‘followers’ dia atau peminat dia tu. Contohnya la kan kalau kita nak ambil zaman P. Ramlee tu terlalu lama la kan. Kita ambil contoh zaman A R Badul, zaman Scenario,zaman Faizal Hussein. Zaman tu tiada ‘social media’. Zaman tu kita nak tahu perkembangan artis kita kena beli majalah UR TV. Kita kena tengok dalam ‘paper’. ‘Even’ dalam TV pun tiada pengkhususan program yang melibatkan 100% hiburan, tiada. Tapi macam mana kitab oleh ‘support’ diorang. Dan bakat diorang tu dinilai melalui pekerjaan diorang atauapun kerja yang diorang tampilkan. Sebab itu memang ‘gifted’ memang berbakat memang dah tahu dah, kau nak berlakon kau kena pergi ‘audtion’ kau kena bertanding dan sebagainya daripada bawah naik keatas. Tapi zaman sekarang ni terbalik. Nak buat drama kau kena ada ‘influencer’ ni kena ada ‘instafamous’ ni sebab dia ada dua juta orang pengikut. Tapi adakah dua juta pengikut dia ni akan tengok drama dia tu? IG (Intagram) bagi korang apa? Okay kita tengok IG seseorang

sebab nak tahu apa yang dia buat harini, dia pergi mana, dia pakai baju apa. Dulu dia macam album gambar. Kau ambil gambar dengan ‘Kodak’, negatif kau kena pergi cuci dulu lepastu simpan dalam album. Orang datang rumah kita, album ada dekat atas, abil albu tengok ‘eh ni pergi mana ni? Oh Genting’ . Sekarang ni IG ada lah foto album untuk korang. Tak semestinya dua juta orang tengok ‘followers’ IG dia, bila dia berlakon drama, walhal dia buka pelakon secara ‘genuine’ tetapi di ‘create’ ambil dia sebab ‘follower’ ramai jadi pelakon. Dua juta orang ni kau rasa-rasa tengok tidak darama dia? Tak. Sebab orang ‘follow’ kita ni sebab ‘busybody’. Senang cerita ‘busybody’. Orang yang tu je. Orang tak tanya, ‘eh filem dia baru apa eh? Bila nak tengok?’. Tak pernah, susah. Jadi kita tidak ‘deny’ rezeki itu masing-masing tetapi keadilan itu perlu diberi kepada mereka yang betul-betul dalam industri. Kadang-kadang ‘instafamous’, ada ‘intafamous’ yang bagus. Ada yang berlakon tu kita nampak dia punya kesungguhan, kita nampak dia punya. Yang bagus, kita cakap bagus. Tak ‘denies’. Macam saya pun, haritu saya ada berlakon dengan ‘instafamous’ yang saya tidak kenal. Bila cakap ‘oh dia ni instafamous’ okay. Bila berlakon dengan dia saya macam ‘eh kau boleh pergi kau boleh pergi tapi kau kena belajar lagi. Kau boleh berlakon. Ada natural tu ada.’ Kita boleh tahu. Ada juga yang sesetengah yang datang taktahu apa pun. Bila kita ni sikit, tak boleh nak ‘gel’ dengan dia. Itu masalah dia. Sebab macam saya cakap tadi la, harapan saya dalam industri ini pada masa depan tu berilah keadilan kepada mereka yang 100% mengabdi diri, mengabdikan diri untuk industri ni. Bagilah peluang. Bukannya dipilih sebab last minit, bukannya dipilih sebab tiada ‘followers.’ Bagi lah pada mereka yang memang 100% dalam industri ni. Tak rugi pun. Sebab selalunya orang-orang yang buat kerja dengan sepenuh hati ni, bab duit ni, bab

gaji ni dah bagi ‘second third’. Kadang-kadang kita tidak tanya pun gaji kita berapa. Gaji kita tak tanya pun sampai ‘abang, gaji tak tanya pun’ ‘haah eh berapa eh?’ macam tu je. Sebab minat kita tu mendalam. Jadi harapan saya agar situasi ni di ‘manage’ kan dengan baik la supaya memberi peluang kepada orang-orang lama orang-orang senior untuk ‘related’ balik pada industri.

TAMAT BAHAGIAN 9

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Muhammad Akmal bin Shamsuddin dan Muhammad Faris Aiman Bin Zulkarnain menemubual Encik Azrul Bin Zaidi, yang dilahirkan pada 1972, di Butterworth, Pulau Pinang. Temubual dijalankan di kediaman masing-masing, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang tokoh seniman dalam tahun 1945 hingga sekarang.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
3:48	Tokoh mengenalkan secara umum latar belakang diri seperti nama, umur, tempat lahir, bilangan adik-beradik, status, pekerjaan,	Azrul Bin Zaidi 48 tahun Butterworth, Pulau Pinang
4.38	Tokoh bercerita mengenai hobi yang beliau lakukan semasa lapang dan menerangkan secara terperinci.	Bola sepak Bermain bersama beberapa pasukan
5.30	Tokoh menerangkan berkaitan hobi secara lebih mendalam.	- Pasukan rakan artis - Bersama pasukan bekas pemain Pulau Pinang - Anak Pinang Klang Valley - Wakil daerah bola sepak semasa remaja bawah 18 tahun
6.48	Tokoh bercerita mengenai cita-cita beliau semasa berusia muda.	- cita-cita pertama; konduktor bas - Datuk beliau merupakan pengasas Boria di Pulau Pinang - Umur 10 tahun; seniman

12.50	Tokoh berkongsi pengalaman tentang pendapat pihak keluarga pada awal beliau terlibat dalam industri seni.	<ul style="list-style-type: none"> - Ustaz - Gitar - Arwah nenek - Sinaran Passport Kegemilangan - KOMTAR
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN		
22.37	Tokoh berkongsi mengenai pendidikan awal beliau iaitu semasa sekolah rendah dan sekolah menengah.	<ul style="list-style-type: none"> - Dato' Sri Anwar Ibrahim - Sekolah Kebangsaan Stowell (1981-1986) - Askar Jepun - UFO - Timeline Publishing - Sekolah Agama al-Masriyah (1987-1988) - Sekolah Menengah Brime (1988-1989) - Sekolah Menengah Teknik Nibong Tebal (1990-1991) - Praktikal (SONY)
30.40	Tokoh menceritakan pengalaman manis yang tidak dapat beliau lupukan semasa di bangku persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> - Wakil bola, sepak takraw, pidato, bahas, pantun - Perbahasan di USM - ASK (Akademi Seni Kebangsaan) - Kelas dianjurkan FINAS - Pertubuhan Teater Hidayah - Selangor - Kamarul AR
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL SEBAGAI PENYANYI		
37.55		- 6 tahun

	Tokoh menceritakan pengalaman beliau sebagai seorang penyanyi daripada bawah sehingga ke tahap sekarang.	<ul style="list-style-type: none"> - Hoorey-hoorey - Alleycats - Battle of the band - Alor Setar - RTM - Bintang RTM Kawasan Utara -Asia Bagus -Singapura
51.15	Tokoh menceritakan pengalaman beliau sebagai komposer lagu dan sejak bila beliau mula mencipta lagu.	<ul style="list-style-type: none"> - KRU - Ada kumpulan hip-hop sendiri
52.04	Tokoh berkongsi pengalaman mengenai kumpulan hip-hop beliau.	<ul style="list-style-type: none"> - Sama umur - Lagu pertama: Disisi - Lagu pertama untuk seorang gadis - MH370 - Solidariti dengan mencipta lagu 'Seandainya' - Gjie 6ixth Sense - Single pertama Bersama Along Exist: Cinta Kita - Astro Awani menggunakan lagu 'Seandainya' untuk latar berita mereka.
59.12	Tokoh berkongsi mengenai lagu 'Seandainya' dan dari mana beliau mendapat inspirasi untuk mencipta lagu tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> - Suka menulis di Blog - Tajuk blog beliau: Perihalku - Sering menulis di blog sebagai hobi - azrulzaidi.blogspot.com

1.02.30	Tokoh berkongsi pengalaman untuk berapa lama masa lagu 'Seandainya' itu diciptakan.	<ul style="list-style-type: none"> - Lagu itu dibuat setahun sebelum kejadian MH370 - Lagu itu dimulakan dengan chorus terlebih dahulu baru verse - Proses membuat lagu tidak lama kerana telah mempunyai struktur dan lirik. - Diberikan kepada Gjie Sixth Sense untuk disempurnakan lagi tersebut. - Nada lagu diambil seperti Andai Ku Tahu oleh kumpulan Sixth Sense.
---------	---	--

BAHAGIAN 4: KERJAYA SEBAGAI PELAWAK

1.06.20	Tokoh menceritakan pengalaman kerjaya beliau sebagai seorang pelawak.	<ul style="list-style-type: none"> - Rajalawak 2008 - Mula kenal dengan Angah Rajalawak semasa road tour Agensi Antidadah Kebangsaan 2007 - Angah Rajalawak mengajak untuk ikut serta uji bakat program Rajalawak. - Berjumpa dengan Along semasa di KL ketika pergi minum bersama Angah Rajalawak - Nama Cham diambil dari kedai kopi Cina yang bermaksud campuran kopi dan teh - Hanya menggunakan nama Azrul Raja Lawak untuk benda tertentu - Mempunyai akaun TikTok bernama Azrul_Rajalawak
---------	---	---

1.30.00	Tokoh berkongsi pengalaman ketika dinobatkan sebagai naib johan RajaLawak musim kedua.	<ul style="list-style-type: none"> - Terkejut - Hilang moment untuk membesarkan anak selama 13 minggu - Terlalu banyak keajaiban - Bangga - Kejayaan itu merupakan benchmark sebagai nama tokoh tersebut - Nama kumpulan Cham semakin dikenali ramai
---------	--	--

BAHAGIAN 5: KERJAYA SEBAGAI SEORANG PELAKON

1.32.44	Tokoh menceritakan pengalaman beliau sebagai seorang pelakon.	<ul style="list-style-type: none"> - Mula berlakon untuk TV pada tahun 2000 - Pergi ‘audition’ - Beliau mula daripada bawah bermula sebagai ekstra - Berdialog bersama Rosyam Nor - Leading actor untuk kisah benar di TV3
1.39.36	Tokoh menerangkan mengenai filem yang beliau terlibat yang memberi impak positif dalam kerjaya beliau sebagai pelakon.	<ul style="list-style-type: none"> - Suatu Malam Kubur Berasap - Berlakon sebagai watak Pet - Pet merupakan watak seorang penjual ayam yang percakapannya sengau - Watak tersebut menjadi ingatan ramai disebabkan keunikannya yang bersuara sengau - Filem terakhir Allahyarham Zami Ismail

1.42.40	Tokoh berkongsi pendapat beliau mengenai watak dari lakonan beliau sendiri yang tidak dapat dilupakan.	<ul style="list-style-type: none"> - Watak beliau sebagai pemandu bas didalam cerita Geng Bas Sekolah Musim 3 sehingga musim 5 - Peminat menggelarkan beliau 'legend' kerana telah mewarnai zaman kanak-kanak ramai orang -
1.45.33	Tokoh berkongsi pengalaman ketika ditawarkan untuk berlakon dalam cerita Geng Bas Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> - Terdapat audition untuk memegang watak tersebut - Turut didatangi oleh Johan, Zizan, Taukey, Angah dan ramai lagi. - Watak tersebut diolah sendiri oleh tokoh dimana watak tersebut seorang yang lonely - Beliau memandu sendiri bas tersebut untuk menjiwai watak tersebut. - Memandu bas tersebut disekitar kawasan Taman Tun

BAHAGIAN 6: KERJAYA SEBAGAI PENGUBAH SUARA

1.50.58	Tokoh berkongsi pengalaman kerjaya beliau sebagai pengubah suara.	<ul style="list-style-type: none"> - Mula kerjaya sebelum bergelar artis lagi - - Mula menceburji kerjaya tersebut pada tahun 2000 lebih - Menjadi pengubah suara bagi cerita-cerita Sepanyol, Mexico dan juga kartun pada awal penglibatan beliau dalam kerjaya tersebut
---------	---	---

		<ul style="list-style-type: none"> - Kartun pertama dalam kerjaya pengubah suara beliau ialah Initial D. Sebanyak seratus lebih episod - Pengubah suara untuk kartun Toy Story juga - Pengubah suara Toy Story paling memenatkan bagi beliau kerana perbezaan zon waktu antara Malaysia dan Hong Kong - Menceritakan mengenai kadar bayaran untuk seorang pengubah suara
1.55.42	Tokoh berkongsi pendapat beliau mengenai VO yang paling beliau gemari.	<ul style="list-style-type: none"> - Iklan kereta HAVAL - Beliau jadi seorang narrator
BAHAGIAN 7: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN		
1.56.45	Tokoh menceritakan serba sedikit reaksi dan perasaan beliau ketika menerima anugerah dalam pertandingan yang beliau sertai.	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau telah dinobatkan sebagai naib juara untuk perandingan Bintang RTM Kawasan Utara pada tahun 1995. - Beliau juga telah mendapat johan dalam Team Search Talent Solfun Discotheque pada tahun 1997. - Selain itu, beliau juga telah mendapat naib johan dalam pertandingan Bintang Karaoke Medan Mara KL pada tahun 1998.

		- Mendapat tempat kedua dalam program Rajalawak Musim Kedua
BAHAGIAN 8: SUMBANGAN		
2.11.40	Sumbangan beliau dalam industri seni.	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau menaikkan lagi nama kumpulan Cham sehingga dikenali orang ramai.
BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN		
2.40.03	Tokoh memberikan beberapa pesanan dan harapan dalam pelbagai aspek.	<ul style="list-style-type: none"> - Pesanan pertama ditujukan kepada yang ahli masih baru di dalam industri seni - Selain itu, tokoh juga memberikan pesanan untuk seseorang yang mudah gugup ketika berhadapan dengan orang ramai - Disamping itu, tokoh memberikan pendapat beliau mengenai isu Covid-19 yang terkena pada golongan artis senior. - Akhir sekali, tokoh menyuarakan harapan beliau terhadap artis senior yang kian dilupakan pada masa sekarang.

Diari Kajian

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
	5/4/2022	<ul style="list-style-type: none"> - Penerangan mengenai tugas kursus IMR604 daripada pensyarah - Keizinan dari pensyarah berkenaan pencarian tokoh temubual 	<ul style="list-style-type: none"> - Catat maklumat penting berkenaan dengan tugas kursus IMR604 - Membuat senarai pendek nama-nama tokoh yang boleh ditemubual
	12/4/2022	<ul style="list-style-type: none"> - Penerangan lanjut berkenaan kriteria tokoh dan senarai nama tokoh diberikan oleh pensyarah - Peringatan bagi pelajar untuk menyediakan abstrak sebelum menyiapkan proposal - Senarai artis yang pernah ditemui bual diberikan oleh pensyarah 	<ul style="list-style-type: none"> - Mencatat maklumat penting berkenaan dengan tugas IMR604 - Perbincangan antara pasangan - Menyediakan abstrak proposal - Proses mencari tokoh temu bual dimulakan
	18/4/2022	<ul style="list-style-type: none"> - Pensyarah menyemak abstrak dan pemulangan semula bagi pembetulan - Pelajar menyenaraikan nama tokoh yang telah tetap dalam surat penyelidikan tokoh 	<ul style="list-style-type: none"> - Menghantar abstrak yang telah siap ke pensyarah - Terima semula abstrak dan membuat pembetulan yang perlu - Menulis nama tokoh yang berkemungkinan untuk temu bual
	24/4/2022	Menerima borang pengesahan projek	Mengisi maklumat yang diperlukan dalam borang pengesahan projek yang telah diterima
	17/5/2022	Mula membuat soalan temubual	<ul style="list-style-type: none"> - Perbincangan antara pasangan - Membina soalan-soalan temu bual tokoh
	24/5/2022	Minggu perundingan (konsultasi) bersama pensyarah	Berhubungan dan berunding dengan pensyarah berkenaan dengan tugas kursus

	7/6/2022	Proses semak soalan temu bual oleh pensyarah	<ul style="list-style-type: none"> - Menghantar senarai soalan temu bual kepada pensyarah - Terima semula soalan temu bual bagi pembetulan
	21/6/2022	Peringatan dari pensyarah berkennaan temu bual bersama tokoh boleh segera dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none"> - Menetapkan tarikh temu bual bersama tokoh Rahmad Mega
	30/6/2022	Temu bual bersama tokoh Rahmad Mega	<ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan sesi temu bual bersama tokoh Rahmad Mega - Berlaku masalah teknikal, berkennaan dengan rakaman sesi temu bual - Perbincangan antara pasangan - Mencari tokoh temu bual yang baharu
	13/7/2022	Peringatan mengenai tarikh akhir penghantaran tugas	<ul style="list-style-type: none"> - Mencatat maklumat penting - Menetapkan tarikh temu bual bersama tokoh
	18/7/2022	Temu bual bersama tokoh Azrul Zaidi	<ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan sesi temu bual bersama tokoh Azrul Zaidi - Merakamkan sesi temu bual
	1/8/2022	Penerangan mengenai kriteria penghantaran tugas penuh	<ul style="list-style-type: none"> - Mencatat maklumat penting berkennaan dengan tugas kursus - Perbincangan antara pasangan
	2/8/2022	Persiapan tugas kursus – transkrip	<ul style="list-style-type: none"> - Pembahagian tugas antara pasangan - Menyiapkan tugas dan transkrip
	3/8/2022	Penghantaran tugas kursus	Menghantar tugas kursus beserta rakaman video dan suara temu bual

SENARAI SOALAN SEBELUM TEMUBUAL
SEBELUM TEMEBUAL

1.0 BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

1. Bolehkan Encik perkenalkan diri Encik.
2. Apakah nama penuh Encik.
4. Berapakah umur Encik.
5. Bilakah tarikh lahir Encik.
6. Dimanakah tempat lahir Encik.
7. Apakah pekerjaan Encik.
8. Apakah Hobi Encik.
9. Dimanakah tempat yang selalu Encik pergi ketika ingin melakukan hobi / aktiviti tersebut.
10. Apakah cita-cita Encik waktu kecil dahulu.
11. Pada awak Encik menceburi Industri seni, Adakah Encik menerima tentangan ataupun bantahan daripada ahli keluarga Encik.
12. Apakah pandangan Encik terhadap kalangan anak-anak artis yang ingin mengikuti jejak langkah keluarganya. Adakah Encik bersetuju jika mereka ingin menjadi seorang Artis?

2.0 BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH

1. Bolehkah Encik menceritakan tentang Pendidikan awal Encik.
2. Dimanakah Encik bersekolah rendah?
4. Pada tahun bilakah Encik bersekolah rendah?
5. Pada umur berapakah Encik memulakan Pendidikan awal Encik.
6. Bolehkah Encik ceritakan sedikit pengalaman manis yang sukar untuk dilupakan semasa di sekolah.
7. Dimanakah Encik bersekolah menengah?
8. Apakah subjek kegemaran Encik ketika sekolah menengah.
9. Apakah pencapaian tertinggi Encik semasa di peringkat sekolah menengah.
10. Bagaimanakah penglibatan Encik semasa di sekolah menengah.
11. Adakah Encik pernah menyertai kelab teater ataupun lakonan semasa di peringkat sekolah?
12. Adakah Encik pernah menyertai sebarang aktiviti sukan semasa di peringkat sekolah?
13. Apakah kelab dan persatuan yang Encik pernah sertai semasa di bangku persekolahan?
14. Dimanakah Encik menyambung pelajaran Encik setelah tamatnya sekolah menengah.

SOALAN PENGALAMAN KERJAYA

3.0 KERJAYA AWAL SEBAGAI PENYANYI

1. Bolehkan Encik ceritakan pengalaman kerjaya Encik sebagai seorang penyanyi.
2. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam industri muzik. Siapakah yang mendorong encik untuk menceburi kerjaya tersebut.
3. Bagaimanakah Encik mula menceburi dalam kerjaya tersebut. Adakah melalui sesi temuduga?
4. Mengapakah pada ketika itu Encik berminat dengan kerjaya tersebut.
5. Pada tahun berapakah encik mula menceburi dalam bidang nyanyian?
6. Berapa lamakah encik dalam kerjaya tersebut.
7. Bagaimanakah perasaan Encik ketika berjaya menjadi seorang penyanyi di Malaysia pada ketika itu.
8. Apakah pengalaman yang encik tidak dapat lupakan sepanjang berkarya dalam kerjaya tersebut.
9. Seperti yang kita tahu, encik juga merupakan seorang komposer lagu. Pada tahun berapakah encik mula mencipta lagu?
10. Apa yang membuatkan encik terdetik untuk menjadi seorang komposer.
11. Apakah lagu pertama yang encik cipta?
12. Adakah encik mencipta lagu itu secara berseorangan atau bersama orang lain?
13. Dari manakah encik mendapat inspirasi untuk mencipta lagu pertama tersebut?
14. Adalah lagu tersebut mempunyai maksudnya yang tersendiri? Boleh encik jelaskan?

4.0 KERJAYA UTAMA SEBAGAI SEORANG PELAWAK

1. Bolehkan Encik ceritakan pengalaman kerjaya Encik sebagai seorang pelawak.
2. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri sebagai seorang pelawak. Siapakah yang mendorong Encik untuk menceburi kerjaya tersebut?
3. Siapakah yang menjadi idola Encik ketika ingin menceburi kerjaya tersebut?
4. Kenapakah Encik memilih idola tersebut, adakah kerana personaliti atau selainnya.
5. Apakah program realiti yang pertama Encik sertai untuk menjadi seorang pelawak.
6. Dimanakah program realiti tersebut berlangsung dan adakah secara live ataupun rakaman.
7. Berapa lamakah masa yang diberikan oleh program realiti tersebut sebagai persediaan sebelum memulakan program tersebut.
8. Adakah program realiti tersebut memberikan impak yang besar kepada kerjaya Encik?
9. Apakah pengalaman yang sukar untuk dilupakan oleh Encik ketika menyertai program realiti tersebut.
10. Apakah cabaran yang paling sukar ketika Encik menyertai program realiti tersebut?
11. Bagaimanakah Encik menangani cabaran tersebut?
12. Siapakah pencabar atau pesaing yang Encik masih ingat ketika menyertai program realiti tersebut.
13. Siapakah pencabar terdekat Encik ketika itu?
14. Apakah reaksi ataupun perasaan Encik ketika dinobatkan sebagai Raja Lawak musim yang kedua.
15. Apakah perasaan Encik ketika mengetahui program realiti raja lawak sudah dihentikan dan tidak lagi disiarkan lagi di mana-mana siaran televisyen.
16. Siapakah rakan artis dalam kerjaya ini yang Encik rapat dan selesa?
17. Apakah perbezaan menjadi seorang pelawak dan pelakon?

5.0 KERJAYA SAMPINGAN SEBAGAI SEORANG PELAKON

1. Bolehkan Encik ceritakan pengalaman kerjaya Encik sebagai seorang pelakon?
2. Bilakah Encik mula bergiat aktif dalam bidang kerjaya sebagai seorang pelakon?
3. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri sebagai seorang pelakon? Siapakah yang mendorong Encik untuk menceburi kerjaya tersebut?
4. Adakah menceburi bidang lakonan merupakan cita-cita Encik sejak kecil lagi?
5. Siapakah yang menjadi idola Encik dalam bidang lakonan?
6. Antara banyak-banyak filem yang Encik lakonkan, filem manakah yang dapat memberi impak positif terhadap semua penonton dan masyarakat?
7. Apakah watak yang paling digemari Encik dan tidak dapat dilupakan?
8. Bolehkah Encik menceritakan bagaimana Encik boleh menjayakan setiap watak yang diberikan?
9. Apakah watak yang paling mencabar sepanjang Encik terlibat dalam bidang lakonan?
10. Sepanjang terlibat dalam bidang lakonan, berapa banyak filem yang telah Encik lakonkan?
11. Dalam banyak-banyak filem yang Encik lakonkan, pernahkah Encik melakonkan filem yang perlu bercakap loghat negeri lain?
12. Siapakah rakan artis dalam kerjaya ini yang Encik rapat dan selesa?
13. Bolehkah Encik menceritakan serba sedikit pengalaman Encik semasa berlakon dalam drama yang paling diminati kanak-kanak pada ketika itu iaitu Geng Bas Sekolah?
14. Apakah perasaan Encik ketika ditawarkan untuk berlakon dalam drama tersebut?
15. Apakah cabaran ketika membawakan watak penting di dalam drama tersebut?
16. Encik juga aktif berlakon dalam filem bergenre komedi, Bolehkah Encik menceritakan pengalaman Encik ketika berlakon dalam filem yang bergenre komedi.
17. Apakah watak yang paling sukar untuk dibawakan bagi Encik?
18. Apakah filem yang paling mendapat sambutan pada ketika itu?

6.0 KERJAYA TAMBAHAN SEBAGAI SEORANG PENGUBAH SUARA

1. Bolehkan Encik ceritakan pengalaman kerjaya Encik sebagai seorang pengubah suara/ *voiceover*?
2. Bilakah Encik mula bergiat aktif dalam bidang kerjaya tersebut?
3. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri sebagai pengubah suara iklan radio?
4. Berapa banyakkah iklan radio yang telah menggunakan suara Encik sebagai *voiceover*?
5. Berapa lamakah masa yang diberikan untuk di ubah suara bagi satu iklan radio?
6. Bagaimanakah kiraan bayaran bagi satu iklan radio?
7. Apakah cabaran ketika menjadi seorang pengubah suara?
8. Apakah rancangan kartun yang pernah di ubah suara oleh Encik?
9. Apakah perbezaan *voice over* di antara iklan radio, tv dan rancangan kartun? Adakah ia mempunyai cabaran yang berbeza?
10. Di antara kesemua *voiceover* yang telah Encik lakukan, Yang manakah yang paling disukai oleh Encik?

7.0 BAHAGIAN E: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

1. Pada tahun 1995, Encik telah menjadi Naib Juara Bintang RTM Kawasan Utara. Bolehkah Encik menceritakan serba sedikit perasaan dan reaksi Encik ketika kumpulan Encik dinobatkan sebagai naib Juara ketika itu.
2. Apakah cabaran yang dialami oleh Encik ketika ingin menjadi naib juara untuk Bintang RTM Kawasan Utara.
3. Pada tahun 1995, Encik telah berjaya mara peringkat Akhir untuk pertandingan Asia Bagus Malaysia. Apakah perasaan Encik apabila dinobatkan sebagai Finalis Asia Bagus Malaysia.
4. Apakah cabaran yang dialami oleh Encik ketika berada di pentas akhir untuk Asia Bagus Malaysia (1995).
5. Pada tahun 1997, Encik telah menjadi johan bagi Johan Team Search Talent Solfun Discotheque (1997). Siapakah yang memberi pembakar semangat kepada Encik sehingga berjaya menjadi juara ketika itu.
6. Apakah perasaan Encik ketika dinobatkan sebagai juara Team Search Talent Solfun Discotheque (1997).
7. Apakah cabaran yang dialami oleh Encik ketika ingin menjadi juara Team Search Talent Solfun Discotheque.
8. Pada tahun 1998, Encik telah menjadi Naib Johan Bintang Karaoke Medan MARA KL (1998). Apakah perasaan Encik apabila dinobatkan sebagai Naib Johan Bintang Karaoke Medan MARA KL.
9. Apakah cabaran yang dialami oleh Encik ketika ingin menjadi naib juara bagi Bintang Karaoke Medan MARA KL.
10. Pada tahun 1998, Encik telah berjaya mara peringkat Akhir untuk pertandingan National Panasonic Singing Talent Malaysia. Apakah perasaan Encik apabila berjaya melangkahkan kaki ke peringkat akhir bagi pertandingan nyanyian tersebut.
11. Apakah cabaran yang dialami oleh Encik apabila ingin mara peringkat Akhir untuk pertandingan National Panasonic Singing Talent Malaysia?
12. Pada tahun 2008, Encik telah memasuki satu pertadingan yang agak popular di Malaysia iaitu Naib Juara Raja Lawak Musim 2 dan telah berjaya merangkul tempat kedua bagi pertandingan tersebut. Apakah perasaan Encik apabila dinobatkan sebagai naib johan bagi pertandingan tersebut.
13. Apakah cabaran yang dialami oleh Encik apabila pertama kali menjadi seorang pelawak dan terus berjaya mendapat tempat kedua bagi Raja Lawak Musim 2.

8.0 BAHAGIAN F: SUMBANGAN

1. Pada tahun 1995, Encik telah terpilih sebagai finalis dalam satu program yang telah dianjurkan oleh pihak stesen televisyen dari Jepun iaitu Fuji Television dalam rancangan Asia Bagus!. Bolehkah Encik menceritakan serba sedikit mengenai sumbangan yang telah Encik berikan kepada negara sehingga berjaya tersenarai sebagai finalis dalam program realiti tersebut?
2. Seperti yang kita sedia tahu, program Asia Bagus yang dianjurkan oleh pihak Fuji Television itu telah mengumpulkan setiap bakat dari 4 negara iaitu Jepun, Indonesia, Malaysia, dan Singapura. Apakah perasaan encik selepas dapat menyumbang kepada negara kerana tersenarai sebagai finalis dalam program tersebut?
3. Gabungan Encik Azrul sedikit sebanyak telah menaikkan lagi nama kumpulan Cham dalam program Raja Lawak Musim ke-2 yang dianjurkan oleh pihak Astro . Apakah perasaan Encik apabila dapat menaikkan nama kumpulan Cham sehingga dikenali oleh orang ramai.
4. Sebagaimana yang kita tahu, encik telah menulis sebuah lagu untuk mangsa MH370 yang bertajuk 'Seandainya'. Adakah dengan lagu tersebut encik menunjukkan solidariti bersama rakyat Malaysia?

9.0 BAHAGIAN G: PESANAN DAN HARAPAN

1. Apakah pesanan yang Encik boleh berikan kepada pelawak yang masih baru dalam industri seni Malaysia.
2. Apakah nasihat yang boleh diberikan oleh Encik, Apabila seseorang merasa gugup berada di atas pentas.
3. Apakah pesanan Encik untuk artis baharu yang ingin menyerlahkan bakat beliau tetapi tidak diberi kesempatan.
4. Apakah harapan Encik terhadap industri seni pada masa sekarang.
5. Apakah tips kepada generasi baharu yang menceburi industri seni pada masa sekarang.
7. Pada pendapat Encik, apakah cara yang boleh digunakan untuk menaikkan lagi kualiti pelawak di negara kita?
8. Pada pendapat Encik, bagaimanakah cara untuk memastikan seseorang pelawak itu mempunyai kualiti yang tinggi.
9. Apakah pendapat Encik terhadap seorang pelawak yang terkesan akibat covid-19.
10. Apakah harapan Encik untuk artis senior yang kian dilupakan pada masa sekarang.
11. Pada pendapat Encik, Apakah pengorbanan anak seni terhadap keluarga mereka?
12. Sepanjang tempoh pandemik, ada tak perkara yang tersinggung?

SEMASA TEMUBUAL

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Boleh encik perkenalkan diri Encik?
2. Boleh Encik bagitahu hobi encik ketika masa lapang?
3. Encik bermain boleh sepak dengan rakan artis ataupun rakan lain?
4. Memang cita-cita encik dari kecil memang bermain bola atau ingin menjadi artis?
5. Pada awal encik bermula industri seni tu adakah encik menerima tentangan ataupun banatahan daripada ahli keluarga?
6. Ayah encik ada bagi tentangan tak masa join competition?
7. Adakah nenek Encik saja yang tahu pada ketika itu?

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

1. Dimanakah encik bersekolah rendah dan cerita serba sedikit tentang sekolah tersebut?
2. Dalam banyak-banyak sekolah yang encik pernah pergi, apakah pengalaman manis yang encik pernah lalui dan tidak pernah dilupakan sampai sekarang?

BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL SEBAGAI PENYANYI

1. Boleh encik ceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang penyanyi?
2. Seperti yang kita tahu Encik merupakan seorang komposer lagu dan pada tahun bilakah encik mula-mula mencipta lagu?
3. Seperti yang kita tahu, encik buat lagu untuk MH370 dengan lirik yang sangat mendalam sampai keluarga boleh beri appreciation untuk encik sendiri. Jadi, dari mana encik dapat inspirasi untuk membuat lirik lirik itu?
4. Untuk berapa lamakah encik ambil masa untuk encik mencipta lagu seandainya?

BAHAGIAN 4: KERJAYA UTAMA SEBAGAI SEORANG PELAWAK

1. Bolehkan encik ceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pelawak?
2. Seperti yang kita tahu, encik buat lagu untuk MH370 dengan lirik yang sangat mendalam sampai keluarga boleh beri appreciation untuk encik sendiri. Jadi, dari mana encik dapat inspirasi untuk membuat lirik lirik itu?
3. Apakah reaksi atau perasaan encik ketika dinobatkan sebagai naib johan musim kedua?
4. Apakah reaksi atau perasaan encik Ketika dinobatkan sebagai naib johan Raja lawak musim ke-2 itu?

BAHAGIAN 5: KERJAYA SAMPINGAN SEBAGAI SEORANG PELAKON

1. Bolehkah encik menceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pelakon?
2. Antara banyak-banyak filem yang encik lakonkan, filem manakah yang dapat memberikan impak yang besar terhadap kerjaya encik?
3. Apakah watak yang paling digemari oleh encik yang tidak dapat dilupakan?
4. Apakah perasaan encik ketika ditawarkan untuk berlakon dalam Geng Bas Sekolah itu?
5. Boleh kami tahu kenapa macam dia ‘stop’ cerita Geng Bas Sekolah tu?

BAHAGIAN 6: KERJAYA TAMBAHAN SEBAGAI SEORANG PENGUBAH SUARA

1. Bolehkah encik menceritakan pengalaman kerjaya encik sebagai seorang pengubah suara.
2. Dia macam encik tidak tahu bila dia nak siarkan voice over tu?

3. Diantara ksemua VO yang telah encik lakukan yang manakah yang paling disukai oleh encik?

BAHAGIAN 7: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

1. Pada tahun 1995 encik telah menjadi naib juara untuk Bintang RTM dikawasan Utara. Bolehkah encik menceritakan serba sedikit perasaan dan reaksi ketika kumpulan encik dinobatkan sebagai naib juara ketika itu.

2. Ada tak cabaran yang dialami oleh encik semasa menyertai pertandingan tu?

3. Macam untuk pemilihan lagu untuk 'competition' tu sendiri atau ditetapkan?

4. pada tahun 1997 encik telah menjadi johan untuk johan team search talent 'Solfun Discotheque', siapakah yang memberi pembakar semangat untuk encik sehingga encik berjaya menjadi juara pada ketika itu.

5. Ada latihan ke untuk menari tu?

6. Cabaran pada masa itu ada ke macam pesaing terdekat.

7. Kalau macam lepas jadi juara tu macam tak beritahu la dekat family tu semua?

8. Pada tahun 1998, encik telah menjadi naib johan Bintang Karaoke Medan Mara KL. Perasaan encik bila encik dinobatkan sebagai naib johan bagi Bintang Karaoke Medan Mara KL pada ketika itu.

BAHAGIAN 8: SUMBANGAN

1. pada tahun 1995 encik telah terpilih sebagai finalis dalam satu program yang telah dianjurkan oleh pihak stesen televisyen di Jepun iaitu Fuji Television dalam rancangan Asia Bagus. Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai sumbangan yang encik telah berikan kepada negara sehingga berjaya tersenarai sebagai finalis dalam program reality tersebut.

2. Untuk program Asia Bagus tu encik maksudnya kena bertanding secara bersemuka antara negara lain ke macam mana?
3. Gabungan encik sedikit sebanyak telah menaikkan lagi nama kumpulan Cham dalam program Rajalawak Musim Kedua. Apakah perasaan encik apabila dapat menaikkan lagi nama kumpulan Cham sehingga dikenali oleh orang ramai?
4. Gabungan encik sedikit sebanyak telah menaikkan lagi nama kumpulan Cham dalam program Rajalawak Musim Kedua. Apakah perasaan encik apabila dapat menaikkan lagi nama kumpulan Cham sehingga dikenali oleh orang ramai?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Asni Zaidi binti Jamaliuddin, NIP: pada 18/7/2022 dengan bersetuju dengan syarat-syarat tertulis yang telah disetujui di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah persetujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penyebarluasan tanpa me siarkan dayaran/tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi kajian selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh berlu cajalah.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penempahan ketak dan boleh mengambil apa-apa bantahan yang diberikan berkaitan dengan pemelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perutidaik perlu diserahkan oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyeleledik sama ada dari Malaysia atau dari negara yang bertujuan mempunyai penyeleledikan yang sam dengan syarat:-
 - a. Akses petikan dimuat dalam rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam peredaran, tesis dan sumbernya (tokoh) benar-benar diakui oleh penyeleledik-penyeleledik.

(Nama tokoh) Asni Zaidi binti Jamaliuddin
Tarikh: 3/8/2022

(Nama pensyarah: Nurulainisa Binti Abdulla)
D.P. Detan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

GAMBAR



RUJUKAN

- Farihad Shalla Mahmud & Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, August 2). Artis veteran susut nilai. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>
- Norshafawati Saari, et al. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: Paparan dasar industry hiburan dalam akahbar-akhbar di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 26(2), 47-65.
- Azrul_Zaidi. (n.d.). In Malay Wiki.
https://malay.wiki/content/Rahmad_Mega/Laman_Utama.html
- Azrul Zaidi [@azrulzaidi]. (n.d.). Posts [Instagram profile]. Instagram. Retrieved May 12, 2022, from <https://www.instagram.com/rahmadmega/?hl=en>
- Seow, H. L. (2020, July). *Sejauhmanakah sejarah lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?*.
https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah
- Siti Roudhah Mohamad Saad ... (2012). Penukilan Ilmu baharu melalui sejarah Lisan . Retrieved May 12, 2022, from http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf
- Serimah Mohd Sallehuddin. (2021). Persatuan artis veteran Perlu Campur Tangan | berita harian. Berita Harian. Retrieved May 12, 2022, from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846149/persatuan-artis-veteran-perlu-campur-tangan>
- Ly, W. (2020). Definisi Muzik. Scribd. Retrieved May 12, 2022, from <https://www.scribd.com/doc/218569968/Definisi-muzik>